

Samudera

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY

BIL01 2005 • ISSN 0127-6700



• *Kekeluargaan Dalam TLDM*

• *Budaya Senggaraan Dalam TLDM*

• *Tsunami Aceh- Bantuan Kemanusiaan TLDM*


• *PLKN- Pupuk Jati Diri*

ISSN 0127-6700



9 770127 670004

A Secure Profile



76/62 SUPER RAPID

The 76/62 gun mount has been adopted by 51 Navies throughout the world and over 1000 units have been produced by OTO Melara and its licensees. A major factor for such unrivalled success is the balanced design approach: the gun mount is significantly lighter than larger calibres, while it is not heavier than smaller calibre competitors.

The 76/62 Super Rapid is a major advance in gun evolution, that makes it more effective than other guns of similar calibre. Firstly, the high rate of fire (120 rounds per minute), which can be achieved at any elevation, combined with the weight of the ammunition, results in the highest amount of total energy delivered to the target in a given time.

Secondly, the calibre is suitable for the incorporation of any available and relevant technology such as special fusing and guidance. Finally, interfacing with fire control systems throughout the world has been achieved successfully, while maintaining the Oto Melara standards for reliability and safety.

Now, more than ever, Oto Melara is well aware of the future challenges for the 76 mm gun. The Company is, therefore, approaching this new era by recognizing the need for a change in the relationship with its customers, i.e. not that of a Supplier, but that of a Partner. Furthermore, a Partner who will endeavour to anticipate and satisfy Customer requirements through technology and its long-standing reputation for excellence.

Oto Melara. A new look, the usual and expected excellence

 **oto melara**

A FINMECCANICA COMPANY

Oto Melara via Valdilocchi, 15 La Spezia (Italy)
tel (+39) 0187 5811 - fax (+39) 0187 582669



Keterangan Kulit:

Kepulangan suami (anggota TLDM) dari pelayaran disambut dengan penuh kerinduan dan kasih sayang oleh keluarga

Lokasi: Tambatan Pangkalan TLDM Lumut, Perak Darul Ridzuan

Kandungan

<i>Fokus</i>	6
<i>Dari Pena TPTL</i>	9
<i>Santapan DiRaja</i>	10
<i>Budaya Senggarasan</i>	11
<i>Information Technology (IT)</i>	14
<i>Khidmat Negara</i>	16
<i>Join Navy See The World</i>	20
<i>Profil Antarabangsa</i>	22
<i>Analisis</i>	24
<i>Kritis</i>	25
<i>Personaliti</i>	26
<i>Ilmu Kelautan</i>	28
<i>Armada</i>	30
<i>Isu Maritim</i>	32
<i>Pengurusan</i>	34
<i>Promosi Kerjaya</i>	37
<i>Seni</i>	40
<i>Pangkat dan Kepakaran</i>	41
<i>Sihat</i>	42
<i>Naval Terms</i>	44
<i>Tsunami</i>	46
<i>Bakat</i>	51
<i>Tinta Rohani</i>	52
<i>Galley Samudera</i>	53
<i>Cerpen</i>	54
<i>Berita Bergambar</i>	56
<i>Sajak</i>	60



SIDANG REDAKSI

PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Datuk Ilyas bin Hj Din

KETUA PENGARANG

Laksamana Pertama Ahmad Kamaruzaman bin Hj Ahmad Badaruddin

PENGARANG

Kdr Mohd Reza bin Mohd Sany TLDM
Lt Rabayah bt Rahmat TLDM
Lt Rosdi bin Mohamad TLDM

WARTAWAN

BK PBS (I) Sabarudin bin Abas
LK KNA Iswardi bin Rashidi
LK 1 KNA Che Alang bin Che Latif

WAKIL LUMUT

Lt Karimah bt Awi TLDM
Lt Masliza bt Maaris TLDM
LK RGR Normahally bt Mohd Nor

WAKIL MAWILLA 1

Lt Kamaruzaman bin Ahmad TLDM
LK 1 RDP Hamizan bin Ahyad

WAKIL MAWILLA 2

Lt Che Hanifa Suriani bt Che Jaafar TLDM
LK 1 KNA Shahrudin bin Mohd Noor

WAKIL PULAREK

Lt Nurkahayu @ Nurfatihah bt Khalid TLDM

GAMBAR EHSAN

PR KEMANTAH
PR Markas Tentera Laut
PR Markas Armada
PR MPL TLDM
Warisan Advertising

REKABENTUK

Warisan Advertising Sdn Bhd
No. 25-2, Wisma Warisan
Jelatek Business Park, Jalan Jelatek
54200 KUALA LUMPUR
Tel: 03-42527279

E-mel:

editorsamudera@yahoo.com
<http://navy.mod.gov.my>

SAMUDERA diterbitkan sebanyak 4 kali setahun oleh Markas Tentera Laut (TLDM) dan diedarkan secara percuma. SAMUDERA mengalu-alukan sumbangan berbentuk rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan sebagainya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau e-mel.

**Majalah Samudera,
Markas Tentera Laut, Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak, 50634 KUALA LUMPUR.
Tel: 03-20713218/3165
Faks: 03-26927677**

Ralat Siri 3/2004

Artikel **PAB** (Lagu Rasmi) muka surat 29

Pencipta Lagu: LK PGM Mohd Shamram bin Ramly
Penulis Lirik: LK RGR Normahally bt Mohd Noor (ABOY)

Artikel **ARMADA** (KD SRI JOHOR) muka surat 42

Tarikh tauliah: 14 Februari 1968



Dari Meja Ketua Pengarang



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Isu pertama **SAMUDERA** dalam tahun 2005 ini kini telah berjaya diterbitkan untuk tatapan semua seperti yang dirancang. Pihak editor mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pembaca yang telah menyampaikan maklum balas positif dan membina bagi kami terus mempertingkatkan kualiti penerbitan **SAMUDERA**, seterusnya menepati objektif yang dihasratkan. Ini bertujuan bagi menambat hati dan selera pembaca dengan liputan yang lebih menyeluruh dan kontemporari. Sasaran pembaca juga telah diperluaskan kepada semua peserta Program Khidmat Negara, unit serta agensi kerajaan lain termasuk para pelajar dari peringkat sekolah hingga ke menara gading.

Tahun 2004 telah menampilkan beberapa pendekatan serta inisiatif baru bagi memperkemaskinikan jentera pengurusan TLDM agar tampak lebih efisien dan efektif. Konsep *Balanced Score Card* telah dipaparkan dalam 2 keluaran yang lepas termasuk artikel berkenaan Halatuju Strategik TLDM yang dirumus untuk dijadikan landasan pengurusan pembangunan TLDM hingga ke tahun 2020. **SAMUDERA** pada kali ini akan memberi fokus kepada satu lagi pendekatan iaitu **Pengurusan Risiko** atau *Risks Management*. Kaedah ini merupakan satu lagi pendekatan proaktif TLDM yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pembaca di semua peringkat pengurusan dalam usaha menangani 2 cabaran utama iaitu pengurusan sumber yang sentiasa terhad atau *managing scarce resources*, sekali gus memperolehi pulangan pelaburan yang tinggi (ROI). Cabaran kedua pula adalah dalam menentukan risiko kegagalan sesuatu program dapat dikurangkan sebaik mungkin. Konsep penerapan *risks management* sebagai satu lagi kaedah bantuan pengurusan korporat TLDM juga boleh adaptasikan oleh organisasi lain yang inginkan perubahan serta pembaharuan ke arah mempertingkatkan efisiensi dan keberkesanan penghasilan kerja atau *outcome* yang lebih baik.

Dalam **Pelan Strategik TLDM**, perancangan pembangunan holistik yang berteraskan pembangunan dan pengurusan keupayaan telah memberi fokus kepada pembangunan warganya (Navy People). **SAMUDERA** kali ini turut menyentuh berkenaan isu kekeluargaan yang menyumbang kepada pembangunan warga TLDM agar lebih baik dan berkualiti.

SAMUDERA 1/2005 mengenangkan betapa hubungan dan ikatan silaturrahim di dalam sesebuah keluarga, terutamanya dalam komuniti kecil atau besar, mampu bersama-sama memegang erat pepatah *Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*. Fokus kami pada kali ini ialah **Kekeluargaan Dalam TLDM** (Suami belayar, isteri patah kaki?) menjelaskan berkenaan keseimbangan dan keharmonian semua pihak dalam membentuk keluarga/masyarakat bahagia dan dalam masa yang sama, menyahut seruan negara. Kita dapat lihat bagaimana isu kekeluargaan jika tidak ditangani dengan baik bakal menimbulkan konflik dan menjejaskan kestabilan serta keharmonian keluarga. Secara tidak langsung, ia juga bakal mengundang masalah masyarakat jika tidak dijaga dari peringkat awal lagi. Bagi TLDM, keluarga yang sihat, bahagia dan harmoni akan meningkatkan prestasi warganya.

Keperihatinan pihak pengurusan TLDM yang menyentuh aspek kualiti hidup warganya bagi mewujudkan suasana kerja dan tempat tinggal yang sempurna, bertujuan untuk menyumbang objektif yang sama iaitu dalam mencapai tahap prestasi cemerlang yang lebih tinggi. TLDM juga memainkan peranan aktif sebagai instrumen dasar luar Malaysia yang wajar dioptimumkan. Namun begitu, peranan ini tidak begitu diketahui umum. Justeru, keluaran ini juga turut mengutarakan artikel mengenai pelayaran lawatan operasi kapal TLDM ke pelabuhan asing yang merupakan salah satu aktiviti yang menyumbang kepada peranan ini. Lawatan yang dilakukan oleh kapal-kapal TLDM ke negara asing juga disifatkan sebagai *showing of flag* bagi memberi peluang bagi TLDM memperkenalkan Ma-

laysia kepada dunia luar. Cabaran yang positif dari pelbagai aspek seperti memupuk budaya masyarakat majmuk, kualiti hidup yang tinggi, penguasaan terhadap teknologi moden dengan masyarakat yang maju serta berdisiplin sentiasa dipamerkan melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang lawatan.

SAMUDERA merupakan satu-satunya majalah yang terdapat di semua **Kem Latihan Khidmat Negara** di seluruh Malaysia. Bagi setiap keluaran majalah, sejumlah 1,500 naskah **SAMUDERA** telah diperuntukkan untuk diedarkan secara percuma ke setiap kem. Sekiranya terdapat kem latihan yang belum menerima edaran kami, sila hubungi Ibu Pejabat Program Khidmat Negara atau terus menghubungi kami melalui alamat/e-mel yang disediakan. Dalam keluaran kali ini, sidang pengarang telah memilih Kem Teluk Rubiah yang terletak di Manjung, Perak untuk diketengahkan kepada golongan muda. Adalah diharapkan melalui artikel yang dipaparkan ini akan memberi semangat baru kepada setiap peserta yang terlibat termasuk kepada mereka yang bakal mengikuti program ini, di samping menyingkap kembali kenangan manis kepada mereka yang telah menyertai program-program yang terdahulu.

Semoga majalah yang semakin dikenali ini akan terus mendapat sambutan baik dari semua pembaca.

Segala sumbangan, maklum balas serta kritikan membina adalah amat dihargai ke arah peningkatan mutu penerbitan yang berterusan. Sekalung budi dan ucapan terima kasih disampaikan kepada semua pihak terlibat yang telah memberi sokongan kepada kami sehingga masih bertapak ke hari ini.

Selamat membaca.

Salam hormat.

Kehebatan Gemilang Kembali Lagi !! Dengan KASUMA segalanya mungkin !

SENANG MENANG SENANG MENANG SENANG MENANG

Cabutan Bonanza KASUMA'05



4 BUAH PERODUA KEMBARA UNTUK DIMENANGI

HADIAH BONANZA

Sebuah Kereta
PERODUA KEMBARA

✓ setiap cabutan



HADIAH PERTAMA



Satu Pakej
UMRAH/MELANCONG

✓ setiap cabutan

**LEBIH HEBAT
LEBIH MUDAH
UNTUK DIMENANGI !!**

- Terbuka kepada semua pelanggan **Skim KASUMA** yang membuat pembelian dari **1 Januari 2005**.
- Tidak perlu menjawab sebarang soalan, menulis cogankata atau sebagainya ! Cuma beli dan anda berpeluang menjadi pemenang.

HADIAH KEDUA



5 Buah TV Warna
PATRIOT 21"

✓ setiap cabutan

HADIAH KETIGA



10 Set Memasak
VISIONS 6 Biji

✓ setiap cabutan

4 KALI
cabutan setahun !

Dengan setiap pembelian Skim KASUMA mulai sekarang anda layak secara automatik menyertai CABUTAN BONANZA KASUMA '05 terhebat ini !!!

Cabutan PERTAMA APRIL 2005

Bertindak segera ! Tarikh tutup cabutan PERTAMA 31 Mac 2005



Setia bersama anda



SUAMI BELAYAR ISTERI 'PATAH KAKI'?

Oleh: Aboy, Cawangan Perhubungan Awam Markas Armada
Foto: LK PPP Syed Kamarul Sufian

"Apa ni abang, asyik belayar je. Baru balik dari Labuan, ni nak ke Medan pulak. Susah la macam ni. Sebelum pergi, jangan lupa beli beli itu dan beli ini bang, dan tinggalkan duit lebih sikit. Nanti susah nak bergerak bila abang tiada."

Beginikah situasi puan apabila mengetahui suami puan ditugaskan belayar dan meninggalkan puan serta anak-anak dalam jangka waktu yang agak panjang?

"Hello, kenapa ni? Anak tak mahu makan? Anak demam? Awak susah nak tidur? Alamak, macam mana ni? Abang jauh ni, kapal anchor tengah laut. Sebulan lagi baru boleh balik."

Inikah pula situasi si suami yang sedang bertugas di tengah laut apabila dihujani panggilan telefon si isteri yang tidak memahami akan tugas si suami atau dalam erti kata lain sengaja tidak mau mengerti keadaan itu?

Bersuamikan seorang anggota tentera sebenarnya menuntut pengorbanan yang sangat besar termasuk pengertian tulus dari isteri. Kerjaya tentera laut sebagai contoh, adakalanya mengundang pelbagai tanggapan bahkan turut digambarkan sebagai satu tugas bahaya.

Bukan sesuatu yang mudah meskipun nampak indah jika tidak cekal dan kurang bijak mengolah cuaca dalam rumahtangga. Nescaya keharmonian akan goyah malah boleh mengundang kepada risiko kurang enak.

"Orang kata kalau nak bersuamikan orang laut (NAVY), mesti kahwin dengan kerjayanya juga. Maknanya, kita kena faham tanggungjawab dan tugas mereka sama." ujar Puan Rodzi bt Abdullah, 38, isteri kepada Laksamana Pertama Jamil bin Osman apabila ditanya bagaimana beliau menjalani kehidupan ketika suaminya bertugas di laut.



Dalam pada itu, tidak kurang juga yang memberi pelbagai pendapat berbeza apabila turut diajukan soalan yang sama.

Puan Rodzi adalah di antara golongan isteri yang ditinggalkan apabila suami bertugas di laut. Sebagai isteri kepada Pegawai Kanan Armada yang memerlukan lebih banyak tumpuan kepada tugas-tugas di laut, beliau amat memahami tugas suaminya.

Bagi Puan Rodzi, penugasan suaminya di laut bukan bererti beliau 'patah kaki'. Sebagai ibu kepada 2 orang anak yang sedang meningkat dewasa, beliau tidak janggal dalam menguruskan rumahtangga tanpa gandingan suami

kerana masa beliau banyak diisi dengan kesibukan kerja rumah selain daripada memikul tanggungjawab sebagai Ahli Jawatankuasa (AJK) Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT) Laut di Pangkalan TLDM Lumut, Perak Darul Ridzuan.

Menurutnya lagi, beliau benar-benar beruntung kerana terlibat dengan pelbagai aktiviti BAKAT. Badan kebajikan itu katanya, banyak memberi manfaat dan sokongan moral kepada isteri anggota seperti yang sering ditinggalkan apabila suami mengikuti pelayaran.

"Apabila kita melibatkan diri dengan BAKAT, banyak aktiviti yang boleh kita ikuti. Aktiviti sosial seperti kerja-kerja amal menjadi salah satu aktiviti penting kepada badan ini," katanya lagi.

Puan Rodzi menambah, melalui BAKAT juga para isteri dapat menambah pengetahuan dalam hal ehwal pengurusan rumahtangga, pengetahuan am dan aspek-aspek sosial serta kemasyarakatan termasuklah seni dan kebudayaan.

"Bila disibukkan dengan aktiviti begitu, saya tidaklah berasa sunyi. Lagipun kawan-kawan di sekeliling ramai. Biasalah, bila dah berjumpa tu, macam-macam perkara yang dibualkan, tapi bukanlah yang negatif," ujar wanita cantik manis ini.

"Menyentuh bab memasak, saya tidak fikir banyak. Bila suami tiada, saya masak ala kadar sahaja, kadang-kadang beli bungkus. Maklumlah tinggal berdua dengan anak, yang seorang lagi di asrama. Tapi kalau suami tidak ke mana-mana, saya akan masak macam-macam, beriya-nya. Dia tak cerewet dan apa yang saya masak, semua sedap bagi dia. Memang senang nak menjaga dia."



Menurut Puan Rodzi, pernah satu ketika beliau menghadapi masalah apabila ingin menguruskan perbelanjaan rumah. Biasanya suami yang menguruskannya. Beliau terkejar-kejar untuk membayar segala macam bil sehingga terpaksa berbaris panjang. Tetapi kini, dengan adanya kemudahan internet, segala urusannya berjalan lancar.

Walaupun bagaimanapun, Puan Rodzi amat bertuah tinggal sebumbung dengan Laksamana Pertama Jamil Osman. Kehidupan bersama selama 21 tahun menyulam usia perkahwinan, menjadikan beliau arif dalam membaca sikap dan sifat suaminya. Meskipun sibuk, walau ke mana bertugas, suami beliau tidak pernah lupa untuk menghubunginya dan bertanya khabar. Sifatnya yang penyayang dan romantik menepis prasangka buruk beliau terhadap suaminya.

"Jangan sekali-kali fikir negatif terhadap suami. Percaya seratus-peratus pun jangan. Selalu fikirkan yang baik dan semuanya akan turut menjadi baik," katanya lagi.

"Pucuk pangkalnya pegangan agama mesti kuat. Kalau tidak, dengan mudah kita akan terpengaruh dengan elemen-elemen tidak sihat. Tapi mungkin ramai yang tidak sedar. Sebenarnya ada manisnya bila dia selalu belayar. Jarang jumpa, sesekali bertemu, seronok juga," tambah Puan Rodzi sambil ketawa mengakhiri perbualan.

"Masa tu dia di Lumut, saya masih di Johor. Bayangkan pada masa tu saya sedang sakit hendak bersalin. Sudahlah pengalaman pertama, dia pula tiada di sisi. Tapi saya tak salahkan dia. Dah tugas dia macam tu, saya redha. Alhamdulillah, ibu saya yang menguruskan semuanya. Namun 3 hari kemudian, suami saya dapat cuti dan balik ke Johor untuk melihat keadaan saya dan anak pertama kami."

"Tapi ujian kedua bagi saya lebih hebat. Saya benar-benar tertekan semasa melahirkan anak kedua. Suami saya tiba-tiba dihantar berkursus ke Itali selama satu tahun ketika kandungan saya mencecah 6 bulan. Bayangkanlah perasaan saya ketika itu. Saya tidak mempunyai sesiapa setelah berpindah ke Lumut. Saya berseorangan," ujar Puan Junaidah sebak.

"Namun, seperti anak pertama, ibu saya yang menemani. Saya tidak tahu hendak mengadu kepada siapa lagi. Saya memang sangat sedih. Perasaan saya bercampur-baur dengan kesakitan yang sedang ditanggung. Suami saya hanya dapat menatap wajah anak kedua kami setelah anak itu berusia 9 bulan kembalinya dia kembali ke tanahair."

"Sebenarnya saya tidak patut berasa sedih atau terkiln dengan keadaan itu kerana saya sudah menerima dia sebagai suami saya. Saya memang faham tugas dia. Cuma sebagai seorang wanita, emosi saya

cepat terasa apatah lagi di saat-saat saya sangat memerlukan dia," ujarnya lagi.

Menurut Puan Junaidah, apa yang penting bagi seorang isteri ialah jangan terlalu bergantung pada suami. Natiujahnya nanti akan mengundang masalah pada diri sendiri.

"Mula-mula dulu saya tak pandai memandu. Memang bermasalah bila saya hendak ke mana-mana, semua nak tunggu dia bawa. Bila dia tiada, terpaksa menumpang kawan atau minta mereka tolong hantarkan. Tapi saya fikir juga, sampai bila? Saya ambil iktibar atas apa yang berlaku. Saya mula belajar memandu dan akhirnya saya boleh bawa kereta sendiri dan hidup berdikari. Nak urus rumahtangga tak susah. Anak-anak dah dewasa. Mereka pun dah tak kisah berpisah dengan ayahnya. Semua perbelanjaan rumah saya yang uruskan. Suami saya pun dah tak risau lagi apabila hendak tinggalkan kami anak-beranak."

Walau apapun, Puan Junaidah tetap bersyukur. Penglibatannya di dalam BAKAT (Laut) banyak membantunya mengawal emosi sepanjang ketiadaan suami. Aktiviti menarik yang dianjurkan badan itu banyak memberi impak positif kepada dirinya. Namun begitu, kesibukan menguruskan kerja-kerja di rumah dan anak-anak membuatnya leka seketika dengan kesepian yang mencengkam.

Bagi Puan Junaidah bte Sumari, 39 kini dia sudah tidak berasa janggal apabila terpaksa menguruskan keluarganya berseorangan. Tambahan pula suaminya, PW 11 TLR Mohd Nasir Ramli, 40 akan menamatkan perkhidmatan dalam masa terdekat.

"Saya dah lali. Dah faham sangat dengan kerja dia. Lainlah masa mula-mula dulu, tertekan juga. Masa mula-mula kahwin, saya mengajar di Sekolah Rendah Islam Johor Bahru. Tiada masalah sebab masa tu belum ada anak. Tapi ketika hendak melahirkan anak pertama, saya diuji buat pertama kali apabila suami kena belayar di saat-saat genting saya hendak melahirkan," katanya memulakan perbualan.





Lain pula kisahnya bagi Laskar Kanan Norazlina Norulddin, 27 yang turut mempunyai kerjaya sebagai anggota TLDM, sama seperti suaminya. Beliau cukup memahami tugas suaminya yang terikat dengan disiplin, tanggungjawab dan peraturan yang termaktub sebagai anggota tentera.

Namun, dia turut merasa kesan apabila suaminya belayar. Seperti kaum isteri lain, Azlina merasa tergugat juga. Tambahan pula dia isteri yang bekerja, lebih dari separuh harinya dihabiskan di pejabat selain sesekali mengikuti tugas luar.

Menceritakan pengalamannya, isteri kepada Laskar Kanan Mohd Farid Saem ini menyimpan banyak kenangan pahit manis sepanjang ketiadaan suaminya.



Kegembiraan jelas terpancar pada raut wajah isteri dan anak-anak ketika menyambut kepulangan suami dari pelayaran.



"Saya tidak boleh lupa apabila suami saya kena belayar selama sebulan setengah ke Korea dan China. Masa itu dia di kapal KD JEBAT. Kapal Frigate, biasalah. Nak dijadikan cerita, kedua-dua anak saya demam kuat. Kelam-kabut saya dibuatnya. Maklumlah, masa tu saya tidak pandai memandu. Terpaksa minta tolong jiran untuk hantarkan ke hospital. Mujurlah ada jiran yang boleh membantu."

"Merumitkan lagi keadaan, pengasuh anak saya pula tiba-tiba minta cuti, nak balik kampung. Pada saat itu saya tak boleh nak fikir panjang, saya

terus mohon cuti sementara nak mencari orang tolong tengokkan anak. Kadang-kadang kerenah pengasuh ni buat kita pening juga. Dapat yang memahami tu, alhamdulillah. Tapi ada juga yang saya dengar terlalu berkira dan tak mahu langsung bertolak-ansur, susahlah macam tu."

"Sebenarnya dulu susah juga bagi saya yang bekerja ni nak menguruskan rumah tangga tanpa dia. Apa tidaknya, segala perbelanjaan dapur, bil-bil, dan urusan lain terpaksa buat sendiri. Dulu tak pandai bawa kereta. Semua nak minta tolong orang hantarkan ke sana-sini. Tapi kita bukan tau hati orang, sekali dua boleh senyum lagi. Kalau hari-hari minta tumpang, muncung juga. Akhirnya, saya mula belajar kereta perlahan-lahan dan akhirnya mampu menguruskan diri sendiri."

"Penat? Memang penat. Sehari suntuk di pejabat. Dutynya lain cerita pula. Balik rumah nak urus anak-anak, kemas rumah, memasak, basuh kain baju dan macam-macam lagi. Kadang-kadang langsung tak sempat hendak berehat. Memang saya akui, kerjaya dan tugas sebagai isteri dan ibu memerlukan komitmen yang berbeza. Semua itu membuatkan saya bertambah cekal, tabah dan kuat semangat. Apa yang

berlaku banyak hikmah di sebaliknya."

Dalam pada itu, badan kebajikan BAKAT (Laut) telah memainkan peranan dalam mengimbangi keadaan seperti ini. Pelbagai aktiviti terutamanya yang berunsur kebajikan dilakukan dalam usaha mewujudkan dan mengamalkan budaya masyarakat penyayang yang prihatin di kalangan para isteri. Kesemua aktiviti ini adalah bagi menggalakkan para isteri mengisi kelapangan masa mereka dengan aktiviti bersama yang lebih bermanfaat di samping mengeratkan hubungan silaturrahim.

Justeru, kepada kaum isteri di luar sana, anggaplah secebis pengalaman ini sebagai pedoman dan semangat untuk terus berbakti kepada suami yang memikul tanggungjawab besar dalam mempertahankan negara tercinta. Ketelusan dan pengorbanan anda sebagai isteri terlalu agung dan inilah suntikan semangat untuk mereka lebih kuat dan tabah dalam menghadapi cabaran.

Pepatah Arab ada mengatakan, 'Tidak semua yang kita inginkan itu indah. Ibarat kapal tidak selalunya belayar mengikut haluan angin. Terpulang kepada kebijaksanaan kita untuk mengemudi kapal agar tidak karam ke dasar lautan.' **S**



Timbalan Panglima Tentera Laut

(Laksamana Madya Datuk Ilyas bin Hj Din)

“Segak” menjadi satu keperluan dalam perkhidmatan beruniform seperti Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Kesegakan merangkumi aspek yang luas seperti pakaian, bentuk badan, pasukan dan lain-lain lagi. Dalam konteks ini, saya ingin berkongsi tentang kesegakan individu. Pertama adalah tentang bentuk fizikal; sebagai anggota tentera amnya dan TLDM khususnya, adalah menjadi tanggungjawab individu untuk menentukan rupa paras mereka sentiasa terurus. Anggota yang berkualiti komited menjaga kesihatan dan ketampanan sebagai usaha yang berterusan atau dalam erti kata lain, satu komitmen seumur hidup. Proses rasmi wujud untuk menentukan perkara ini dibuat ukuran seperti ujian kecergasan dan kesihatan.

Kesegakan fizikal dihiasi pula dengan keseragaman pakaian (uniform). Pihak pengurusan TLDM khususnya memberi perhatian serius tentang pembekalan pakaian seragam yang bermutu tinggi dari semua aspek seperti jenis-jenis kain, kualiti jahitan dan juga reka bentuk muasir. Dalam hal ini, pakaian istiadat untuk anggota lain-lain pangkat telah mendapat kelulusan kerajaan untuk dibekalkan secara kontrak.

Kontrak yang wujud memerlukan pelaksanaan dan pemantauan yang efektif serta efisien yang mana semua proses telah dikemaskan untuk menentukan kontrak ini dijalankan dengan berkesan. Dalam isu ini, saya mendapati elemen yang paling penting tetapi diabaikan adalah tanggungjawab pengguna (individu). Piawaian boleh ditentukan dengan pemantauan rapi tetapi pokoknya, pelanggan akhir iaitu individu yang dibekalkan dengan pakaian seragam ini perlu berpuas hati sepenuhnya. Dalam audit rambang seperti di majlis-majlis rasmi (perbarisan), masih terdapat segelintir anggota yang menerima khidmat kontrak walaupun ianya tidak memenuhi kehendak mereka. Ekorannya, keadaan ini tidak berupaya untuk mewujudkan kesegakan yang diidamkan. Anggota atau individu memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan mutu khidmat yang dibekalkan oleh pihak kontraktor. Kita perlu mempunyai perasaan megah dengan pakaian seragam yang melambangkan identiti pasukan atau TLDM. Kunci kejayaan dalam konteks kesegakan ini adalah di tangan kita sendiri. **S**





DYMM Sultan Selangor Santapan Beradat bersama TLDM

Oleh: Lt. Muda Siti Salina Bt. Johari PSSTLDM
Foto: LK PWP Fauzi Bin Ramly



DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah...Kepten Yang Dipertua TLDM.

'Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas..... takkan Melayu hilang di dunia'. Pepatah ini mempunyai keindahan gaya bahasa yang tersendiri. Tetapi, pernahkah kita terfikir apakah maksud yang tersirat di sebalik kata-kata itu. Secara kesimpulannya boleh dikatakan bahawa tradisi yang lama mungkin akan lupus begitu saja sekiranya generasi pelapis baru sebagai pemangkin warisan tidak mempraktikkannya pada masa kini.

Baru-baru ini, satu Majlis Santapan Beradat Tentera Laut Diraja Malaysia telah diadakan di Istana Alam Shah, Klang pada 29 November 2004. Majlis ini adalah satu daripada tradisi yang terdapat di dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Pada asalnya ia diamalkan oleh Tentera Laut British dan terus dilaksanakan sebagai langkah mengekalkan tradisi, istiadat pegawai tentera laut dan tamunita semasa majlis makan beradat di dalam mes.



Suasana dewan santapan beradat di Istana Alam Shah, Klang.

Dalam pada itu, majlis makan malam tamunita (Ladies Guest Night) telah dijadikan satu tradisi di dalam TLDM khususnya dan tentera laut amnya di seluruh dunia. Majlis ini diadakan sebagai menghargai pengorbanan dan kesabaran isteri menguruskan rumahtangga semasa suami pergi belayar. Pelaksanaan majlis ini adalah sama sepertimana majlis makan beradat.

Majlis pada malam itu diserikan dengan keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj merangkap Kepten Yang Dipertua TLDM. Kesudian Tuanku mencemar Duli meraikan warga

TLDM khusus-nya merupakan pengorbanan yang amat besar.

Dalam titah ucapannya, baginda mengharapkan agar warga TLDM mengamalkan konsep kerja yang berkualiti supaya dapat memberi manfaat kepada TLDM sendiri dalam proses pemberian maklumat sejajar dengan perkembangan era teknologi baru.

"Justeru itu, beta berharap agar pegawai-pegawai yang telah diamanah mengoperasikan aset pertahanan negara dengan penuh tanggungjawab dan komitmen supaya dapat merealisasikan misi dan visi TLDM. Sentiasa mencari pendekatan yang terbaik, kreatif dan strategi baru dalam mencapai perubahan secara berterusan."

"Kita perlu sedar, sesebuah negara tidak akan dikompromi amnya yang berkaitan dengan dunia antarabangsa," titah baginda.

Majlis pada malam itu mempunyai keunikannya tersendiri seperti ketukan 'Tubular Bell' di mana para jemputan dan hadirin dikehendaki mengambil tempat di balai santapan. Seterusnya upacara diteruskan dengan minum ucap selamat oleh Yang Di-Pertua (YDP) kepada seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, diikuti dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Akhir sekali merupakan minum ucap selamat oleh DYMM Sultan Selangor kepada Tentera Laut Diraja Malaysia.

Turut hadir ialah YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan isteri; YAB Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo dan isteri; juga Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Sri Mohd Anuar Hj. Mohd Nor dan isteri. **S**



Turut hadir bersama YAB Menteri Besar Selangor....

BUDAYA SENGGARAAN (PENJAGAAN) DALAM TLDM - MAINTENANCE CULTURE IN THE RMN -

Oleh: Laksamana Pertama Ahmad Kamarulzaman

Foto: LK PPP Syed Kamarul Sufian

Bagi mereka yang pernah menaiki kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), keadaan kehidupan, kebersihan, tempat tinggal, suasana kerja yang ceria, selesa serta peralatan yang beroperasi melambangkan situasi pengurusan yang berkualiti di mana pihak kepimpinan dan warganya berfungsi sebagai satu sistem yang efektif. Dalam ertikata yang lain, ia menggambarkan sebuah sistem pengurusan yang efektif dengan corak kepimpinan yang komited serta warganya yang bertanggungjawab dan mempunyai budaya kerja yang baik.

Amnya imej TLDM adalah sinonim dengan rupacara serta keadaan senggaraan serta penjagaan kapal dalam Armadanya termasuk pangkalan-pangkalan TLDM yang di Malaysia. Kapal yang baik penjagaan dan senggaraannya akan mencapai tahap kesiagaan yang tinggi dan ini pasti akan menyumbang kepada keupayaan tempur yang dihasratkan. Kapal yang kotor pula yang mana tidak disenggara dengan baik, disertai dengan warganya yang muram pula akan melambangkan keadaan yang bertentangan.

Keperluan penjagaan/pengurusan yang baik ini tidak banyak berbeza dengan keadaan di rumah kita sendiri. Rumah yang bersih dengan laman yang sentiasa terjaga, peralatan yang berfungsi baik serta tandas yang bersih melambangkan kediaman telah diurus dengan baik. Keadaan ini juga



Anjungan kapal.... bersih dan kemas

menggambarkan bahawa kerjasama erat terjalin antara ahli keluarga yang menginap di dalamnya. Di sini, setiap ahli keluarga memainkan peranan masing-masing dan seterusnya memenuhi tanggungjawab individu.

Selaku bekas Pegawai Memerintah KDJEBAT, saya berpendapat bahawa budaya penjagaan adalah amat kritikal untuk dipupuk dan dipraktikkan di semua kapal TLDM kerana ia akan melambangkan imej kapal tersebut termasuk warganya. **Budaya penjagaan yang baik mewujudkan suatu perasaan bangga yang sukar digambarkan di kalangan warga kapal. Perasaan bangga ini atau lebih tepat lagi sense of pride boleh dijadikan agen motivasi yang paling berkesan dalam sistem pengurusan organisasi yang berkesan.** Agen motivasi bukan sahaja boleh menjadi tenaga penggerak malah ia juga mampu berperanan sebagai key driver bagi mencapai kejayaan yang berterusan. Dari aspek budaya

penjagaan yang baik dalam sesebuah unit termasuk kediaman khususnya kapal TLDM, ia boleh dihuraikan seperti berikut:

- Kapal yang bersih dan terjaga bermakna warganya dapat tinggal dan bekerja dalam keadaan yang bukan sahaja selesa dan selamat bahkan memberi motivasi tinggi serta mampu mewujudkan satu semangat yang positif. **Seperti juga keadaannya sesebuah rumah yang bersih dan dijaga baik, ia bukan sahaja menjadi kebanggaan bahkan memberi satu kepuasan kepada penghuninya.** Keadaan yang positif ini akan menyediakan persekitaran kerja dan tempat tinggal yang menyumbang kepada peningkatan kualiti kerja dan kualiti hidup warganya.
- Kapal TLDM sering membuat lawatan ke luar negara. Keadaan kapal yang sentiasa bersih dan terjaga secara tidak langsung akan mempamerkan imej positif, bukan sahaja kepada TLDM bahkan kepada negara kita sendiri. Peranan yang dimainkan oleh kapal serta warganya dalam perspektif ini menyumbang kepada peranan TLDM sebagai instrumen dasar luar Malaysia yang berkesan.
- Budaya penjagaan atau *Maintenance Culture* yang juga dibangkitkan oleh YAB Perdana Menteri bukan sahaja perlu ditekankan bahkan ia perlu dipraktikkan oleh semua peringkat anggota dalam sesebuah



organisasi. Dalam hal ini, semua anggota mempunyai peranan masing-masing, baik dari peringkat pengurusan sehingga ke peringkat penyelia dan anggota lainnya. Ia memerlukan pemahaman atas objektif atau matlamat serta manfaat yang bakal diperolehi, komitmen, arahan yang jelas, mekanisma kawalan yang efektif serta semangat tanggung-jawab serta kekitaan yang tinggi.



Salah satu laluan dalam kapal TLDM. Bersih, cantik dan teratur - Kebanggaan kapal

- **Budaya penjagaan dari perspektif kejuruteraan pula akan membantu meningkatkan tahap kesiagaan kapal TLDM** sekaligus meningkatkan efisiensi serta menyumbang kepada keupayaan tempur yang tinggi.
- Bagi Navy People atau warga TLDM, **budaya penjagaan pula boleh dilihat dari perspektif penjagaan kesihatan diri dengan menggalakkan budaya hidup sihat.** Bukan sahaja ia dituntut oleh agama bahkan anggota yang sihat adalah resipi bagi keluarga bahagia. Bayangkan jika kita tidak sihat dan selalu jatuh sakit, keluarga kita akan merasa beban dan tekanan hidup. Kerja yang tidak dapat kita laksanakan merugikan organisasi, kerajaan dan negara selain dari kos rawatan dan ubatan.
- **Budaya penjagaan juga secara tidak langsung memupuk semangat kekitaan** dan kerja secara berkumpulan yang menjurus kepada disiplin yang tinggi dalam organisasi kita.
- Senggaraan kapal, kediaman yang baik juga boleh **menjimatkan kos pengoperasian atau kos penjagaan kepada Kerajaan.** Penjimatan dibuat apabila budaya penjagaan boleh mengawal kos pengoperasian apabila kekerapan kerosakan menurun atau kerja pembaikan dapat dielakkan.

Peranan Kepimpinan dan Pengurusan:

- ❑ Sebagai pemimpin atau di pihak pengurusan, kita boleh memainkan **peranan enabler and facilitator** dengan merumuskan objektif yang jelas dan difahami semua anggota dalam organisasi dan memfasilitasikan pencapaian objektif serta hasil yang dihasratkan. Ini boleh dilaksanakan dengan mengkaji serta menjajarkan dasar, arahan proses kerja dan prosedur sedia ada agar segala dasar ataupun arahan yang dikeluarkan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Secara ringkas dasar serta arahan perlu jelas dan perlu disampaikan, difahami bahkan yang penting sekali dihayati oleh anggota semua peringkat.
- ❑ **Memupuk komunikasi yang efektif** di kalangan semua anggota oleh kerana penyampaian maklumat yang baik serta sistem maklum balas yang berkesan adalah faktor kejayaan dalam pelaksanaan sesuatu dasar atau arahan. Di dalam kapal dan unit TLDM sistem bahagian atau Divisional System merupakan satu sistem yang terbukti berkesan sekiranya ia dipraktikkan dengan efektif.
- ❑ **Mekanisma kawalan** sedia ada yang dipraktikkan harus dikuatkuasakan secara serius. Sebagai contoh, sistem lawatan atau *rounds*

amat efektif. Di kapal TLDM *rounds* dilakukan beberapa kali sehari bagi menentukan keadaan kapal bersih baik di tempat tinggal, pejabat, ruang operasi, geladak bawah dan geladak atas sehingga ke bilik air dan tandas. Bahkan pelaksanaan *rounds* yang betul tidak harus dikompromi kerana ia penting bagi menentukan semua sistem kapal berjalan lancar, semua anggota selesai, dan yang penting sekali kapal dan warganya sentiasa berada dalam keadaan selamat oleh kerana kapal di laut sentiasa terdedah kepada risiko dan bahaya bak kata istilah pelaut – *the ship is always in harms way*.

- ❑ Pangkalan TLDM Lumut, Perak walaupun telah berumur lebih 25 tahun kini masih lagi tersergam indah. Malahan perancangan pembangunan infrastruktur yang lebih bersepadu serta rancangan peningkatan dan senggaraan pangkalan yang lebih efisien menjadi tarikan kepada pelawat yang berkunjung ke Daerah Manjung. Seperti mana di kapal, **sistem senggaraan yang bersepadu melalui Planned Maintenance System atau Sistem Senggaraan Terancang (berjadual), check-off-list** atau senarai periksa serta lawatan (pemeriksaan) yang kerap dilakukan oleh pegawai serta penyelia bertugas menyumbang kepada sistem yang efektif.
- ❑ **Menggalakkan perubahan minda ke arah pencapaian perkongsian objektif** melalui semangat kekitaan antara warga sesebuah organisasi tersebut. Perubahan minda sememangnya merupakan suatu cabaran yang sentiasa dihadapi oleh setiap organisasi yang inginkan perubahan yang positif. Setiap perubahan lebih mudah dilakukan sekiranya dilaksanakan secara berperingkat dan tidak secara mendadak. Sebagai manusia, kita



sukar untuk menerima sesuatu perubahan khususnya apabila kita berada dalam zon (keadaan) yang selesa atau *comfort zone*. Walau bagaimanapun, sekiranya kita dapat melihat sendiri ataupun yakin ke atas manfaat atau hasil yang bakal dicapai lebih menguntungkan, rintangan atau *resistance* lebih mudah ditangani dan perubahan sikap lebih mudah dilakukan. Oleh itu, sebagai pemimpin yang komited, kita harus sedia untuk melaksanakan perubahan, bermula dengan perubahan diri kita sendiri sebelum kita mengharapkan warga organisasi kita menerima perubahan.

Bagaimana pula peranan kita sebagai warga kapal?

- Pastikan budaya penjagaan ini bukan sahaja dituturkan di bibir sahaja, ia hendaklah dikotakan melalui pelaksanaan kerja kita seharian. Kita perlu **membudayakannya dan dalam erti kata yang lain, ia harus dihayati dan dipraktikkan** bukan sahaja di kapal atau di rumah bahkan di mana-mana sahaja.
- Sikap bertanggungjawab adalah kritikal bagi budaya penjagaan benar-benar dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam hal ini, kita harus sedar sikap tanggungjawab ini dituntut oleh Tuhan bukan sahaja oleh pihak pengurusan kita. Sikap tanggungjawab ini mempunyai implikasi kepada rakan-rakan kita di kapal, bukan sahaja kepada diri kita sendiri. Adakalanya kita tidak menyedari bahawa implikasi yang mungkin timbul bukan sahaja mempunyai kesan dari aspek kebanggaan dan menjejaskan keupayaan kapal kita tetapi yang lebih penting sekali keselamatan ke atas diri kita, rakan-rakan kita dan juga kerugian kos kepada organisasi kita dan juga negara.
- Dalam lawatan atau *rounds* yang dilaksanakan, peranan penyelia ataupun anggota yang melaksana-

kan *rounds* harus memberi **penekanan dan ketelitian kepada setiap aspek** walaupun ia kecil dan nampak tidak penting. Isu kecil sebegini boleh memberi impak yang lebih besar apatah lagi apabila ia menimbulkan implikasi risiko kemalangan. Oleh itu, sistem senarai pemeriksaan atau *check-off list* (COL) adalah mekanisma terbaik bagi menentukan *rounds* yang dilakukan efektif walaupun anggota yang melakukannya bertukar dan terdiri dari beberapa peringkat. Selain dari sikap tanggungjawab, pengalaman dan pengetahuan juga membantu meningkatkan tahap pemerhatian anggota yang melakukan *rounds*. Oleh itu sebagai langkah pengurusan risiko, perintah tetap, arahan yang jelas lengkap dengan penerangan tugas serta COL penting dirumuskan oleh pihak pengurusan.

- Kesedaran warga kapal semua peringkat juga merupakan faktor kejayaan yang kritikal atau *critical success factor*. Oleh itu, **program kesedaran ataupun usaha berkomunikasi yang ber-**

terusan amat penting. Usaha ini perlu dilaksanakan secara berterusan kerana anggota kapal berubah apabila perjawatan ditukar.

- **Budaya tegur-menegur** terutama sekali bagi pegawai-pegawai dan anggota penyelia di semua peringkat perlu digalakkan dan diterima secara positif oleh semua lapisan warga kapal. Budaya ini boleh memupuk konsep check and balance ke arah warga yang lebih bertanggungjawab.

Sejajar dengan visi sebagai Tentera Laut Berkualiti, budaya penjagaan dalam organisasi TLDM adalah merupakan satu komponen penting yang harus ditekan secara berterusan. Pelaburan tinggi kerajaan perlu mendapat pulangan yang terbaik, warga TLDM yang sihat, ceria, kualiti hidup, kualiti kerja yang selesa menjana kepada penghasilan mutu kerja yang baik. Lanjutan ini **komitmen semua peringkat dari Pegawai Memerintah, pegawai, penyelia dan warga organisasi yang lain adalah penting bagi membudayakan serta memperkasakan Maintenance Culture dalam TLDM. S**



Rumah keluarga di Pangkalan TLDM Lumut - Walaupun telah berusia hampir 22 tahun, namun budaya penjagaan yang baik mampu mengekalkan kualiti hidup kepada penghuninya.





Rangkaian Teknologi Wi-Fi Untuk TLDM? Kelebihan Dan Kekangan

Oleh: LK KNA SaifulNizam B. Ahmad
Foto: Aduka KL

*Wi-Fi adalah ringkasan dari perkataan **Wireless Fidelity**, teknologi yang membolehkan rangkaian komputer diperluaskan dengan menggunakan gelombang radio tanpa wayar.*

Teknologi Wi-Fi sedang dikaji aplikasinya di dalam TLDM. Wi-Fi menggunakan gelombang pada tahap 2.4GHZ, oleh kerana penggunaan frekuensi pada tahap ini tidak memerlukan lesen, teknologi Wi-Fi telah menjadi teknologi pilihan dan amat popular dalam masa tidak sampai dua tahun.

Perkakasan asas yang diperlukan untuk menggunakan teknologi ini adalah Access Point atau biasanya dipanggil AP. Alat AP ini disambungkan kepada Rangkaian Komputer Setempat (LAN) atau boleh juga disambungkan terus kepada modem. Setiap AP boleh menampung sehingga 100 pengguna. Oleh kerana Wi-Fi terdiri dari standard 802.11b maka tidak kira jenama apapun AP yang kita beli ianya boleh digunakan dengan peralatan yang lain. Perbezaan diantara AP yang dikeluarkan oleh berbagai jenama adalah dari segi kemudahan yang



terdapat pada AP tersebut. Ini adalah seperti berapa banyak port yang diberikan, adakah AP tersebut boleh disambungkan kepada modem secara terus dan juga fungsi perisian yang terdapat pada AP tersebut.

Oleh kerana Wi-Fi beroperasi secara tanpa wayar, fungsi keselamatan amat kritikal didalam pemilihan sesebuah AP. Setiap AP yang akan kita beli perlu ada kemudahan keselamatan yang dinamakan Wired Equivalent Privacy (WEP). Dengan kemudahan ini kita boleh memastikan hanya

pengguna yang sah sahaja dapat menggunakan kemudahan ini. Disamping AP yang kita beli perlu ada kemudahan WEP, AP juga perlu ada kemudahan Dynamic Host Configuration Protocol (DHCP). Dengan kemudahan ini setiap komputer yang membuat sambungan kepada AP, akan diberikan no IP berasingan secara automatik, ini akan memudahkan proses pengurusan pengguna yang menggunakan kemudahan Wi-Fi yang disediakan.

Setiap komputer perlu pula dilengkapi dengan alat penerima



Penggunaan PDA oleh warga TLDM meningkatkan produktiviti dan efisiensi kerja.



Wi-Fi membolehkan pengguna mengakses rangkaian sistem komputer tanpa wayar.

Wi-Fi sebelum ia boleh berhubung dengan AP. Alat penerima Wi-Fi boleh wujud dalam bentuk PCMCIA atau USB. Jika komputer telah dilengkapi dengan Cip Centrino komputer tersebut telah pun mempunyai fungsi Wi-Fi tanpa perlu membeli apa-apa perkakasan tambahan.

Jarak diantara Komputer dengan AP bergantung kepada keadaan dan jenis halangan yang terdapat diantaranya. Jarak diantara AP dan komputer boleh mencecah sehingga 300m pada kawasan tidak mempunyai halangan, dan pada yang mempunyai halangan seperti tembok batu jarak turun kepada 50m maksima.

Wi-Fi tidak hanya boleh digunakan oleh komputer sahaja, ianya boleh juga digunakan oleh Personal Digital Assistant (PDA) jika ianya mempunyai peralatan yang sesuai.

Apakah kelebihan teknologi Wi-Fi?

Oleh kerana teknologi Wi-Fi tidak menggunakan wayar, maka pemasangan wayar untuk LAN tidak lagi diperlukan, jika kita mempunyai banyak komputer maka, penjimatan ini akan menjadi ketara. Wi-Fi juga boleh digunakan didalam gudang, kantin dan juga lapangan letak kereta, dengan ini


pekerja akan menjadi lebih produktif, kerana mereka boleh melakukan tugas dimana sahaja terdapat penerimaan Wi-Fi.

Penjimatan juga dapat dilihat darisegi kos penggunaan tenaga elektrik secara keseluruhan, kerana pekerja tidak lagi perlu berada didalam pejabat untuk melakukan tugas, hanya perlu berada disekitar kawasan pejabat untuk mengakses maklumat yang terdapat di pejabat.

Oleh kerana pekerja sekarang jarang berada di pejabat, maka setiap pekerja tidak lagi perlu diberikan meja dan kerusi yang tetap, meja dan kerusi boleh dikongsi dan hanya digunakan apabila ianya diperlukan. Perbincangan boleh dilakukan dibilik mesyuarat yang tidak lagi berselirat dengan wayar atau dikafeteria pada waktu rehat.

Kekangan pada teknologi Wi-Fi

Oleh kerana Wi-Fi menggunakan teknologi tanpa wayar maka, pancarannya boleh



Paduan Sistem Rangkaian

diterima oleh semua orang yang berada didalam lingkungan penerimaan, jika AP tidak dipasang dengan sempurna ianya boleh menjadi ancaman kepada sistem komputer yang terdapat didalam jaringan tersebut. Walaupun lebar jalur Wi-Fi adalah 11Mbps ianya jarang dapat sampai ketahap tersebut, ini disebabkan oleh gangguan gelombang radio dikawasan sekitar. Jika ramai pengguna menggunakan perkhidmatan ini didalam kawasan yang sama, kelajuan pemindahan data akan menjadi lebih rendah.

Tetapi ini tidak akan menjadi masalah apabila standard yang baru akan diperkenalkan iaitu 802.11b, di mana kelajuan pemindahan data boleh menjangkau sehingga 54Mbps. **S**



BUANG SIKAP MANJA PLKN PUPUK JATI DIRI

Oleh: Aboy Cawangan Perhubungan Awam
Markas Armada

Keselesaian hidup yang terhidang di depan mata mungkin menjadi punca ramai di kalangan muda-mudi kini bersikap manja dan tidak betah hidup berdikari, malah kurang minat menceburkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.

Justeru, langkah kerajaan melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) amat wajar dan tepat. Program yang berteraskan pembentukan sebuah masyarakat yang berdisiplin, bersemangat waja, berkeyakinan diri, setia kepada negara, sentiasa bersedia meng-hadapi sebarang cabaran dan dugaan serta memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara ini kini masuk Siri Kedua bagi tahun 2005.

Siri Kedua ini menyaksikan kumpulan pertama telah bermula sejak 13 Disember 2004 dan berakhir pada 6 Mac 2005. Kumpulan kedua pula dijadualkan bermula pada 14 Mac sehingga 6 Jun 2005. Sementara kumpulan ketiga akan bermula pada 10 Julai sehingga 30 September 2005.

Istimewanya, PLKN dilaksanakan secara ala Malaysia bagi mencapai keperluan negara, berbeza dengan pelaksanaan khidmat negara di beberapa negara lain yang lebih bertujuan dan bercirikan ketenteraan. Keunikannya adalah ia berasaskan kepada penglibatan semua kaum termasuk lelaki atau perempuan yang berteraskan Rukunegara. Ia mempunyai kurikulum multi-disiplin, namun bukan berbentuk kerahan atau *military conscripts* selain daripada mempunyai imej tersendiri dari segi pakaian seragam dan logo. Lagu temanya pula menjadikan program ini sangat menarik dan menyeronokkan.

Menurut adik **Jesrin Kaur a/p Jaswant Singh, 17 tahun** dia pada awalnya tidak berminat untuk menyertai program itu.

"Saya tidak pernah berpisah dengan keluarga. Lagipun, bermacam cerita saya dengar tentang program yang lepas, semua tu buat saya jadi takut," katanya.

Jesrin adalah salah seorang daripada 396 peserta PLKN dari **Kem Teluk Rubiah, Perak**.

"Walaupun saya sudah meningkat dewasa, tapi saya tidak biasa melakukan kerja rumah, malah kain baju pun mak yang cuci," ujarinya.

Jesrin sebenarnya bukan tidak biasa hidup berdikari tetapi semua keperluan diri dan adik-beradiknya diuruskan oleh ibu dan ini menjadikan dia agak kekok bila ber-sendirian malah dia masih bergantung kepada ibunya untuk bangun pagi.

"Namun, sejak menyertai program ini, saya sudah boleh buat semua tu sendiri. Bangun pagi, basuh baju dan tak sedih lagi bila jarang bertemu keluarga," tambahnya.

Menurutnya, aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program itu memang menyeronokkan serta mencabar. Di sana, mereka mengharungi dan menempuh pelbagai dugaan dan meraikan kejayaan secara bersama dalam semangat berkumpulan. Pelbagai bentuk latihan yang berunsur kreatif dan mencabar minda turut disajikan sepanjang latihan selama 3 bulan itu.



Siapa nak cuba dulu....

"Makanan di sini juga sedap. Sehari, 6 kali kami makan," tambah Jesrin lagi.

"Semasa membuat aktiviti lasak, jurulatih sentiasa memastikan keselamatan kami. Kami diingatkan supaya membuat sesuatu aktiviti itu dengan serius, jangan main-main, bahaya. Malam pula kami boleh tidur lena, tak perlu risau apa-apa kerana pengawal sentiasa membuat rondaan sekitar kem," katanya lagi.

Bagi adik **Mohaimin bin Mohd Yussof, 17 tahun** dia memang berminat untuk ikut serta program ini dan amat bersyukur namanya tersenarai bagi sesi kedua ini.

"Saya memang meminati aktiviti lasak. Di sekolah saya merupakan ahli Kadet Polis.

Mungkin saiz tubuhnya yang agak besar dan berperwatakan serius selain mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin, dia telah dipilih sebagai Wira Kanan iaitu Ketua Keseluruhan bagi peserta lelaki.

"Pada awalnya, susah juga saya hendak menjalankan tugas. Mereka ramai, berbilang bangsa pula. Namun, di atas kerjasama semua pihak, semuanya berjalan lancar," katanya.

"Latihan di sini keseluruhannya



memang mencabar tapi menyeronokkan. Lihat tubuh saya ni, walaupun kami makan 6 kali sehari, tapi berat badan makin turun. Saiz pinggang pun makin susut, dulu 36, sekarang tinggal 32.

Dari kecil saya dah menyimpan angan-angan nak masuk TUDM, saya minat nak jadi *pilot*. Bila berpeluang mengikuti aktiviti lasak begini, ia permulaan baik bagi diri saya,” tambahnya lagi.

Bagi adik **Tini a/p Pandak, 17 tahun** dia tidak pernah terfikir untuk menyertai PLKN dan benar-benar terkejut apabila mengetahui namanya terpilih. Walau bagaimanapun, dia tetap gembira meskipun sedih terpaksa berpisah dengan keluarga.

“Mulanya sedih juga, maklumlah tak pernah berpisah dengan keluarga. Selalu pergi sekolah, balik sekolah dan banyak masa dihabiskan bersama keluarga. Bila ikut program ni bermakna 3 bulan saya terpaksa berjauhan dengan mereka walaupun sesekali dibenarkan balik,” katanya.

Walaupun berketurunan asli, Tini tidak pernah berasa terasing kerana di kem tersebut, para peserta dilayan sama rata.

“Saya tidak pernah merasa semua ini. Di sekolah aktiviti lain, tidak sehebat ini. Ia benar-benar menaikkan semangat saya. Di sini peserta mesti melakukan semua aktiviti, tiada yang terkecuali.

Sesiapa yang fobia air, tetap kena juga. *Flying Fox, abseiling, berkanu dan kawad kaki*, semuanya menguji kekuatan mental dan fizikal, menjadikan kami lebih berdisiplin. Selain melakukan aktiviti-aktiviti lasak, kami juga melaksanakan projek jiwa murni di kawasan-kawasan tertentu dan setiap sebulan sekali, kami dibawa melawat ke beberapa tempat sambil menemuramah orang ramai. Ini bagi melatih kami untuk menjadi lebih yakin dan berani.”

“Kami tidak gusar apabila pihak kem tidak membenarkan penggunaan telefon bimbit kerana ia memang wajar. Mereka sebenarnya mahu para peserta memberi tumpuan sepenuhnya pada latihan dan tidak mahu kami



Aktiviti sebegini dapat menguji ketahanan mental dan memupuk keyakinan diri.

Sepanjang program selama 3 bulan, para peserta disediakan dengan 4 modul untuk dilaksanakan seperti Modul Kenegaraan yang meliputi aktiviti-aktiviti Asas Kawat, Tempur Tanpa Senjata, tali tinggi seperti “abseiling/ flying fox dan tali rendah seperti repelling”.

menjadi leka selain mengelakkan kehilangan dan wujudnya hubungan seksual di kalangan peserta,” ujar adik Tini lancar.

Adik **Ng Kok Leong, 17 tahun** pula memang sudah mengagak akan terpilih mengikuti program ini. Dia benar-benar gembira tambahan pula keluarga menggalakkannya, malah mengharap-kan agar dia dihantar ke kem yang lebih jauh untuk mengajarnya menjadi lebih tabah.

“Di sekolah saya merupakan Pengakap Laut. Saya tidak merasa tertekan dengan aktiviti di sini kerana sudah biasa.

Penginapan di sini amat selesa. Pihak pengurusan kem memang prihatin. Apabila terdapat sebarang kerosakan, ianya cepat dibaiki. Saya rasa cukup bertuah dapat mengikuti program sebegini dan ia perlu diteruskan di masa-masa akan datang kerana ia penting bagi membentuk diri kami

untuk menjadi manusia yang lebih bertanggungjawab,” tambahnya lagi.

Sepanjang program selama 3 bulan, para peserta disediakan dengan 4 modul untuk dilaksanakan seperti **Modul Kenegaraan** yang meliputi aktiviti-aktiviti Asas Kawat, Tempur Tanpa Senjata, tali tinggi seperti *abseiling/flying fox* dan tali rendah seperti *repelling*. Ini termasuk-lah aktiviti air seperti berakit, kayak, sukan kreativiti, ikhtiar hidup dan pertolongan cemas.

Dalam **Modul Kenegaraan** ini juga, para peserta turut diberi pendedahan dengan menggunakan kaedah lain iaitu dalam bentuk perbincangan tentang sejarah tanahair, kedaulatan dan maruah negara dan isu-isu antara-bangsa, pertahanan dan keselamatan negara serta tanggungjawab



Satu Hasrat, Satu Semangat, Satu Tekad

rakyat kepada negara.

Manakala bagi **Modul Pembinaan Karakter** pula, para peserta diberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai murni dan sejagat, keyakinan diri, kepimpinan dan penilaian diri sendiri.

Modul Khidmat Komuniti membawa peserta kepada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti membina dan membaik pulih kemudahan awam, pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar, gotong-royong dan kejiwaan serta aktiviti kesukarelaan.

Komandan Kem Teluk Rubiah, **Komander Low Mee Choy TLDM** berpendapat, bukan satu tugas mudah untuk membentuk generasi muda yang berdisiplin tinggi, bersatu padu, berjiwa patriotik dan sayangkan negara.

“Namun, saya banyak mengadaptasikan ilmu dan pengalaman ketika berkhidmat dalam TLDM untuk membentuk para peserta di sini. Jurulatih yang berpengalaman juga banyak membantu. Apa yang saya lihat, suasana latihan kini

jauh lebih selesa berbanding sebelumnya di mana kerajaan telah menyediakan blok-blok kediaman peserta yang lengkap dengan kemudahan asas seperti katil, tilam, bantal, kipas angin dan sebagainya selain daripada blok rawatan kecemasan

yang berhawa dingin termasuk bilik kuliah peserta, dewan makan dan dewan serbaguna.”

“Perjawatan Jurulatih juga telah ditambah menjadikan tugas memantau dan mengawasi peserta lebih mudah. Kedudukan kem ini juga agak strategik dan menarik. Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati mengendalikan program ini. Saya juga ingin mengajak semua jurulatih dan peserta supaya komited dengan program yang dilaksanakan ini. Kita mesti bekerja dalam keadaan seronok dan ikhlas, sayang pada kerja dan tempat kita bekerja, baru kita boleh melaksanakan tugas dengan baik,” ujarnya panjang lebar.

Para peserta seharusnya tidak mensia-siakan masa selama 82 hari berada di kem ini kerana kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar bagi membangunkan prasarana kemudahan kem di samping melatih para jurulatih serta fasilitator bagi memastikan peserta menjalani latihan dalam suasana selesa dan selamat. **S**



Berkayak merupakan salah satu aktiviti yang menguji kekuatan mental dan fizikal pelatih PLKN

Motto “Satu Hasrat, Satu Semangat, Satu Tekad, Khidmat Negara Tanggungjawab Bersama” perlu dihayati agar matlamat pelaksanaan program tercapai dengan jayanya bagi melahirkan generasi baru yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

WITH IZAR,
THERE ARE
NO LIMITS



Frigate "Álvaro de Bazán" fires a Standard missile during trials.

IN NEWBUILDINGS

There is no place for second best when specifying warships. That's why the world's navies look to **IZAR** for the very latest technology, the most advanced designs. **IZAR** is still the only shipbuilder in the world to have built an aircraft carrier for another country's navy. And this was no one-off: currently under construction are two series of new-generation frigates for European navies. We've achieved our unique position by consistently challenging our preconceptions and those of our customers. **IZAR: no limits.**



IZAR
www.izar.es

build

repair

power

systems



Sambungan dari keluaran lepas...

KD SRI INDERA SAKTI & KD JEBAT

Harungi Lautan Ke Chinhai, Korea Selatan, Shanghai, Republik Rakyat China dan Ho Chi Minh City, Vietnam

Membeli-belah di Shanghai khususnya Nanjing Road dan Yu Yuan Mart adalah pengalaman dan kenangan indah yang tidak dapat dilupakan oleh sebahagian besar warga kapal. Harga barangan yang murah telah memberi kepuasan membeli belah yang tidak dapat digambarkan di Kota Shanghai. Keadaan ini dapat dilihat melalui beg-beg plastik yang dijinjing setiap kali pulang dari kelepasan. Adegan tawar-menawar dengan peniaga yang tidak pandai berbahasa Inggeris merupakan kenangan mencuit hati yang menjadi bahan jenaka sebahagian warga. Walauapa pun halangan komunikasi, rata-ratanya warga Shanghai sememangnya pe-ramah dan senang didekati. Ungkapan "Cheaper! Cheaper!" dan "One dollar! One dollar!" dalam adegan tawar-menawar seakan masih terngiang-ngiang hingga ke hari ini. Pada keesokan harinya, warga kapal melambai tangan meninggalkan jeti Yangtze Jiang. Perlahan-lahan Sungai Huangpu yang sempit disusuri. Kelibat Kota Shanghai semakin jauh ditinggalkan. Namun, keramahan dan kemesraan kota ini menggamit kenangan. Sewaktu



Kapal TLDM menjadi tumpuan pengunjung masyarakat setempat.

perjalanan keluar, kapal diiringi kapal Frigate PLAN, HUAIBET. Sewaktu mengiringi, 2 jenis eksekutis komunikasi telah dilaksanakan secara bersama dengan kapal TLDM iaitu pancaran api dan semaphore. Tercetus satu nostalgia lagi di sini, eksekutis 2 hala antara TLDM dan PLAN yang julung kali diadakan menunjukkan TLDM berupaya berkongsi pengalaman dan kerjasama dengan angkatan laut negara yang mempunyai berlainan ideologi dan keupayaan.

Ho Chi Minh City, Vietnam

KD SRI INDERA SAKTI bersama KD JEBAT menyusuri Sungai Saigon dan menuju ke pelabuhan Nha Rong Port. Di sepanjang 4 jam melalui Sungai Saigon yang agak berliku, tidak banyak pembangunan yang dapat disaksikan. Di kiri dan kanan Sungai Saigon masih banyak tanah lapang terbiar yang masih belum lagi dibangunkan.

Kedatangan warga TLDM sememangnya telah dinanti-nantikan. Jambangan bunga sebagai tanda selamat datang dihadiahkan oleh 2 orang gadis berpakaian tradisional rakyat Vietnam kepada kedua-dua Pegawai Memerintah. Kegembiraan menyambut kehadiran warga kapal TLDM jelas terbayang di wajah mereka yang sedia menunggu. Bagi wargakapal pula, persinggahan di Ho Chi Minh City terasa seakan pelayaran yang semakin hampir dengan negara tercinta. Ho Chi Minh



Panorama indah di waktu malam....



Satu mercu tanda menarik di bandar Ho Chi Minh.

City tidak seperti Kota Shanghai atau pun Bandar Metropolitan Busan. Tiada banyak bangunan tinggi mencakar langit atau kesesakan lalu lintas. Tetapi jelas bandar ini sedang membangun menuju kemajuan. Rata-ratanya, penduduk Ho Chi Minh City menggunakan motorsikal sebagai pengangkutan dan pergerakan utama. Tiada kesesakan kereta di jalanraya, cuma deruman hingar

bingar enjin motorsikal sepanjang jalan. Agak menarik dan berlainan dengan Malaysia, penduduk di sini tidak memakai topi keledar sewaktu menunggang tapi kita dapat melihat berbagai jenis topi yang berfesyen digayakan. Apa yang lebih menarik, selama 3 hari berada di sini amat sukar dan seakan tiada langsung peluang untuk terserempak dengan warga bandar ini yang berbadan besar atau gemuk. Rata-rata warganya berbadan kecil terutamanya wanita. Bandar Ho Chi Minh amat menarik untuk dilawati. Banyak tempat bersejarah hasil tinggalan sisa perang suatu ketika dulu yang masih terpahat di sini. Bazar Ben Thanh, sebuah bazar yang terkenal di kalangan pengunjung menyajikan pelbagai barangan terutamanya yang berasaskan sulaman dengan harga yang amat berpatutan.

Pegawai Memerintah telah membuat Kunjungan Hormat ke 3 buah tempat iaitu *7th Military Region, Dignitaries of People's Committee Ho Chi Minh City* dan juga *Naval Headquarters*. Sewaktu kunjungan, setiap dari mereka telah melahirkan rasa kagum terhadap pembangunan yang telah dicapai oleh Malaysia dan amat memandangi tinggi atas apa yang telah negara kita kecapai hari ini. Kepten Jamil dalam per-

nyataan balasnya sewaktu kunjungan tersebut menyatakan bahawa atas usaha dan kerajinan rakyat Vietnam, suatu hari nanti mereka akan turut sama-sama mengecapi kejayaan seiring dengan apa yang telah dicapai oleh Malaysia. Malahan, dalam masa yang sama, mungkin Malaysia juga akan mempelajari sesuatu dari Vietnam pada masa itu pula.

Petang terakhir sebelum kapal belayar pulang, satu majlis resepsi bagi meraikan tuan rumah telah diadakan di KD SRI INDERA SAKTI. Turut hadir menyerikan majlis ialah Konsulat Jeneral Malaysia di Vietnam, Yang Mulia Raja Ahmad bin Raja Daud beserta keluarga, Konsulat asing di negara ini dan beberapa tetamu lain yang terdiri dari orang awam. Seperti kelazimannya, mereka yang hadir bukan saja disaji

dengan hidangan makanan Malaysia yang pelbagai malahan dihiburkan juga dengan persembahan kebudayaan tradisi dan budaya serta tarian masyarakat Malaysia.

Pada keesokan harinya, KD SRI INDERA SAKTI dan KD JEBAT bersedia meninggalkan Nha Rong Port. Penghormatan dan lambaian akhir diberikan pada Ho Chi Minh City dan masyarakat setempat.

Pelayaran lebih sebulan, membuka lembaran kenangan baru yang indah dan memberi makna yang tersendiri dalam diri setiap warga kapal. Apa yang lebih membanggakan, pelayaran ini bukan hanya lawatan operasi semata-mata tetapi lebih merupakan kepada jalinan hubungan diplomatik mewakili Malaysia secara keseluruhannya di mana kapal dilihat sebagai wakil duta kecil Malaysia di luar negara. Persembahan kebudayaan tradisi unik masyarakat Malaysia di setiap destinasi pelayaran pula merupakan usaha yang diharapkan dapat menjual dan memperkenalkan kebudayaan negara kepada negara luar. Dari sudut pertahanan pula, lawatan operasi ini boleh dilihat sebagai perhubungan 2 hala dalam aspek pertahanan maritim dan perkongsian ilmu dan teknologi dalam memperluaskan ke-siagaan angkatan laut negara.

Setelah tiba di pelabuhan Lumut, hati melonjak kegirangan, kepulangan dinanti keluarga tersayang. Namun, kenangan, keramahan dan kemesraan Chinhae, Shanghai dan Ho Chi Minh City tetap terpahat dalam ingatan. **S**



Pertanian.... salah satu pekerjaan utama di Vietnam.

EVOLUSI PERTAHANAN MARITIM CHINA

Oleh: Lt Kdr Wan Mat Saman TLDM

Sejarah ketenteraan Tentera Laut Republik Rakyat China (PLAN) masih tertumpu kepada konsep pertahanan maritim "Seaward" dan "Coastal".

Meskipun begitu, hubungan erat dengan Russia tetap dikekalkan. Atas dasar tersebut, China telah berpaling kepada Russia sebagai model bagi mendapatkan maklumat ber-kenaan pelbagai aspek bidang ketenteraan termasuk dari sudut perkembangan Armada.

Secara perbandingannya, pembangunan dan perolehan peralatan dari Russia adalah murah. Ianya seperti perolehan bot bermisil, kapal selam diesel, pesawat pengebom dan kapal pemusnah.

Pembangunan misi PLAN berubah dari pertahanan perairan statik (Static Coastal Defence) kepada pertahanan aktif ke pesisir (Active Offshore Defence). Ini membolehkan penggunaan serangan taktikal disokong oleh strategi ketenteraan yang lain. Perubahan dasar strategi ini bertujuan menjadikan China sebagai kuasa maritim serantau. Ini termasuklah dalam menjaga kepentingan ekonomi di perairannya. Justeru, peranan PLAN adalah lebih tertumpu kepada pelaksanaan tugas operasi pertahanan nasional seperti penawanan dan dalam melindungi pulau-pulau serta



JIANGWEI CLASS HUAINAN merupakan aset penting dalam armada tentera laut China untuk tugas pengawasan pengairan

menyekat laluan antarabangsa (SIOC).

Kepentingan konflik dengan Taiwan merupakan agenda terbesar selain daripada menjaga Pulau 'Xisha' dan 'Nansha'. Selain itu, PLAN berperanan sebagai duta antarabangsa menerusi lawatan-lawatan ke pelabuhan asing.

Strategi pembangunan PLAN seterusnya dibahagikan kepada 2 fasa. Fasa pertama ialah strategi pertahanan 'Green Water' yang merangkumi kawasan utara Vladivostok, Selat Melaka dan

'Rangkaian Pulau Pertama' (Aleutians, Kuriles, Ryukyus, Taiwan, Filipina dan Kepulauan Sunda) di Timur.

Penganalisa berpendapat matlamat ini akan dapat dicapai menjelang abad ke-21. Penganalisa juga berpendapat PLAN akan melaksanakan pelan pembangunan fasa kedua ke atas rangkaian pulau-pulau yang meliputi Pulau Bonins, Guam, Marionas menjelang pertengahan abad ke-21.

Seterusnya, PLAN akan mengembangkan sayap operasinya dengan mewujudkan pangkalannya di Myanmar bagi memudahkan laluan di Selat Melaka dan Teluk Bengal.

Terdapat juga kebimbangan yang dikeluarkan dari beberapa laporan berkenaan dominasi negara China di Selat Melaka, Laut China Selatan dan Selat Taiwan dengan perancangan pemodenan menerusi perolehan dan pembinaan kapal dan pesawat canggih dari Russia. **S**



DESTROYER LUNAI CLASS 167 YANTAI sentiasa terlibat dengan berbagai latihan bersama tentera laut asing bagi memantapkan lagi keupayaan tentera laut Republik Rakyat China



SEMINAR

PEGAWAI KANAN TLDM

Oleh: Kdr Mohd Zahari bin Hj Jamian TLDM

Foto: Cawangan Perhubungan Awam MTL

“Membentuk sebuah masyarakat yang kukuh dengan ciri-ciri moral dan etikanya. Warganya pula mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dengan ditunjangi budi pekerti yang luhur.”

(Laksamana Dato' Sri Mohd Anwar bin Mohd Noor)

Pada April 2004, YAB Dato' Seri Abdullah bin Hajji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia telah menandatangani Pelan Integriti Nasional (PIN) yang bertujuan untuk menyahut cabaran ke-4 Wawasan 2020.

Melalui program dan aktiviti yang disenaraikan di dalam PIN, Kerajaan Malaysia berhasrat untuk mempertingkatkan usaha menangani perlakuan yang menjurus ke arah berlakunya jenayah rasuah dan penyelewengan, serta menaikkan persepsi integriti Malaysia di mata dunia.

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) tidak ketinggalan malah sentiasa bersemangat menyokong usaha ini. Dengan semangat itu, TLDM telah mengadakan Seminar Pegawai Kanan di Riviera Bay Resort, Melaka pada 23 hingga 26 November 2004 dengan temanya **“Pengurusan Berintegriti dan Wawasan Tentera Laut Yang Berkualiti”**. Seminar tersebut dihadiri oleh lebih 130 orang para Pegawai Kanan TLDM. Panglima Tentera Laut telah hadir untuk menyampaikan ucapan



YBhg Panglima Tentera Laut menyampaikan ucapan perasmian

pembukaan seminar. Beberapa pensyarah profesional telah dijemput untuk menyampaikan syarahan dan seterusnya berdialog bersama peserta di akhir syarahan secara aktif.

Di penghujung seminar, para peserta telah dibahagikan kepada beberapa sindiket yang membincang, mengupas permasalahan pengurusan berintegriti di dalam TLDM dan mengutarakan langkah-langkah wajar untuk menanganinya. Beberapa konsep kontemporari telah diusulkan dan diperdebatkan secara sihat. Langkah yang diutarakan pula dikonsolidasikan kepada resolusi yang perlu dipraktikkan oleh TLDM untuk mendokong usaha peningkatan integriti secara holistik. Peningkatan pengurusan berintegriti yang menyeluruh merupakan satu perjalanan yang tiada penghujungnya. Ianya perlu dihayati sebagai satu proses yang berterusan dan dinamik. Ianya perlu ditangani dan diperbaiki setiap masa.

Selari dengan hasrat kerajaan ini juga, usaha penguatkuasaan akan terus dilaksanakan oleh TLDM untuk membendung gejala pengurusan yang tidak berintegriti lantas memperbaiki persepsi global kepada pengurusan berintegriti TLDM. TLDM juga akan terus mengusulkan tindakan yang efektif untuk menerapkan nilai etika dan integriti yang tinggi di setiap peringkat warganya. Seminar sebegini dijangka akan dijadikan landasan yang sesuai untuk menentukan kesinambungan usaha ini. **S**



Penglibatan aktif peserta dengan memberi tumpuan penuh sepanjang seminar

PROMOSI KERJAYA TLDM

- KE ARAH MENARIK MINAT KAUM BUKAN BUMIPUTERA -

Oleh: Kdr Mohd Aliyas bin Hamdan TLDM

Pengarah Sumber Manusia (Khidmat Pegawai) Markas Tentera Laut

Benarkah pernyataan yang menyatakan bahawa tugas-tugas ketenteraan hanya dimonopoli oleh orang Melayu dan benarkah bidang tentera memang sudah sinonim dengan orang Melayu? Adakah benar golongan bukan bumiputera tidak sesuai untuk memasuki tentera? Atau adakah mereka memang tidak berminat untuk memasuki tentera? Atau yang lebih hebat lagi, mereka yang berkhidmat pula dianaktirikan dari aspek peluang dalam peningkatan kerjaya. Mungkin isu ini agak sensitif untuk diperbincangkan. Namun, kita sebagai warga Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) khasnya dan masyarakat Malaysia amnya harus bersikap terbuka demi kebaikan semua agar semangat berpasukan dan *esprit de corp* dapat dijalin dan diperatkan.

Mengikut statistik TLDM sehingga **31 Disember 2004**, populasi keseluruhan pegawai TLDM (efektif) adalah seramai 1,512 orang. Darpada populasi ini, pegawai berbangsa Melayu adalah seramai 1,364 orang (90.2%), India seramai 67 orang (4.4%), Cina seramai 59 orang (3.9%) dan lain-lain bangsa seramai 14 orang (1.5%).

Jika dilihat secara lebih terperinci mengikut pangkat pula, populasi pegawai berpangkat "Komander" dan ke atas (pegawai kanan) adalah seramai 216 orang. Darpada populasi ini, pegawai berbangsa Melayu adalah seramai 183 orang (85.2%), Cina seramai 18 orang (8.5%), India seramai 12 orang (5.5%) dan lain-lain bangsa seramai 2 orang (1%). Manakala populasi pegawai berpangkat "Letenan Komander" dan ke bawah (pegawai muda) pula adalah seramai 1,296 orang. Pegawai berbangsa Melayu meliputi 1,180 orang (91%), India seramai 55 orang (4.2%), Cina seramai 41 orang (3.1%) dan lain-lain bangsa seramai 20 orang (1.5%).

Rumusan terhadap statistik di atas adalah peratusan populasi keseluruhan pegawai bukan Melayu pada kadar 10%. Manakala peratusan pengisian mengikut pangkat bagi pegawai kanan dan pegawai muda adalah masing-masing sebanyak 15%



Membina kerjaya berinformatif dengan menyertai TLDM.

dan 9%. Ini jelas menunjukkan bahawa lebih ramai pegawai bukan Melayu berada dalam populasi pegawai kanan dan sebaliknya bagi pegawai muda.

Apakah yang dapat direnungkan bersama atau inferens kita terhadap rumusan di atas? Perlu diakui bahawa penglibatan kaum bukan Melayu dalam Angkatan Tentera Malaysia amnya dan secara khusus dalam TLDM masih kecil bilangannya berbanding populasi kaum di negara ini. Walaupun begitu, harus diakui juga bahawa dari aspek peluang kerjaya, kaum bukan Melayu sentiasa mendapat tempat dan mempunyai peluang yang setimpal dengan rakan sekerja mereka yang berbangsa Melayu khususnya yang berada dalam TLDM. Oleh yang demikian, anggapan bahawa mereka di anak tirikan adalah tidak tepat dan tidak benar.

Selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menggalakkan kaum bukan Melayu menyertai bidang ketenteraan, pelbagai bentuk insentif dan kemudahan telah disediakan. Persepsi kerjaya tentera yang selama

ini dianggap kurang 'glamour' atau kurang menjamin masa depan telah berjaya diatasi. Dahulunya, kerjaya tentera dianggap sebagai pilihan terakhir kini telah bertukar menjadi profesion pilihan. Kini lebih ramai pemuda dan pemudi memohon untuk menjadi tentera sama ada dalam kerjaya pegawai atau anggota lain-lain pangkat. Mengikut data yang diperolehi dari Cawangan Tenaga Kerja dan Sel Promosi Kerjaya TLDM, dalam tempoh 4 tahun kebelakangan ini, bukan sahaja jumlah pemohon telah bertambah malah tahap pencapaian akademik mereka juga semakin baik. Pertambahan jumlah dan pencapaian akademik pemohon pula adalah 2 pembolehubah (variable) yang boleh dijadikan petunjuk bahawa kerjaya tentera kini menjadi pilihan.

Dalam TLDM, cawangan Sel Promosi Kerjaya sentiasa berusaha giat bagi mengalakkan kaum bukan Melayu menyertai tentera. Sebagai contoh, di sepanjang tahun 2004, Sel Promosi Kerjaya telah mengadakan ceramah kerjaya kepada para pelajar di 14 daerah di seluruh Malaysia selain daripada 15 siri pameran kerjaya. Melalui promosi seperti ini, ia dapat memberi pendedahan kepada umum termasuk kepada kaum bukan Melayu mengenai kelebihan dan kemudahan yang akan diperolehi dalam bidang ketenteraan. Secara tidak langsung, usaha untuk menarik minat golongan ini menyertai TLDM dapat diusahakan.

Justeru, TLDM sentiasa beriltizam untuk menambah jumlah bilangan kaum bukan Melayu terutamanya bagi pegawai agar ia melebihi peratusan semasa iaitu sebanyak 10%. TLDM juga menyeru kerjasama rakyat Malaysia untuk bertindak sebagai agen atau model bagi menggalakkan rakan dan taulan mereka menyertai TLDM. **S**

Sedia Berkorban!!



Golongan belia... pewaris dalam menjaga kedaulatan negara.



“SEDIA BERKORBAN”

- Kod Integriti TLDM -

Oleh: Lt. Kdr Martin Anandarajah Sebastian TLDM
CSU-MBA (Aust), MCIT (Uk), DELF (Fr), CQM (USA)

Perkataan integriti telah mula hangat diperkatakan baru-baru ini. Bagi perkhidmatan awam, kerajaan sedang memastikan agar Pelan Integriti Nasional (PIN) yang menyusun 5 sasaran utama ditetapkan sasarnya untuk dicapai mulai 5 tahun pertama ini (2004 hingga 2008).

Sasaran yang dikenalisebagai i **TEKAD 2008** merangkumi penerapan nilai-nilai murni kepada rakyat dalam semua aspek kehidupan.

Definisi integriti dalam Kamus Dwibahasa Oxford Fajar memberi maksud 'keikhlasan, ketulusan dan kejujuran'. Dalam Kamus Dewan pula, ia membawa maksud 'kejujuran, keadaan sempurna dan utuh'. Definisi pada 'Oxford Advanced Learner's Dictionary' seterusnya diterjemahkan sebagai 'mutu kejujuran dan prinsip moral yang tinggi' dan 'keadaan yang sempurna dan tidak berbelah bahagi'. Secara ringkasnya, kesemua definisi ini menjurus kepada 2 perkara iaitu kejujuran dan prinsip yang tidak berbelah bahagi.

Bagaimanakah seorang boleh memperoleh integriti, iaitu satu kod kelakuan (code of conduct) untuk hidup dengan sempurna?

Bagaimanakah integriti itu dapat dipupuk kepada seseorang? Bolehkah sesebuah organisasi menerapkannya untuk dipupuk ke atas warga kerja mereka? Secara umumnya, kebanyakan nilai dalam integriti individu telah dipelajari semenjak dari kecil lagi. Ia boleh dipelajari dari kaum keluarga, guru, sahabat handai serta menerusi bahan-bahan bacaan dan sebagainya. Namun demikian, kita tidak harus menafikan bahawa terdapat keluarga yang berintegriti tetapi mempunyai anak yang membesar sebagai pencuri atau penjenayah. Dalam pada itu, tidak dinafikan juga terdapat personaliti yang berintegriti datangnya dari keluarga yang tidak berintegriti. Natijah dalam konteks ini

adalah jaminan keutuhan integriti, yang mana ia akan terletak kepada individu itu sendiri.

Dalam mana-mana organisasi (komuniti) bermoral tinggi, individu yang tidak berintegriti akan lambat laun dikenali dan dikeluarkan. Dalam organisasi (komuniti) yang mempunyai nilai moral yang rendah pula, individu ini akan dihukum, namun organisasi tersebut akan bersabar dengannya. Dalam organisasi (komuniti) yang tidak bermoral (seperti penjenayah), individu tersebut akan diukur dengan sumbangannya kepada organisasi tersebut. Dalam perkara ini, setiap individu akan dipertanggungjawabkan kepada pembangunan integriti sesama mereka. Mereka pastinya akan dipengaruhi oleh beberapa faktor dan individu lain. Namun akhirnya, tahap integriti seseorang adalah bergantung atas daya usahanya sendiri.

Pada zaman silam dalam organisasi Samurai, kod Bushido menentukan integriti keperwiraan melalui 'kesempurnaan, kesetiaan dan patriotisme' sebagai tunjang utama kehidupan. Dalam filem-filem yang menggambarkan era masa hadapan seperti Star Wars, kita dapat lihat bagaimana seorang Jedi memelihara kod keperwiraannya untuk mencapai tahap sempurna.

Pada zaman moden ini pula di dalam TLDM, cogan kata **Sedia Berkorban** dilihat sebagai satu kod integriti yang dapat memupuk pengorbanan seseorang individu yang menyumbang kepada keutuhan organisasi. **Sedia Berkorban**, bermaksud '**kesediaan untuk**

mengorbankan kesemua kenikmatan yang bakal membawa keuntungan kepada individu dan organisasi'. Satu kod integriti yang mantap seperti Sedia Berkorban ini boleh menjadi suara hati yang dapat menjadi perisai. Perisai ini adalah pendinding kepada individu yang sanggup mengorbankan kenikmatan yang boleh memudaratkan dirinya dan juga organisasi (komuniti). Pada masa yang sama, kod integriti ini juga dapat membantu kita menyingkirkan manipulasi 'kesempatan'.

Kesempatan yang dimaksudkan ini adalah tidak memudaratkan individu atau organisasi, akan tetapi ia akan menjurus kepada pengabaian integriti di mana seseorang individu akan menjadi oportunis dalam hidupnya.

Pada keluaran majalah **SAMUDERA** yang lalu (Siri 3/2003), YBhg Timbalan Panglima Tentera Laut telah menyentuh berkenaan "Integriti Intelektual". Beliau telah menegaskan betapa pentingnya integriti untuk kepentingan bagi peningkatan diri sendiri. Beliau juga telah menyuarakan tentang kegagalan usaha TLDM untuk memenangi AKPM 2004 berikutan siasatan yang dilakukan oleh Badan Pencegah Rasuah dan Biro Aduan Awam. Justeru, cogan kata Sedia Berkorban haruslah dihayati supaya ia akan menjadi satu kod integriti yang dapat menjadikan kita sebagai masyarakat yang hanya mencapai yang terbaik demi keutuhan dan hasrat murni TLDM khasnya dan Pelan Integriti Nasional amnya. **S**



JURULATIH TINJU KEBANGSAAN...

Oleh: BK PBS(I) Sabarudin Bin Abas
Foto: Aduka KL

Biarpun bukan dilahirkan dari keluarga yang cenderung dalam bidang sukan tinju, namun personaliti SAMUDERA kali ini telah mencipta nama tersendiri dan begitu gah dengan kejayaan menjadi seorang peninju berbakat yang kini bergelar jurulatih tinju Kebangsaan.

Mengenali dengan lebih dekat lagi, 816417 Bintang Kanan Jurulatih Jasmani RAMLI BIN YAHAYA merupakan seorang peninju yang hebat dan berjaya mencipta nama di peringkat Tentera Laut Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Malaysia di zaman tahun 90an. Anak muda yang berasal dari Selama, Perak ini memang tak asing dan cukup dikenali di kalangan warga TLDM. Amat terkenal suatu ketika dulu kerana kehebatan dan ketangkasan di atas gelanggang dengan tumbukan padu dan tepat, setiap lawan gerun dan cuak bila berhadapannya dan pasti akan tumbang satu persatu dengan pukulan Knock Out (KO).

Dilahirkan pada 6 Mei 1968, beliau merupakan bekas pelajar Sekolah Rendah Seri Selama, Perak dan pernah melanjutkan persekolahan sehingga ke tingkatan 6 rendah di Sekolah Menengah King Edward V11, Taiping Perak.

Mengimbu kembali sejarah awal pembabitan beliau dalam sukan berprestij lagi mencabar ini, beliau menegaskan bahawa tidak pernah terdetik dihati untuk menjadi seorang peninju, apatah lagi untuk bergelar jurulatih tinju Kebangsaan. Sewaktu di sekolah beliau lebih aktif dalam persatuan dan sukan Bolasepak, Sepaktakraw dan Olahraga. Minat timbul pada sukan tinju ini setelah beliau memasuki perkhidmatan TLDM pada tahun 1988 di Pusat Latihan Rekrut di Berek TLDM Woodlands, Singapura dimana dalam satu pertandingan tinju antara rekrut, beliau telah mencuba bakat dan akhirnya telah mendapat gelaran naib johan. Bermula dari situlah, minat beliau lebih

berkobar-kobar dan menyedari bakat yang ada dalam diri perlu diketengahkan.

Sewaktu menjalani kursus kepakaran di KD PELANDOK selama 6 bulan pada pertengahan tahun 1988, bakat beliau telah mula dikenal pasti oleh seorang jurulatih tinju TLDM pada masa itu iaitu Bintang Kanan PTI Hisham Bin Hj Hashim yang juga jurulatih jasmani kepada beliau pada masa itu. Sejak dari sinilah beliau mula mengorak langkah dan mendapat latihan secukupnya dan telah diberi pendedahan luas dengan menyertai berbagai kejohanan TLDM antaranya di kejohanan Mini Olimpik 1989 dimana beliau telah mendapat gelaran johan. Dengan kejayaan itu, beliau telah diserapkan ke dalam pasukan Tinju TLDM untuk menyertai berbagai kejohanan peringkat ATM yang lebih besar.

Bapa kepada 2 anak ini tidak menoleh ke belakang lagi, dengan menjadikan Muhammad Ali dan Joe Frasier sebagai idolnya, bakat beliau terus bersinar setelah menyertai berbagai kejohanan ATM ketika mewakili TLDM dan kejohanan Kebangsaan ketika mewakili ATM. Dengan menyertai kategori Light Welter (63.5 kg), berbagai kejayaan manis dikecapi antaranya menjadi johan 6 tahun berturut-turut peringkat ATM dan Kebangsaan (1990 - 1995). Telah mula mewakili negara sejak tahun 1991 sehingga 1995 dalam kejohanan Sukan SEA 1991 di Manila, Sukan SEA 1993 di Singapura, Sukan Komanwel 1994 di Kanada, Sukan SEA

1995 di Chiang Mai, Thailand dimana beliau telah memenangi pingat gangsa. Disamping itu, berbagai kejohanan luar turut disertai antaranya Kejohanan Tinju Piala Raja Thai (1991- 1995), Kejohanan Tinju Piala ASEAN (1991 & 1995), Kejohanan Tinju Piala ASIA (1992 & 1994) dan kejohanan jemputan peringkat antarabangsa seperti kejohanan Piala Presiden di Jakarta, Piala Mayor di Manila, Piala Kota Seoul di Korea Selatan, Piala YMCA di New Delhi, India dan Piala Wali Kota Di Medan, Indonesia.

Berbagai kejayaan dikecapi dan telah beraneka pingat dimenangi semua itu hasil dari titik peluhnya, membuatkan beliau merasai puas dan bangga dapat menyumbang bakti untuk



Akulah Juara...



09



Mewakili negara dalam sukan SEA.

negara bukan hanya sebagai seorang tentera tapi lebih menjurus kepada seorang atlit yang berwibawa. Pengalaman yang paling manis pasti tidak akan dilupakan seumur hidupnya sewaktu di nobatkan dengan anugerah Peninju Harapan ASEAN pada tahun 1991. Disamping itu, BK PTI RAMLI ini turut dianugerahkan dengan berbagai anugerah lain antaranya Lambang Emas (LEKAS) 1991 peringkat TLDM, calon 5 olahragawan terbaik dan lambang Khas (ATM) 1994 peringkat ATM dan calon jurulatih Bakat Baru Peringkat Negara. Meneruskan kesinambungan kecemerlangan beliau dalam sukan tinju ini, anak ke 4 dari 9 orang adik beradik ini, telah memperlempangkan diri dengan mengikuti berbagai kursus dan juga kursus kejurulatihan Sains Sukan tahap 1 pada tahun 1994, tahap 2 pada tahun 1998 dan tahap tertinggi iaitu tahap 3 pada tahun 2000 dimana telah melayakkan beliau menjadi Jurulatih Tinju Kebangsaan.

Ber cerita tentang kejayaan gemilang beliau ini, tidak dapat dinafikan bahawa semua itu mempunyai hubungkait dengan pergorbanan beliau selama ini dan apa yang lebih penting beliau menegaskan bahawa ayahnya adalah orang kuat di belakang tabir yang banyak memberi dorongan, perangsang dan pembakar semangat beliau untuk sampai ke mercu kejayaan disamping isteri beliau yang juga seorang anggota TLDM yang kini berkhidmat di Cawangan Undang-undang di Markas Tentera Laut. Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur. Beliau kini telah diperjawatkan sebagai jurulatih tinju kebangsaan sepenuh masa dibawah kelolaan Majlis Sukan Negara dimana antara tugas dan bebanan yang perlu dipikul bagi mencari, melatih dan melahirkan pelapis-pelapis peninju muda untuk projek Gemilang



Antara koleksi pingat dan piala yang dimenangi.

2006 bagi Sukan Komanwel 2006 di Melbourne dan Sukan Asia 2006 di Doha, Qatar. Dalam usaha untuk merealisasikan impian negara, Beliau turut dibantu oleh jurulatih luar (Asia Tengah) yang berpengalaman dalam melaksanakan latihan hariannya di Majlis Sukan Negara di Keramat. Antara kejayaan yang terbaru pelatih-pelatih pelapis dibawah latihannya iaitu pada kejohanan Tinju Jemputan Negara Asia yang berlangsung di Batam baru-baru ini dimana peninju-peninju muda beliau telah memenangi beberapa pingat.

Beliau menyatakan bahawa untuk memartabatkan sukan tinju, pihak persatuan perlu berusaha mencungkil bakat dari peringkat awal disamping diberi pendedahan yang meluas dalam kejohanan kompetitif dan antarabangsa secara berterusan. Dengan cara itu, peninju kita mampu bersaing dan mencipta nama di peringkat tinggi seperti Olimpik dan Dunia yang secara langsung meletakkan nama Malaysia sebagai salah sebuah kuasa besar sukan tinju. Bagi yang berminat untuk menceburi sukan ini, perlu diketahui bahawa setiap apa yang kita hendak laksanakan mestilah dengan bersungguh kerana tiada kejayaan tanpa pengorbanan. Nasihat beliau juga agar ceburilah bidang ini tanpa rasa was-was dan takut, tanamkan minat yang mendalam serta berazam untuk berjaya disamping sentiasa ceka menghadapi latihan keras yang bersistematis. Peninju juga mesti buktikan kejayaan dapat dicapai sejajar dengan cogan kata **Malaysia Boleh** dalam usaha mengharumkan nama negara di pentas dunia, ujarnya mengakhiri perbualan. **S**



Mewakili negara dalam sukan Komanwel '94 di Kanada.



Sambungan dari keluaran lepas...


PELAYARAN SECARA "REACHING" DAN "RUNNING"

Oleh: Lt Mohd Hamdan bin Samsudin TLDM

BAHAGIAN KELIMA

Pada keluaran lepas telah diterangkan kepada para pembaca sekalian berkenaan pelayaran secara "Close Hauled". Pada kali ini pula akan diterangkan pelayaran secara "Reaching" dan secara "Running". Belayar secara "Reaching" merupakan salah satu pelayaran yang paling di gemari kebanyakan pelayar baik kepada pelayar lama mahupun pelayar baru. Pelayaran secara "Reaching" terbahagi kepada 3 iaitu:

1. *Close Reach*
2. *Beam Reach*
3. *Broad Reach*



Ketiga-tiga pelayaran ini boleh diillustrasi seperti gambarajah di atas



Pertandingan Regatta Raja Muda di Pangkalan TLDM Lumut



CLOSE REACHING

Belayar secara "Close Reach" merupakan pelayaran di mana bot berada di antara kedudukan "Close Haul" dan "Beam Reach". Keadaan ini menunjukkan arah bot adalah keluar sedikit dari arah angin, bergantung kepada arah dan tujuan seseorang pelayar. Perlu diingat bahawa sebelum pelayar hendak mengubah haluan dari pelayaran secara Close Hauled ke Close Reach pelayar hendaklah melepaskan *mainsheet* sehingga *Boom End Block* dan *Traveler Block* berada dalam jarak 4 hingga 6 inci dan kemudian barulah *Kicker* dilepaskan dan *Center Board* dinaikkan sedikit.

Ini bertujuan untuk mengurangkan kecondongan *mast* dan untuk memastikan layar dalam keadaan terbuka sedikit dan lebih tegak supaya pelayar dapat memaksimumkan penggunaan keluasan layar sepenuhnya serta dapat mengelakkan *boom* dari terkena air yang boleh menyebabkan kelajuan bot layar terganggu.

BEAM REACH

Bot berada di dalam kedudukan 90° dari arah angin. Pada kedudukan ini juga, kelajuan maksima sesebuah bot akan diperolehi. Ini jelas menunjukkan kedudukan layar sesebuah bot bagi pelayaran secara "Beam Reach" dan secara "Close Hauled".

Gambarajah di sebelah pula menjelaskan bahawa "Driving Force" (Daya Luncur atau gerak ke hadapan) adalah lebih besar daripada "Heeling Force" semasa "Reaching" dan keadaan ini akan menyebabkan bot meluncur ke hadapan dengan kelajuan maksima, bergantung kepada kelajuan tiupan angin semasa. Semasa pelayaran ini, "Center Board" hendaklah dinaikkan lebih sedikit dari kedudukan pelayaran secara "Close Reach".

Tekanan/Daya semasa Pelayaran secara "Close Hauled" amat berbeza dengan pelayaran secara "Beam Reach" di mana "Heeling Force" semasa "Close Hauled" adalah lebih besar dari "Driving Force" serta menyebabkan bot layar akan senget (Heeling). Disebabkan daya inilah, justeru para pelayar memerlukan kekuatan mental dan fizikal bagi mengimbangi bot dan menerajuiinya dengan sebaik mungkin. **S**



$$\text{Total Force} = \text{Driving Force} + \text{Healing Force}$$

*"Perlu diingat bahawa sebelum pelayar hendak mengubah haluan dari pelayaran secara **Close Hauled** ke **Close Reach**, pelayar hendaklah melepas mainsheet sehingga Boom End Block dan Traveler Block"*



Program Optimis TLDM yang melibatkan golongan kanak-kanak - perintis di masa hadapan

SKUADRON KAPAL PEMBINASA LAJU (MERIAM) KE-6

Oleh: LK 1 RDP Shamsul Anuar Bin Samsudin

Foto: Cawangan Perhubungan Awam MWL II

Skuadron Pembina Laju Meriam atau lebih dikenali dengan nama FAC (G) telah sinonim di perairan Sabah dan Sarawak. Skuadron ini terdiri daripada 6 buah kapal yang telah dibina di Limbungan Hong Leong, Pulau Pinang. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia mampu membina kapal perangnya sendiri.

Skuadron ini merupakan aset utama terpenting di perairan Wilayah Laut 2 terutamanya bagi kawasan Gugusan Semarang Peninjau (GSP) yang meletakkan barisan pertahanan pertama negara yang terdiri daripada lima buah stesen TLDM, sejauh lebih kurang 170 batu nautika dari pulau Labuan. Skuadron yang diletakkan di bawah pentadbiran MAWILLA 2 ini berkemampuan dan berupaya memintas serta membinasa pihak musuh. Nama kapal yang diambil dari nama-nama spesies ikan ini juga melambangkan ketangkasan dan kebolehan istimewa kapal dalam menyusur serta membelah samudera bagi menjejaki musuh yang menceroboh kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia terutamanya.

Kedudukan geografi GSP memberi ruang kepada anasir-anasir yang ingin menceroboh kedaulatan perairan Malaysia. Justeru, TLDM telah menempatkan skuadron ini di Wilayah Persekutuan Labuan, bawah naungan MAWILLA 2 bagi memudahkan pergerakan kapal ke perairan GSP dalam masa yang paling singkat dan mudah.

Selain dari tugas utamanya mengawal perairan Sabah dan Sarawak, ia juga berperanan dalam tugas penghantaran anggota ke GSP.

Banyak kejayaan dan pengalaman pahit manis telah ditempuh oleh warga skuadron ini ketika melakukan rondaan. Adakalanya mereka terpaksa meredah gelombang besar demi mempertahankan kedaulatan negara. Adakalanya juga mereka akan berdepan dengan keadaan yang amat mencabar terutamanya ketika melakukan penahanan dan pemeriksaan ke atas kapal-kapal dan bot-bot yang mencurigakan.

Dalam operasinya yang tidak menentu dengan keadaan laut yang sentiasa bergelora, situasi ini juga memerlukan tahap disiplin yang tinggi dan ketahanan mental yang tebal untuk terus menjaga dan mengawasi perairan Sabah dan Sarawak agar tidak dicerobohi.

Selain daripada membuat tugas rondaan dan pengawasan, pelbagai aktiviti dan latihan di laut seperti latihan penembakan meriam atau senjata dilakukan bagi memantapkan ilmu setiap krew kapal pembina ini. **S**

DATA KAPAL

Jenis	: Pembina Laju Meriam (FAC G)
Panjang	: 44.9 m
Lebar	: 7 m
Berat	: 244 ton
Kelajuan maksima	: 32 knot
Enjin	: 3 MTU mb 16v 538 tb 90 Diesel
Radar	: Radar Navigasi Kelvin Hughes 1007 (i band)
Countermeasures	: ESM Thales dr 3000 intercept
Persenjataan	: 1 Bofor 57 mm/ 70
	: 1 Bofor 40 mm/ 70
Perjawatan	: 4 peg dan 36 anggota lain-lain pangkat



KD TODAK - sedang melaksanakan ekseseis OSTEX EAST.

No. Penant	Nama Kapal	Tempat Dibina	Tarikh
3507	KD PAUS	Hong Leong Lurssen, Butterworth	16 Ogos 1976
3505	KD JERONG	"	27 Mac 1976
3506	KD TODAK	"	16 Jun 1976
3508	KD YU	"	15 Nov 1976
3509	KD BAUNG	"	11 Jan 1977
3510	KD PARI	"	23 Mac 1977



KD PAUS - kapal terkanan skuadron.

Your
Thinking
Company



SYSTEM CONSULTANCY



System Consultancy Group of Companies



Prestigious Discovery Sdn Bhd



Digital Aura (M) Sdn Bhd



Dian Kreatif Sdn Bhd



IBS Technology Sdn Bhd



Leapfrog Technologies Sdn Bhd

Head Office
System Consultancy Services Sdn. Bhd. (219906-U)
36, Jalan 1/27F, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC),
53300 Kuala Lumpur.
Tel: 603-4149 1919 Fax: 603-4149 2121
E-mail: scshq@po.jaring.my



PEPERANGAN ANTI KAPAL SELAM

Oleh: Lt Kdr Baharudin bin Wan Md Nor TLDM

{Bahagian 1}

Kapal selam adalah satu aset peperangan maritim yang sangat digeruni oleh para perancang pertahanan. Selain daripada menjadi ancaman yang amat ditakuti oleh kapal perang, ia turut mengemukakan satu permasalahan strategik dan operasi yang rumit.

Kapal Selam – Satu Ancaman

Pada ketika ini terdapat kira-kira 800 buah kapal selam yang dimiliki oleh sekitar 50 buah negara di seluruh dunia. Jumlah ini termasuklah kapal-kapal selam berkuasa nuklear yang membawa bersamanya peluru berpandu yang dilengkapi peledak nuklear dan konvensional. Selain daripada negara-negara kuasa utama dunia, kapal selam turut dimiliki oleh kebanyakan negara atas pelbagai tujuan seperti keperluan keselamatan, prestij, pengaruh dan komersial.

Kapal selam telah membuktikan keupayaan dan pengaruhnya sejak perang dunia pertama dan dijangka akan terus memainkan peranan yang besar dalam sebarang konflik di masa hadapan. Kemajuan teknologi khususnya dalam bidang pembinaan, kuasa gerak (propulsion), sistem penderia dan persenjataan telah menjadikan kapal selam sebagai senjata paling merbahaya dan berkesan dalam pertempuran di laut. Torpedo berat seperti *BLACKSHARK* yang akan dipasang pada kapal selam jenis *SCORPENE* milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bukan sahaja jauh lebih pintar dari torpedo yang digunakan semasa perang dunia kedua, malah turut berupaya menyebabkan kapal yang menjadi sasarannya patah dua. Peluru berpandu krusis yang dilancarkan oleh kapal selam pula menambah jarak jangkauan senjata kapal selam tersebut di samping mengurangkan dengan drastik masa tindak balas mangsanya.

Dalam peperangan Falklands, kapal selam British telah berjaya menenggelamkan kapal kruiser Argentina bernama *GENERAL BEL GRANO*. Selain mengorbankan lebih 400 anak kapal kruiser tersebut, serangan ini secara langsung bertanggungjawab menyebabkan kapal-kapal perang tentera laut Argentina yang lain tidak berupaya untuk campur tangan dalam peperangan itu. Situasi ini membolehkan angkatan tentera British menumpukan perhatian mereka untuk menangani ancaman lain khususnya dari udara dan darat.

Kapal selam milik Argentina yang bernama *SAN LUIS* pula dilaporkan telah beroperasi lebih 800 batu nautika dari pangkalannya di samping turut melancarkan 2 serangan torpedo ke atas kapal perang tentera laut British. Serangan ini dapat juga dilancarkan di sebalik langkah-langkah keselamatan dan pencegahan anti-kapal selam yang intensif dari negara kuasa utama dunia tersebut. Walau bagaimanapun, malang bagi Argentina apabila kerosakan dan masalah senggaraan pada sistem persenjataan kapal selam tersebut telah menyebabkan kedua-dua serangan gagal memusnahkan sasarannya.

Kedua-dua insiden ini membuktikan kapal selam akan terus menjadi ancaman utama kepada kapal-kapal perang di masa hadapan. Apabila berada di laut, kapal selam umumnya mempunyai kelebihan dalam percaturan taktik. Kelebihan ini khususnya dari aspek halimunan (stealth) dan keupayaan pengesanan, membolehkan kapal selam memilih sama ada untuk menjejak, menyerang atau mengelak dari dikesan



Kewujudan kapal selam dalam sesuatu operasi amat digeruni kerana ia boleh mengucar-kacirkan keadaan



bergantung kepada keadaan semasa dan misi yang diberi. Ini mengakibatkan sebarang keraguan berhubung kehadiran kapal selam musuh di dalam kawasan operasi akan memaksa angkatan laut terbabit menyalurkan sebahagian besar daripada sumber dan aset angkatan lautnya untuk menangani masalah tersebut.

Konsep Operasi Peperangan Anti-Kapal Selam

Seperti yang kita ketahui, kapal selam khususnya yang beroperasi di laut merupakan satu bentuk ancaman yang amat serius dan perlu ditangani dengan berkesan. Langkah pertama yang perlu diambil ialah mengenal pasti objektif yang perlu dicapai dan disusuli dengan mengatur strategi berkaitan. Secara umumnya, pakar peperangan maritim bersetuju bahawa objektif peperangan anti-kapal selam secara realistiknya

secara konsepnya, pelaksanaan operasi peperangan anti-kapal selam dibahagikan kepada 4 peringkat – Serangan Pendahuluan (pre-emptive strike), Pemintasan di Pangkalan (port interdiction), Peperangan Anti-Kapal Selam di Luar Kawasan Operasi (ASW outside the area of operation) dan Peperangan Anti-Kapal Selam Dalam Kawasan Operasi (ASW inside the area of operation).

Serangan Pendahuluan (Pre-Emptive Strike)

Serangan Pendahuluan dilaksanakan dengan tujuan untuk menghalang kapal selam musuh dari belayar dan seterusnya beroperasi di laut. Ia biasanya dilaksanakan melalui serangan semasa kapal selam masih berada di pelabuhan. Serangan ini walau bagaimanapun tidak terhad ke atas kapal selam semata-mata. Ia juga boleh ditujukan terhadap kemudahan-kemudahan lain yang kritikal untuk membolehkan kapal

komando. Tanpa kemudahan prasarana, bantuan logistik dan sumber manusia yang dilatih secara khusus, kapal selam tidak dapat beroperasi dengan baik. Serangan sedemikian walaupun kelihatan tidak berkaitan dengan peperangan anti-kapal selam secara langsung, sebenarnya amat berkesan dalam mencapai objektif peperangan tersebut.

Pemintasan di Pangkalan (Port Interdiction)

Operasi Pemintasan di pangkalan dilaksanakan dengan tujuan untuk memusnahkan kapal selam musuh sebaik sahaja ia berlepas dari tambatan tetapi sebelum ia meninggalkan kawasan pangkalannya. Selain daripada itu, operasi ini juga boleh dilaksanakan untuk menghalang kapal selam yang sedang beroperasi di laut dari mengulang bekul. Operasi pemintasan di pangkalan mempunyai kelebihan tersendiri. Pada kebiasaannya, kapal selam merupakan antara unit pertama yang akan belayar sebagai persiapan untuk menghadapi kemungkinan berlakunya pertempuran di laut.

Selain dari maklumat perisikan dan tindakan-tindakan agresif lainnya, pelayaran keluar kapal selam sebelum pertempuran boleh dianggap sebagai antara tindakan yang mengesahkan tujuan pihak musuh untuk menggunakan kuasa ketenteraan mereka. Ini menjadikan serangan terhadap kapal selam tersebut sah dari segi undang-undang antarabangsa dan secara moral. Tambahan pula pelabuhan dan pangkalan tentera laut biasanya mempunyai laluan-laluan tertentu yang wujud secara semulajadi ataupun dibina oleh manusia. Ketika belayar keluar atau masuk pelabuhan tersebut, kapal selam dan kapal-kapal perang yang lain akan tertumpu pada laluan yang telah ditetapkan. Keadaan laluan yang agak sempit dan cetek ini biasanya akan menyukarkan kapal selam dan kapal perang lain yang menggunakannya dari mempertahankan diri masing-masing apabila diserang. Operasi Pemintasan di Pangkalan sebenarnya mengambil kesempatan atas situasi ini untuk mencapai objektif peperangan anti-kapal selam. **S**

- Peluru berpandu "KRUIS" meningkatkan lagi keupayaan kapal selam



harus ditetapkan sebagai **untuk menafikan penggunaan kapal selam secara berkesan oleh pihak musuh**. Objektif ini selain dari menyeluruh, juga bermakna kemusnahan kapal selam musuh, walaupun sesuatu yang amat berfaedah dalam jangka panjang, tidak semestinya diperlukan. Terdapat berbagai cara dan strategi yang boleh digunakan untuk mencapai objektif tersebut. Sebahagian daripada cara tersebut sebenarnya lebih berkesan dan mudah berbanding dengan usaha untuk memusnahkan kapal selam yang sedang beroperasi di laut. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan;

selam beroperasi. Ini termasuklah pangkalan kapal selam, limbungan untuk membaiki dan membina kapal selam, pusat kawalan dan pemerintahan, malah turut melibatkan pembunuhan pegawai-pegawai tertentu seperti pegawai memerintah dan jurutera yang dikenal pasti sebagai pakar dan diperlukan untuk membolehkan kapal selam tersebut beroperasi dengan berkesan.

Serangan ini boleh dilaksanakan melalui pelbagai cara. Antaranya termasuklah serangan dari udara, serangan peluru berpandu dan pengeboman dari laut serta penggunaan anggota pasukan khas atau



Managing Risks

An Approach for the Royal Malaysian Navy

By: James Crown & First Admiral Ahmad Kamarulzaman

Managing risks is not new, it is either we do it consciously or not. What we now need is for a structured approach of risks management to achieve the optimum outcome....

We are faced with risks every-day, even as we cross the road or when driving to our place of work. The risk of being hit by a car, or hitting someone or another car where the consequence would be lost of live, money and/or time. Managing risks is not new, it is either we do it consciously or not. What we now need is for a structured approach of risks management to achieve the optimum outcome.

Risks Management has now been identified as one of the key concept and a critical management tools for the Royal Malaysian Navy (RMN). This concept is part of the enabling processes perspective that forms the RMN Strategy Map, which is now being adopted to ensure the accomplishment of Navy's vision to be a Quality Navy.

In the RMN, managing risks will now need to be an integral part of the management-leadership requirement for an effective and quality organisation that focus on good governance. It will also facilitate the concept of doing more with less through efficient resource (people and assets) management. Effectively, risk management not only can save lives

but also saves money and time. It can act as a force multiplier and needs to be embedded into every unit, every officer and seaman as a Navy Culture or the way Navy People work.

At both the strategic and operational levels, there can be no room for complacency. The Navy operates in a demanding environment that is complex and inherently dangerous – in other words we are always in harms way. There is a continuing high operational tempo demanding professional competency, informed judgement, and a set of management-leadership tools that aid execution. Risk management is one of those tools. The Navy needs to integrate risk management into all its processes and activities, into the behaviour of all personnel at all times, into its corporate and military culture until it becomes intuitive – a natural part of the job.

All ranks, from an admiral to a seaman, should be exposed, trained and should practice the identification, analysis and mitigation of risks. The risk identification and action process should be the same for flag officers on strategy as seamen on implementation of even simple evolutions at sea. The process should be easy to learn, and easy to implement. As one flag officer has said: "Risk

management is not an add-on feature of the decision-making process but rather a fully integrated element of planning and executing operations."

Start with two simple definitions: What is Risk? Risk is the chance of something happening that will have an impact upon your objectives. Risk is measured in terms of likelihood and consequences. The Risk Management Process is the systematic application of 'existing' policies, procedures and practices to the tasks of identifying, evaluating, treating and monitoring risk.

The fundamentals are in those definitions. We must know what our objectives are before we can start defining risks. Our strategic and operational plans identify our objectives. The management of risk identifies the barriers or problems we may face in implementation and achievement of those objectives. And those problems may be as diverse as the Navy itself: management of financial budgets, managing sea trials for the New Generation Patrol Vessels, managing infrastructure development projects, development of complex systems for the new submarines, strategic human resource planning and so forth.

We've always asked the fundamental risk management question: What If? The difference now is that we ask it as part of an overall, documented process. In more recent times we've used different words: options to a course of action in a military appreciation process, contingency plans, scenario planning, disaster and recovery programme, emergency management planning. And there are phrases that are risk-based and even more recognisable: preventative maintenance, out-sourcing, Just-in-Time logistics management, life-cycle planning of strategic assets, or damage control.

At sea for example, naval safety engineering began formally in the 12th century, but risk management and risk mitigation was in place long before that. In those days, seamanship required that, if the weather was bad, lifelines had to be



Risks management now being adopted by management teams in the RMN.



rigged on deck and seamen were hooked to the lifeline, or even to the mast on a tether. Seamanship has always been a safety-engineering project – a risk management exercise.

Risks can be managed by looking at Areas of Activity and Sources of Risk within those Areas. Causes are already well known. For example, consider hazards which might be caused by: lack of education or training, physical or mental fatigue, improper procedure, obsolete technical manual, equipment operated outside design limits, thermal stress, lack of protective equipment, weather that does not develop as forecasted, unsuitable tempo of operations, inattentive operator, excessive noise, task saturation, design factors, or distraction. The second fundamental is that the most cost-effective risk management program identifies risks and outcomes, prioritises these so the most unacceptable risks are dealt with first, and then looks for improvement in existing internal controls for risk mitigation. Improving existing control mechanism is far quicker and less expensive than launching new mitigation strategies. Of course, if no control improvement is possible, then a new strategy may be the only recourse – but that is often the exception.

Risk management is much more than just safety and security. Risk management needs to blanket the whole Navy, from top to bottom. It needs to start with assessing risks across the geopolitical and strategic environment addressing the three overarching goals - Preparedness, Jointry, International and National Partnerships strategies driving the RMN Strategy Map. It then needs to cascade to operational day-to-day issues, initiatives and action planning.

RISK MANAGEMENT FOR DUMMIES – IN 7 STEPS

The steps are easily trained and implemented – just by asking lots of questions and placing answers into structured formats:

STEP 1: (see Fig 1) Establish policy and senior ranks' commitment to risk management.

Define the risk management structure as 'holistic' – the whole Navy. Establish what kinds of unacceptable risks are priorities and at what level? Examples of these are injury to fatality risks; image and credibility risks; damage to assets risks, reduction in operational readiness or mission capability risks, and so forth. Establish simple likelihood and consequences tables: what constitutes a low risk, a moderate, significant or high risk? What risks are acceptable? What risks are unacceptable? Then train the process throughout the Navy, using the training process as an opportunity to start reducing risks immediately while still in the risk management training activity.

“Risks management is not an add-on feature of the decision-making process but rather a fully integrated element of planning and execution of any activities or operations”

STEP 2: Identify risks. What can happen? What can go wrong?

Break down large areas of risk (for example, human resources) into individual sources of risk (training programs, recruitment and selection, career planning, performance assessments, and so forth). Then document individual risks into statements such as.. Failure to ..., Weakness in ..., Lack of ..., Too Much ..., Too Littleetc.

Risks can also be identified at the macro level or perspectives and these can be categorised into - People, Policy, Structure and Processes. Then we need to zoom into the micro perspective let say Processes: we start looking at sources of risk such as Operations, Logistics, Operations Management, and Strategic Management. The deeper we push down into our activities, the more effective our risk assessments and bottom line improvements. Some of our most impressive risk managers will be our senior ratings provided they are made aware of this point and the important role they can contribute to the organisation. Often they know what the risks are, they may even know what the solutions are, but they will often need assistance to execute those solutions.

In an institution like the Navy, sometimes

you start risk management from scratch. More often the risks lie within an incident or in the planning of a mission. Lets analyse the case of USS *Greeneville* (SSN-772), a nuclear fast-attack submarine that conducted an emergency main ballast tank blow near Honolulu, a dramatic manoeuvre that brings the bow high out of the water. The captain was showing some VIP guests what his boat could do. He took short cuts in procedures, took over the control of the sub from the Officer of the Watch (OOV ie. Duty Officer on Watch) and ignored the advice of his Executive Officer (XO ie. the 2nd in command). High pressure air displaced water from the ballast tanks, creating buoyancy that caused the 6000-ton sub to rise rapidly to the surface – with no ability to stop on the way. At the surface, the *Greeneville* struck the Japanese training vessel *Ehime Maru*. As a result of the collision, the *Ehime Maru* sank and took nine people, including four high school students, to their deaths. What risks do we take from this incident?

Failure of the captain to understand that the commanding officer does not have the authority to ever consider compromising safety priorities (even in the presence of important VIP visitors) except in wartime. He ignored the required steps that are in place to reduce the risk of collision, including adequate analysis of contacts and adequate periscope search for contacts.

Poor management of surface contacts. In trying to impress the VIPs, the captain took over the OOV role. The captain did not have enough SSN OOV experience in contact management. His former assignments had been mostly fleet ballistic missile submarines (SSBN), not SSNs. This is an identifiable risk, for which a mitigation strategy can be developed.




FIG 1 - RISK MANAGEMENT FRAMEWORK



Poor periscope use. Again, the captain had substantial SSBN experience. SSBNs avoid periscope use as much as possible. SSNs use the periscope more often, thus leading to a heightened awareness of surface contact management. The captain did not show this awareness. This is an identifiable risk, for which a mitigation strategy can be developed.

STEP 3: Identify, for each risk, what the Outcomes of that risk are likely to be if it occurs, and then apply the Priority List.

Now we know what might happen that will impact our objectives, what the outcomes would be, and whether or not the risk is a high priority for the organisation. For the USS Greenville, a collision with a surface vessel is a possible outcome, with injury to fatality, damage to assets, damage to reputation and credibility and so forth. In our naval bases, the example of risk of road accidents also results in possible casualty including lost of lives and costs which not only involve the individual, his family and friends but also to his unit and the organisation as a whole.

In the Navy, we are always in harms way especially when we are out at sea, risk management is therefore critical. From another perspective, expectations from our stakeholders always increases especially in financial management and managing risks will effectively helps to saves costs as defence management is not a cheap.

STEP 4: List the controls that already exist, and value those controls as 'highly effective', 'moderately effective', or 'ineffective'.

Existing controls reduce (or increase) risk because they exist, and because they are effective (or not). This is important because it is the 'real' value of the control which will help you determine likelihood and consequence.

The Navy has a tremendous risk management advantage when it comes to controls. It has in place doctrine, standard operating procedures, guidance, rules, regulations, a high level of management discipline – all of which already assist in the mitigation of risk. The rounds that duty personnel do onboard ships focusing on safety, security and even cleanliness is an effective risk control mechanism if they are conducted properly. These become the foundations of risk control. The risk process will further enhance these tools, provide opportunities for continuous improvement, and reveal weaknesses which can then be strengthened.

STEP 5: (see Fig 2) Apply the likelihood-by-consequence matrix to determine how likely (likely, possible, unlikely) the risk is to occur, and what might be the consequences (insignificant, minor, moderate, catastrophic) if it does occur.

FIG 2 - Likelihood and Consequence Matrix

Likelihood	Consequences				
	1 Insignificant	2 Minor	3 Moderate	4 Major	5 Catastrophic
A Almost Certain	S	S	H	H	H
B Likely	M	S	S	H	H
C Possible	L	M	S	H	H
D Unlikely	L	L	M	S	H
E Rare	L	L	M	S	S

Unacceptable Risks

H = a High Risk — Attention, Time and Resources required
S = a Significant Risk — Attention required

Acceptable Risks

M = a Moderate Risk — Monitor and Review
L = a Low Risk — Standard Operating Procedures to handle

This leads to a risk rating of Low or Moderate (both of which are Acceptable Risk) or Significant and High (both of which are Unacceptable and need to be mitigated). Small teams, working with a subject they know well, with shared training, experience, and a commitment to making this work, will provide very accurate assessments.

The result of the assessments will help to determine the type of strategies to mitigate the risks that have been identified.

STEP 6: (see Fig 3) Develop mitigation strategies to lessen the risk.

First, check the controls to see if any improvements can be made to controls that are only moderately effective or ineffective. If controls can not be improved, look for new strategies. Generic strategies can be developed. For example, these words might suggest mitigation actions that will work: Communications (internal or external), training, documentation, resourcing, systems, additional planning. Develop a practical and realistic risk mitigation strategy based on resources available and then implement.



FIG 3 - RISK MITIGATION STRATEGY DEVELOPMENT

STEP 7: Monitor and review to ensure the mitigation action has had an effect.

Risk management is one of the most powerful management tools available today. Even there are software tools that are now available; it is best done with a piece of paper and a pencil thus accessible to everyone. (A computer-based tool might be used to monitor and report).

A risk management program will preserve and protect resources and assets, both tangible and intangible. It will also increase operational readiness. Other militaries around the world have embraced risk management as governance, strategic and operational tool. The common principles they share are:

- Integration of risk management into strategic planning as well as mission planning, preparation and execution
- Ensure risk decisions are made at the appropriate level in the chain of command
- Avoid unnecessary risks

In conclusion, managing risks is not new. But we must first need to identify them and the simple framework presented is intended to provide a structured way to identify, analyse, assess and mitigate risks. Having said that, there will still be challenges when dealing with people. Leaderships in organisation would therefore needs to be committed and continue to instil awareness, set clear risk management policies and helps others to challenge existing processes and procedures with the objective of managing risk.

It is also important to recognise what risk management does not do. It does not stop the leader from leading. It does not eliminate risk completely. It does not create a risk averse environment. It does not replace any of the accepted standards, drills, tactics, techniques or procedures. What it does do is assist the naval leader to protect lives and assets, to avoid unnecessary risks, to develop more effective courses of action in planning, to improve controls that do exist, to put in place controls that are missing and, finally, to improve mission effectiveness and to do more with less. S

STAR EDUCATION FAIR 2005 - SAMBUTAN HANGAT -

Oleh: Lt Rahimah bt Taib TLDM
PS 2 Promosi dan Kerjaya (Markas Tentera Laut)



Sambutan hangat pengunjung di gerai TLDM.

The Star Publication (Malaysia) Sdn Bhd (The Star) telah menganjurkan satu pameran pendidikan 'Star Education Fair 2005' pada 7 dan 8 Januari 2005 yang lalu bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Pameran ini merupakan siri pertama untuk tahun 2005 di mana siri kedua akan diadakan pada 25-27 Februari 2005 bertempat di *Penang International Sports Arena* (PISA). Pada umumnya, pameran ini lebih didominasi oleh Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam usaha mempromosi pusat-pusat pengajian mereka kepada umum. Walau bagaimanapun, terdapat juga penglibatan dari Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPTA) yang mengambil bahagian seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). **Tentera Laut Diraja Malaysia** (TLDM) pula antara badan beruniform yang turut terlibat di samping penglibatan dari Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang turut diundang untuk menyayakan pameran ini.

Star Education Fair merupakan acara tahunan di mana pihak The Star akan menjemput semua pusat pengajian tinggi awam dan swasta membuka gerai masing-masing. Tujuan utama pameran ini ialah untuk memberi peluang kepada golongan pelajar terutamanya untuk mengetahui alternatif pendidikan dan kerjaya yang boleh diceburi selepas mereka

menamatkan pengajian. Golongan sasaran utama pameran ini ialah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan pekerja yang ingin melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa atau sambilan.

Pameran ini telah dirasmikan oleh Datuk Dr. Shafie Salleh, Menteri Pengajian Tinggi pada 7 Januari 2005. Sejak majlis perasmian selesai, beliau telah dibawa melawat ke tapak pameran sebelum ianya dibuka kepada umum. Gerai TLDM adalah antara yang mendapat sambutan hebat dari pihak umum dan alhamdulillah, ianya telah mendapat

pengiktirafan antara **10 gerai terbaik** yang mendapat perhatian hangat para pengunjung (antara lebih kurang 500 gerai yang terlibat).

Setiap masa gerai TLDM tidak putus-putus daripada pengunjung remaja terutamanya, yang akan bertanyakan mengenai skim-skim kemasukan yang bersesuaian untuk mereka ceburi. Sambutan yang diterima bukan hanya melibatkan remaja bumiputera, malah remaja berbangsa Cina dan India serta lain-lain bangsa turut mengunjungi gerai untuk bertanya mengenai kerjaya yang boleh mereka tempuhi dalam TLDM. Para ibu bapa dan guru juga turut tidak melepaskan peluang untuk memperolehi dengan lebih lanjut mengenai peluang pendidikan dan kerjaya yang boleh didapati dari TLDM. Bertepatan pula dengan iklan kemasukan ke Akademik Tentera Malaysia (ATMA) yang baru disiarkan di akhbar pada 31 Disember 2004 yang lalu, maka jumlah remaja yang datang menjadikan gerai ini semakin hangat dan kerap dikunjungi.

Pameran selama 2 hari ini telah mula dibuka pada jam 10 pagi hingga 7 petang. Secara umumnya pameran ini telah berjaya mencapai objektifnya berikutan publisiti meluas yang dilakukan oleh pihak pengatur. Di kesempatan ini, Sel Promosi Kerjaya TLDM juga telah dapat memberi pendedahan mengenai kerjaya TLDM kepada masyarakat Malaysia khususnya. Semoga pameran pada siri kedua kelak akan turut mendapat sambutan yang sama malah lebih hebat dan bermanfaat lagi. Insya-Allah. **S**



Penerangan oleh staff Sel Promosi Kerjaya TLDM.



KESAN GLOBALISASI KE ATAS TAHAP DAYASAING PELABUHAN-PELABUHAN DI MALAYSIA

Oleh: Nazery Khalid
Pusat Kajian Ekonomi dan Industri Kelautan MIMA
<mailto:nazery@mima.gov.my>
<http://www.mima.gov.my>

Globalisasi dan Impaknya Terhadap Sektor Maritim di Malaysia

Fenomena globalisasi telah meningkatkan integrasi pasaran, perniagaan dan masyarakat sejagat. Pergerakan barangan, perkhidmatan, tenaga kerja, maklumat, teknologi dan modal semakin merentasi sempadan dan hampir tidak terbatas. Proses globalisasi dipercepatkan lagi dengan perkembangan dramatik dalam bidang-bidang seperti Internet, telekomunikasi dan pengangkutan.

Berlatar belakangkan globalisasi, dagangan di antara Malaysia dengan negara-negara dunia semakin meningkat dengan berkembangnya ekonomi antarabangsa. Proses globalisasi telah bertindak sebagai pemangkin kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi Malaysia yang majoriti dagangan antarabangsanya diangkut melalui sektor maritim. Kesan perkembangan ini kepada sektor maritim Malaysia amnya dan pelabuhan-pelabuhan tempatan terutamanya sangatlah besar. Beberapa pelabuhan laut utama di Malaysia telah menjadi sebahagian dari rangkaian logistik yang kompleks yang memainkan peranan strategik dalam melicinkan proses dagangan dan menjana ekonomi nasional yang semakin disemarakkan oleh globalisasi.

Dayasaing Pelabuhan di Malaysia Dalam Konteks Globalisasi

Adalah dianggarkan sebanyak 90% dagangan Malaysia dengan rakan-rakan dagangannya menggunakan pengangkutan kapal. Berdasarkan statistik ini, kesejahteraan ekonomi Malaysia sangat bergantung kepada pelabuhan-pelabuhannya. Oleh itu amatlah kritikal yang pihak-pihak yang berkepentingan di dalam sektor pelabuhan tempatan menumpukan usaha, tenaga dan sumber yang ada ke arah meningkatkan tahap dayasaing pelabuhan-pelabuhan kita. Tanpa pelabuhan-pelabuhan yang berdayasaing, kita tidak dapat menampung jumlah dagangan yang besar. Ini tentunya akan me-

ngurangkan tahap kompetitif kita di mata pelabur asing dan bakal mendatangkan kesan yang negatif kepada ekonomi kita yang sangat bergantung kepada dagangan.

Beberapa pelabuhan di Malaysia seperti Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas telah mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai pelabuhan yang cekap dan berdayasaing.

Pihak-Pihak Berkepentingan di Dalam Dayasaing Pelabuhan-Pelabuhan di Malaysia

Dalam membincangkan topik dayasaing pelabuhan, adalah penting untuk disenaraikan pihak-pihak yang terlibat dan berkepentingan di dalam dunia pelabuhan. Antara pihak-pihak yang utama adalah syarikat perkapalan, penghantar/pengeluar barangan, lembaga pelabuhan, pengamal pengangkutan darat (*hinterland transport operators*), agen perkapalan, pengangkut (*freight forwarders*) dan pemungkah kargo (*stevedores*).

Justeru, tentunya wujud objektif dan motivasi yang berbeza di kalangan mereka dalam berurusan dengan pelabuhan. Akibat persaingan yang semakin sengit yang digalakkan lagi oleh



Pelabuhan Tanjung Pelepas diiktirafkan sebagai pelabuhan yang cekap dan berdayasaing



proses globalisasi, diperhatikan semakin banyak syarikat perkapalan telah mempelbagaikan aktiviti dengan menceburi bidang yang menggugat perniagaan syarikat pengangkutan.

Jenis-Jenis Persaingan Pelabuhan di Malaysia

Persaingan Dalam Kawasan Pelabuhan Tempatan.

Ini melibatkan persaingan dalam sesebuah pelabuhan antara beberapa pihak. Selalunya persaingan sebegini berlaku antara syarikat perkapalan dan pengendali terminal pelabuhan serta pemungkah barangan dalam kawasan sebuah pelabuhan. Persaingan sebegini juga diperhatikan berlaku antara lembaga pelabuhan yang mempunyai kepentingan di dalam pengendali terminal dengan pengendali terminal yang lain.

Persaingan Antara Pelabuhan.

Persaingan ini berlaku di kalangan pelabuhan. Ia boleh melibatkan persaingan di antara para pengendali terminal pelabuhan atau di antara lembaga-lembaga pelabuhan.

Persaingan Dengan Pelabuhan Antarabangsa.

Ini melibatkan persaingan antara pelabuhan tempatan dengan pelabuhan antarabangsa. Pelabuhan di wilayah ASEAN seperti di Singapura, pelabuhan Laem Chabang di Thailand dan pelabuhan Tanjung Priok di Indonesia merupakan antara yang memberikan saingan sengit kepada pelabuhan tempatan dalam persaingan menarik kargo.

Perubahan Peranan Pelabuhan di Malaysia Kesan Dari Globalisasi

Suasana persaingan yang semakin hebat dan integrasi daerah pedalaman (*hinterland*) telah menghasilkan ekonomi skala (*economies of scale*) yang menuntut peranan yang lebih proaktif dan dinamik dari pelabuhan. Pelabuhan telah mengambil tempat yang strategik sebagai pemudahcara dagangan atau *trade facilitator* yang memungkinkan pertumbuhan ekonomi negara.

Fenomena globalisasi telah menggalakkan perkembangan rangkaian pengangkutan global dan rantaian logistik. Hasil perkembangan ini ialah persekitaran yang semakin sengit di dalam sektor maritim amnya dan pelabuhan khususnya. Malaysia kini bersaing hebat bukan sahaja dengan jiran-jiran di rantau ASEAN malah juga dengan negara-negara Asia dan serata dunia dalam menarik pelabur asing dan dagangan antarabangsa.

Era di mana pelanggan tertakluk kepada struktur kos pelabuhan semata-mata telah berakhir. Dalam erti kata lain, kehendak pengguna masakini menentukan strategi pelabuhan, bukan sebaliknya. Pelabuhan di Malaysia juga diperhatikan sedang bergerak ke arah mencapai struktur tarif pelabuhan yang lebih kompetitif, perkhidmatan tambahan nilai, masa menunggu dan memproses yang lebih singkat dan tahap



“Malaysia kini bersaing hebat bukan sahaja dengan jiran-jiran di rantau ASEAN malah juga dengan negara-negara Asia dan serata dunia”

produktiviti yang lebih tinggi bagi mengekalkan tahap daya saing.

Kesimpulan

Peranan pelabuhan telah banyak berubah dari beraksi sebagai pusat memproses kargo semata-mata. Pelabuhan masakini berperanan sebagai satu komponen rangkaian pengangkutan global yang menyediakan penyelesaian pengangkutan yang komprehensif kepada pelanggannya. Ia berfungsi sebagai pelancar kerja kepada proses dagangan dan memainkan peranan yang strategik di dalam ekonomi negara.

Dengan meningkatnya persaingan hasil persekitaran dunia yang sentiasa berubah, pelabuhan tempatan perlu bersaing bagi mengekalkan tahap kompetitif. Pelabuhan moden merupakan satu elemen dalam rangkaian logistik, dengan itu kegagalan atau kejayaannya bukan sahaja bergantung kepada inisiatif pelabuhan itu sendiri tetapi bersandarkan kepada elemen dan faktor lain di dalam rangkaian logistik.

Kesimpulannya, pelabuhan di Malaysia hendaklah meningkatkan tahap daya saingnya dari segi penyediaan infrastruktur yang canggih dan mencukupi, perkhidmatan yang baik, kadar tarif yang kompetitif, proses pengendalian kargo yang cekap dan efisien, sambungan yang meluas dengan pelabuhan antarabangsa dan perkhidmatan sokongan yang lengkap bagi menarik minat syarikat perkapalan utama. Pelabuhan yang akan berjaya di dalam persekitaran berdayasaing globalisasi ialah pelabuhan yang mengutamakan pendekatan mesra pelanggan. Pelabuhan tempatan haruslah memperkukuhkan tahap pencapaian dalaman mereka melalui pengenalan dan pembangunan kecekapan teras atau *core competencies* masing-masing. Mereka juga harus akur dengan pelbagai kehendak dan objektif di kalangan pihak yang mempunyai kepentingan di dalam operasi pelabuhan. Akhir sekali, pelabuhan kita harus bersikap fleksibel dalam menyesuaikan falsafah, proses dan operasi mereka dengan kehendak semasa yang dinamik dan menyelaraskan diri ke arah mencapai integrasi dengan rangkaian pengangkutan global. **S**

Badan Kesenian TLDM (BAKES) Permata Seni Yang Bersinar

Oleh: Lt Masliza Maaris TLDM
Cawangan Perhubungan Awam MPL TLDM

BAKES TLDM merupakan landasan kepada warga TLDM yang meminati bidang seni untuk mengasah bakat masing-masing di samping memelihara warisan bangsa daripada pupus.

Namun ramai yang tidak menyedari bahawa pengerusi pertama Badan Kesenian TLDM (BAKES TLDM) itu mempunyai naluri seni yang telah lama terpahat di dalam diri sejak dibangku sekolah lagi. Dahulu, ramai yang tidak tahu akan wujudnya badan berteraskan seni di dalam TLDM. Umpama sebutir mutiara yang bercahaya, BAKES TLDM mula menyinar di mata masyarakat tatkala mempamerkan tarian tradisi, poco-poco dan seni silat sempena perasmian pembukaan dan penutup Kejohanan Mini Olimpik Ke XVIII (KMO ke-18) pada April tahun lalu.

Bermula dari situ, kehebatan lebih 200 orang penari BAKES TLDM mula meniti di bibir masyarakat luar. Hatta, pelbagai organisasi dalam dan luar TLDM mengundang pertubuhan ini dalam menghiasi program anjuran mereka. Kesungguhan para penari ini membuahkan hasil apabila diundang untuk menyertai pertandingan tarian tradisional peringkat negeri Perak pada bulan Julai 2004 dan berjaya mendapat tempat ketiga!! Syabas!!

Menyingkap kembali sejarah penubuhan badan tersebut, BAKES TLDM diasaskan pada tahun 1999. Ketika itu, majoriti jawatankuasa penaung adalah terdiri daripada pegawai dan anggota KD PELANDOK. Usaha merealisasikan badan tersebut secara rasmi telah membuahkan kejayaan apabila mendapat mandat daripada



Menumpukan perhatian... anggota BAKES mendapat penerangan dari seorang Jurufoto.



Tarian... salah satu aktiviti yang disertai oleh anggota-anggota BAKES TLDM.

Markas Tentera Laut pada tahun 2000. Menurut Kepten Sulaiman, secara amnya BAKES TLDM merupakan landasan kepada warga TLDM yang meminati bidang seni untuk mengasah bakat masing-masing di samping memelihara warisan bangsa daripada pupus. Pertubuhan ini bertujuan mengawal dan menyelaraskan semua aktiviti berunsur seni di samping turut menyumbang kepada pembangunan sumber manusia TLDM yang bersifat kreatif. Tambah beliau, ia juga merupakan satu badan yang menyokong pembangunan TLDM di masa aman bagi menyemarakkan keterampilan TLDM di bidang seni. Penglibatan warga TLDM dalam aktiviti dapat menyerlahkan lagi penglibatan anggota tentera di mata masyarakat awam dalam aktiviti kesenian sejajar dengan misi BAKES TLDM iaitu "Menjadi teraju dalam menyemarak nama TLDM dalam memartabatkan seni bangsa Malaysia ke peringkat nasional".

Menyentuh aspek seni, kini hanya terdapat 6 bidang seni yang digerakkan di dalam BAKES TLDM iaitu drama, muzik, puisi dan penulisan, seni lukis, silat serta fotografi filem dan video. Sasaran akan datang, badan ini akan memperluaskan lagi bidang seni dengan menerapkan seni kraftangan serta memperkembangkan cabang seni yang sedia ada. Sehingga wawancara ini dibuat, BAKES TLDM telah berjaya mengumpul 252 ahli dari kalangan warga TLDM yang berminat bagi memenuhi

pelbagai cabang seni yang ditawarkan oleh badan tersebut. Peluang ini turut terbuka kepada anggota awam dan tentera yang berkhidmat dengan TLDM. Bayaran sebanyak RM5 dikenakan sebagai yuran keahlian. Setakat ini, kelas latihan yang dianjurkan adalah atas dasar inisiatif AJK yang terdiri dari kalangan TLDM. Selain itu, BAKES TLDM juga menghantar ahli yang berminat mengikuti bengkel seni tarian tradisional yang dianjurkan dengan kerjasama dari Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Perak. Atas kesedaran ingin mengembangkan peranan serta bidang tugas BAKES TLDM, hala tuju badan ini telah digariskan oleh Pengerusi sendiri. Menurut Lt Kdr Syed Ahmad Hilmi bin Syed Abdullah TLDM selaku AJK Silat, dengan menyertai BAKES TLDM, ianya dapat mendekatkan anggota TLDM dengan aktiviti seni dan secara tidak langsung mendisiplinkan diri termasuk mewujudkan semangat setiakawan. Ini dapat mengelakkan gejala sosial daripada berlaku.

Penubuhan BAKES TLDM merupakan cetusan kesedaran kesenian di kalangan anggota TLDM. Di penghujung bicara, Pengerusi BAKES TLDM mengharap agar segenap warga TLDM menyokong usaha murni ini dalam menyemarakkan keterampilan TLDM dalam aspek seni dan menjadikan BAKES TLDM sebagai sebuah aset yang boleh dibanggakan oleh TLDM. **S**

PANGKAT DALAM TLDM

PEGAWAI TLDM



Admiral of the Fleet
Setaraf Field Marsyal



Laksamana
Admiral
Setaraf Jeneral



Laksamana Madya
Vice Admiral
Setaraf Leftenan Jeneral



Laksamana Muda
Rear Admiral
Setaraf Mejar Jeneral



Laksamana Pertama
First Admiral
Setaraf Brigedier Jeneral



Kepten
Captain
Setaraf Kolonel



Komander
Commander
Setaraf Leftenan Kolonel



Leftenan Komander
Lieutenant Commander
Setaraf Mejar



Leftenan
Lieutenant
Setaraf Kapten



Leftenan Madya
Sub Lieutenant
Setaraf Leftenan



Leftenan Muda
Acting Sub Lieutenant
Setaraf Leftenan Muda



Pegawai Kadet Kanan
Midshipman



Kadet
Cadet

LAIN-LAIN PANGKAT



Pegawai Waren I
Master Chief Petty Officer I



Pegawai Waren II
Master Chief Petty Officer II



Bintara Kanan
Chief Petty Officer
Setaraf Staf Sarjan



Bintara Muda
Petty Officer
Setaraf Sarjan



Laskar Kanan
Leading Rate
Setaraf Koperal



Laskar Kelas I
Able Rate
Setaraf Lans Koperal



Laskar Kelas II
Junior Able Rate



Laskar Muda
Ordinary
Setaraf Prebet



Denggi... Pembunuh

(Bahagian 1)

Oleh: Mej (Dr) Md Yuzaidy Dato' Md Yusof

Saban hari gejala Demam Denggi semakin berleluasa menjangkiti warga ATM dan keluarga. Ada juga yang tidak bernasib baik mengalami Demam Denggi Berdarah dan baru-baru ini kita dikejutkan dengan kematian seorang anak perempuan anggota Tentera Laut.

Mengikut statistik pada tahun 2004, sebanyak 32,000 kes Demam Denggi dengan 60 kematian telah dilaporkan. Tetapi apa yang lebih membimbangkan adalah peningkatan kes yang mendadak kepada 1,077 kes bermula pada 26 Dis 04 hingga 2 Jan 05. Daripada statistik tersebut, sebanyak 10 kes adalah dari kawasan Kem Kementah, perumahan Dato' Tun Hussein Onn (DTHO) dan Pangsapuri ATM manakala 7 kes adalah dari kawasan Pangkalan Tentera Laut Lumut, Perak. Meskipun kejutan peristiwa bencana Tsunami masih terasa, namun ancaman biologikal ini juga tidak kurang hebatnya.

Apakah demam denggi?

Demam denggi adalah penyakit yang disebabkan oleh virus denggi. Virus denggi terbahagi kepada 4 jenis iaitu Den-1, Den-2, Den-3 dan Den-4. Nyamuk *Aedes aegypti* dan *Aedes albopictus* adalah pembawa virus denggi. Penyakit demam denggi dijangkiti apabila nyamuk *Aedes* yang membawa virus denggi menggigit pesakit. Tempoh peneraman (inkubasi) setelah seorang sihat diserang dengan virus ini adalah lebih kurang 7 hari. Nyamuk *Aedes* juga boleh terbang sehingga 200 meter daripada tempat pembiakkannya.

Apakah tanda-tanda demam denggi?

Tanda-tanda demam denggi berbeza mengikut keadaan iaitu, Demam Denggi (Klasik) atau Demam Denggi Berdarah (Dengue Haemorrhagic Fever). World Health Organisation (WHO) telah mengklasifikasikan demam denggi berdarah kepada Gred 1 hingga Gred 4.



Nyamuk yang membawa virus denggi.

Demam denggi (Klasik)

Pada peringkat awal, tanda-tandanya adalah tidak menentu iaitu demam dengan suhu tinggi secara tiba-tiba. Bagi dewasa, mereka akan mengalami kesakitan yang teruk di bahagian tulang, otot dan mata. Bagi kanak-kanak dan bayi pula hanya mendapat demam panas dan ruam. Jika pemeriksaan darah dijalankan ke atas pesakit, didapati leukopenia iaitu sel-sel putih akan berada pada tahap kurang daripada 10,000/mm³ dan trombositopenia iaitu platelet berada pada paras kurang daripada 100,000/mm³.

Demam denggi berdarah (DHF)

Demam Denggi Berdarah boleh dibahagikan kepada 4 gred mengikut klasifikasi WHO.

Gred 1 dan Gred 2 (tanpa shock)


Penyakit ini bermula dengan demam (suhu badan yang tinggi dan menurun) selama 2 hingga 7 hari. Demam ini diiringi dengan tanda dan gejala lain seperti sakit kepala, muntah, kurang selera makan dan sakit perut. Pada peringkat ini bagi kanak-kanak

yang mengalami demam dengan suhu badan yang terlalu tinggi, mereka boleh menghadapi sawan demam (febrile convulsions).

Tanda-tanda yang paling kerap ialah ujian Hess's yang positif, mudah lebam dan berlaku pendarahan pada tempat suntikan termasuk pendarahan pada hidung, gusi dan usus. Apabila suhu badan menurun ke peringkat normal, pesakit boleh mendapat ruam petekia (pendarahan dalam kulit yang berbintik-bintik).


Pada peringkat demam, hati akan membengkak.

Dalam kes sederhana dan pertengahan, apabila demam menurun biasanya semua tanda juga akan turut sama surut. Pada masa ini, sedikit pertukaran/perubahan dalam kadar nadi dan tekanan darah akan berlaku. Ini adalah keadaan di mana sedikit gangguan berlaku dalam peredaran darah yang disebabkan oleh kebocoran kapilari. Biasanya pesakit akan sembuh dengan sendiri atau selepas pemberian terapi intravena.



Virus denggi.

NYAMUK AEDES PEMBAWA VIRUS DEMAM DENGGI



Kitaran kejadian nyamuk aedes.

Peringkat Demam

Peringkat ini tidak boleh diasingkan daripada demam denggi Gred 1 dan Gred 2 kerana pesakit juga akan mengalami demam, kurang selera makan, muntah, sakit kepala dan sakit otot. Pada akhir peringkat ini, ruam eritema (kemerahan) akan turut sama didapati.

Tanda-tanda lain pada kulit ialah ruam petekia dan ruam makulopapular. Namun demikian, tekanan darah adalah normal tetapi ujian Hess's adalah positif dan hati pula akan membengkak.

Pada masa suhu badan menurun pula, kebocoran plasma dari sistem peredaran akan berlaku dan ini menyebabkan himatokrit akan meningkat tinggi.

Peringkat shock (renjatan)

Setelah pesakit mendapat penyakit denggi selama 3 hingga 4 hari, mereka akan mulai berasa gelisah, letih dan lesu serta mengantuk. Pada masa ini, mereka akan mengalami sakit perut. Peringkat yang paling kritikal adalah pada masa suhu badan mulai menurun di mana ia akan diikuti dengan tanda-tanda shock dan pendarahan seperti petekia, hidung berdarah dan pendarahan pada usus. Pada peringkat shock, ujian Hess's akan menjadi negatif.

Tanda-tanda awal yang menunjukkan shock ialah kaki dan tangan akan menjadi

sejuk, kadar denyutan jantung mulai meningkat dan kurang kekerapan membuang air kecil. Jika kebocoran plasma terus berlaku, keadaan pesakit akan merosot ke shock dengan cepat.

Pada peringkat shock, kaki dan tangan didapati sejuk dengan kadar nadi yang lemah. Pesakit juga akan berasa gelisah. Tempoh shock ini adalah amat singkat kerana pesakit boleh mengalami maut dalam tempoh 12 hingga 24 jam. Namun demikian, mereka juga boleh sembuh dengan cepat jika diberi terapi

intravena. Shock yang tidak mendapat rawatan yang sempurna dan cepat akan mengakibatkan kerosakan multiorgan dan prognosis yang amat teruk.

Tanda-tanda lain yang berkaitan dengan denggi shock adalah:

- **Sistem Saraf Pusat (Central Nervous System).**

Pesakit akan mengalami ketegangan leher (neck stiffness) dan sakit kepala

yang boleh menyebabkan keliru, gelisah, sawan mahupun koma. Walaupun begitu, dengan kaedah rawatan yang tepat dan segera, ianya boleh dibendung.

- **Kegagalan hati dan hepatitis fulminan.**

Enzim hati (AST dan ALT) atau hepar akan menjadi tinggi, paras bilirubin meningkat, prothrombin time melarut dan paras albumin menurun. Namun, kerosakan hati akan menjadi pulih setelah pesakit sembuh sepenuhnya.

- **Kerosakan buah pinggang sewaktu hipovolemia.**

Kebocoran plasma dan pemberian terapi intravena boleh menyebabkan efusi pleura dan asites.

- **Kebarangkalian jantung pesakit untuk mendapat miokarditis dan bradikardia.**

Namun demikian pada peringkat sembuh, proses pemulihan akan berlaku dengan cepat. Kekerapan membuang air kecil dan selera makan yang baik adalah tanda-tanda pesakit akan semakin pulih, insya-Allah. **S**



Persekitaran rumah keluarga berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes jika tidak dipantau kebersihannya.



Admiral ... Coxswain Took The Wind Out of His Sails ...

Oleh: Lt. Rabayah Bt Rahmat TLDM

ADMIRAL

"Admiral" atau "Laksamana" merupakan pangkat pegawai kanan/atasan yang paling tertinggi dalam tentera laut. Istilah ini diambil dari panggilan yang dibuat ke atas pegawai kanan/atasan tentera Moorish (kacukan bangsa Berber dan Arab) pada masa dahulu.



Ketua tentera Moorish digelar "Amir" manakala ketua kepada semua "Amir" digelar "Amirul".

Gelaran ini seterusnya telah diolah menjadi "Admiral" dan digunakan sehingga kini.

BETWEEN THE DEVIL AND THE DEEP

Pada bahagian kapal dari jenis kayu, "devil" adalah bahagian pelipit papan yang terpanjang. Ia bermula dari haluan kapal hinggalah ke bahagian belakang



kapal. Ketika kapal berada di laut, krew kapal akan menentukan setiap inci bahagian pelipit ini tidak akan bocor. Jika sebarang kebocoran berlaku, kerja-kerja pe-

nampalan adalah agak merumitkan kerana ia akan dilakukan dalam keadaan duduk di atas kerusi bosun. Mereka ini akan berada di atas kerusi tersebut dalam keadaan tergantung di antara "devil" dengan laut yang dalam (**deep**). Keadaan ini merupakan satu posisi dan keadaan/situasi yang amat menggayatkan terutamanya semasa kapal sedang belayar.

BINNACLE LIST

"Binnacle List" merupakan senarai nama anak-anak kapal yang tidak sihat (sakit). Pada zaman tentera laut British dahulu, senarai ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pegawai Memerintah kapal berkenaan kesihatan warga kapalnya. "**Binnacle**" adalah tiang atau tempat untuk meletakkan kompas di kapal. Senarai



nama ini akan ditampal dan dikemaskinikan pada setiap pagi di tiang ini untuk tatapan/makluman Pegawai Memerintah kapal. Sehubungan itu, senarai nama ini dikenali sebagai "Binnacle List".

COXSWAIN

Gelaran "Coxswain" atau nama lainnya "Cockswain" pada asalnya dikenali sebagai "**Swain**". Ia berasal dari negara England dan telah digunakan sejak tahun 1463 dengan membawa maksud "Budak Suruhan" yang bertanggungjawab ke atas bot kecil yang diletakkan



di kapal. Bot ini digunakan bagi membawa Pegawai Memerintah kapal berulang-

alik dari kapal ke lokasi yang dikehendaki. Seiring peredaran masa, gelaran "Coxswain" telah dirujuk kepada jurumudi (helsman) atau ketua bot tanpa mengambil kira saiz bot.

DOG WATCH

"Dog Watch" adalah nama awasan di kapal yang bermula dari jam 1600H hingga 1800H (First Dog) dan 1800H hingga 2000H (Last



Dog). Awasan ini pada asalnya ditugaskan selama 4 jam. Ianya telah dibahagikan kepada 2 tempoh masa yang bertujuan untuk mengelakkan laskar bertugas pada masa dengan rutin tugas yang sama pada hari berikutnya. "**Dodge**" bermaksud elak atau tepis dan sebutan ini telah berubah kepada "dog". Justeru, panggilan dan prosedur awasan ini telah dirujuk sebagai "dogging the watch" atau "standing the dog watch".



DUFFLE




"Duffle" merujuk kepada barangan peribadi laskar. Barangan ini termasuklah pakaian asas dan beg pakaian yang diperuntukkan kepada semua laskar. Istilah ini diambil dari bandar Flemish yang terletak di Duffle, Belanda. Bandar ini suatu masa dahulu terkenal dengan tempat membuat pakaian dan beg terutamanya, yang dihasilkan daripada bulu kambing biri-biri.



PORT AND STARBOARD

Viking menamakan tepi kapal mereka sebagai "board". Bahagian ini biasanya akan dijadikan tempat untuk diletakkan dayung kemudi. "Star" pula adalah orang harapan yang akan ditempatkan di sebelah kanan kapal. Justeru, tepian kapal



di sebelah kanan akan dipanggil "**starboard**". Disebabkan posisi/kedudukan dayung yang terletak di bahagian kanan kapal, maka kapal tersebut terpaksa ditambat di bahagian kiri dermaga setiba di pelabuhan. Tepian ini dipanggil Tepian Pemunggaan (loading side) atau "larboard". Oleh kerana "larboard" dan "starboard" merupakan sebutan yang hampir serupa untuk dilafazkan dan agak

sukar untuk dibezakan terutamanya ketika berada dalam keadaan bising, keputusan telah dibuat untuk menukar istilah tersebut kepada "side to which you tied up to in port" atau ringkasnya sebagai "**port**".

THREE MILE LIMIT

"Three Mile Limit" adalah jarak antara pantai hingga ke tengah lautan (sejauh 3 batu) bagi sesebuah negara. Sempadan perairan di laut pada masa dahulu telah diwujudkan ketika undang-undang antarabangsa mula dikuatkuasa. Pada masa itu, jarak tembakan terjauh yang dapat dilakukan oleh mana-mana meriam adalah sejauh 3 batu sahaja. Justeru, jarak ini telah dijadikan had bagi pertahanan pantai sesebuah negara di mana mereka boleh menguatkuasakan undang-undang masing-masing. (Kini, undang-undang antarabangsa dan tuntutan perairan wilayah pada tahun 1988 telah membolehkan sempadan "Lautan Lepas" diperluaskan hingga ke jarak 12 batu).

TOOK THE WIND OUT OF HIS SAILS

Ungkapan "took the wind out of his sails" digunakan apabila sesebuah pihak telah berjaya memiliki atau



merampas kelebihan/keupayaan yang ada pada pihak lawannya dalam sesuatu pertarungan. Pada asalnya, ungkapan ini digunakan ketika kapal memperolehi kelebihan dalam manuvra kapal layar

semasa peperangan. Kapal yang berjaya mendekati kapal lawannya di sebelah arah tiupan angin untuk menghalang tiupan angin ke layar kapal lawan akan mengakibatkan lawannya kehilangan keupayaan untuk bergerak ke hadapan. Dalam keadaan ini, kehilangan pergerakan seperti itu bererti kehilangan daya manuvra untuk meneruskan pertarungan.

WATCHES

Mengikut tradisi tentera laut, 24 jam dalam sehari akan dibahagikan kepada 7 awasan kerja. Awasan ini telah diwujudkan bagi membolehkan krew kapal bekerja dan pada masa yang sama mendapat rehat yang mencukupi. Disebabkan di kapal tidak mempunyai sebarang penunjuk waktu pada masa dahulu, pada setiap setengah jam (waktu bertugas), loceng akan diketukkan mengikut urutan bilangan pukulan yang telah ditetapkan. Ini bagi memaklumkan warga kapal mengenai waktu pada masa itu. Kini, amalan mengetuk loceng yang dilakukan di kapal turut dilakukan di pangkalan-pangkalan tentera laut. Berikut adalah pecahan awasan yang dimaksudkan:

Waktu Pengawasan

Awasan tengah malam	0000 - 0400
Awasan Subuh	0400 - 0800
Awasan Pagi	0800 - 1200
Awasan Tengah Hari	1200 - 1600
Awasan Petang	1600 - 1800
Awasan Senja	1800 - 2000
Awasan Malam	2000 - 0000

TLDM DAN BANTUAN TSUNAMI

Oleh: Cawangan Perhubungan Awam MTL

Foto: Cawangan Perhubungan Awam MTL

TSUNAMI sehebat La Nina dan May, nama yang indah bila disebut. Hakikatnya, ia adalah sebuah ombak besar raksasa yang mampu memusnah dalam sekelip mata dan mencampakkan sejumlah besar manusia ke alam derita. Tanggal 26 Dis 04, dunia telah dikejutkan dengan malapetaka ombak besar Tsunami ini.

Ombak besar yang terbentuk akibat gempa bumi berukuran 8.9 pada skala *richter* itu berlaku di luar pantai wilayah Aceh di utara pulau Sumatera, Indonesia sehingga ke utara Pulau Andaman di Lautan Hindi. Gempa tersebut menghasilkan ombak gergasi luar biasa setinggi 6 meter yang menerjah persisiran pantai Asia Barat dan Asia Selatan malah hingga ke benua Afrika lalu memusnahkan segala-galanya.

Meranapkan apa saja yang melintang mengakibatkan beratus-ratus ribu nyawa hilang termasuk kemusnahan teruk di beberapa bandar dan pulau di Thailand, Sri Lanka, India, Myanmar, Maldives. Ini tidak ketinggalan di kawasan utara negara walaupun jaraknya adalah jauh dari pusat gempa. Deruman airnya yang bangkit berdentum seperti meriam selepas dasar bumi bergoncang dikatakan membawa kekuatan sejuta kali bom atom yang memusnahkan Hiroshima dan Nagasaki. Aceh di Sumatera adalah yang paling dahsyat terjejas dengan kematian dianggarkan hampir mencecah 200,000 orang. (Sumber dari wakil PR Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Banda Aceh).

Bantuan

Keprihatinan kerajaan serta rakyat Malaysia daripada segenap lapisan dan pelbagai bentuk bantuan berupa barangan yang dianggarkan adalah bernilai RM9.71 juta. Barangan ini telah berjaya dikumpulkan di Pusat Pengumpulan Tsunami di Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) untuk dihulurkan kepada mangsa bencana. Nilai hasil

sumbangan penderma dibuat selepas 31 Januari lalu, iaitu tarikh berakhirnya sumbangan kepada mangsa Tsunami sama ada dalam bentuk barangan atau kewangan.

Sumbangan yang datang mencurah-curah menyebabkan

kerajaan Malaysia mengambil keputusan menghantar bantuan dengan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Kapal Diraja (KD) MAHAWANGSA telah ditugaskan dan diamanahkan untuk memikul tugas membawa kesemua barangan tersebut ke Aceh. Kapal yang ditauliahkan pada 16 Mei 83 ini adalah dari skuadron 31 *Multi-purpose Common and Support Ship* (MPCSS) yang dibina di Korea Selatan. Antara keistimewaan kapal ini ialah kemampuannya memproses air laut menjadi air bersih dengan kuantiti sebanyak 500,000 liter sehari. Ianya bersamaan 2,000 liter sejam.

Majlis pelancaran penghantaran bantuan dari Malaysia ke Aceh telah diadakan di Dermaga 16, Pelabuhan Utara (Pelabuhan Klang, Selangor). Barang yang dikumpul di Gudang 16 datang mencurah-curah oleh penderma sehinggakan ianya melebihi muatan kapal. Kapal hanya mampu menerima 550 tan sahaja.

Ia terdiri daripada 110 tan makanan kering, 245 tan minuman, 20 tan pakaian, 3 tan ubat-ubatan, 15,000 helai kain selimut, 80 tan beras, 20 tan gula dan 31 tan kapur barus. Selain itu, kenderaan-kenderaan ringan dan berat turut dibawa seperti 2 buah jentolak, 3



KD MAHAWANGSA keluar pelabuhan untuk misi bantuan kemanusiaan ke Aceh

buah jengkaut, kenderaan pacuan empat roda dan 6 buah lori tiga tan.

Kerja pemunggahan di kapal berlarutan seawal jam 9 pagi hingga ke larut malam dan diteruskan hingga ke saat-saat terakhir pelayaran kapal pada 5 Januari yang lalu. Ini kerana barangan bantuan datang silih berganti dari pelbagai persatuan dan agensi termasuk orang perseorangan. Semasa majlis pelancaran, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak telah menyerahkan sebuah kotak sebagai simbolik kepada Pegawai Memerintah KD MAHAWANGSA, Kdr Abdul Hadib bin Abdul Wahab TLDM yang turut disaksikan oleh Duta Besar Indonesia ke Malaysia iaitu Drs. H. Rusdihardjo dan pegawai-pegawai tertinggi ATM yang akan membawa bantuan kemanusiaan terbesar dari Malaysia ke Aceh. Pelayaran misi bantuan yang pertama dari Malaysia dengan kapal TLDM turut disertai 29 anggota Kor Perkhidmatan Diraja (KPD), 3 anggota Bahagian Perkhidmatan Kesihatan (BPK), 17 wakil media cetak dan elektronik, 2 wakil Bahagian



Anak-anak kapal melakukan kerja-kerja pemungghahan

Keselamatan Negara (BKN), 5 sukarelawan dari Pertubuhan Belia 4B dan seorang pemerhati dari Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

Belayar Aceh

Tepat jam 5 petang, KD MAHAWANGSA belayar menuju ke pelabuhan Kruenggeukueh di Kacamatan Dewantara, Aceh Utara dengan diiringi KD SERANG selaku kapal pengiring dan keselamatan. Kapal tiba di destinasi pada 6 Januari jam 5 petang waktu Aceh (4 petang waktu Malaysia).

Ketibaan kapal disambut oleh Timbalan Ketua Misi Pasukan Bantuan dan Kecemasan Malaysia (PBKM), Laksamana Pertama Abd Hadi bin A. Rashid dan Datuk Bandar Daerah Lhokseumawe iaiyu H. Teuku Alamsyah Banta. Sebaik selesai majlis penyerahan bantuan, kerja-kerja pemungghahan muatan ke dalam kenderaan-kenderaan yang disediakan mula dilaksanakan oleh anak-anak kapal setiba pelabuhan hingga selesai pada keesokan harinya.

Sedia Berkorban

Pujian patut diberikan kepada semua anak kapal KD MAHAWANGSA kerana mampu melaksanakan sendiri kerja-kerja pemungghahan tanpa bantuan daripada mana-mana pihak di Indonesia. Semangat **SEDIA BERKORBAN** yang menjadi moto TLDM benar-benar dihayati oleh warga kapal tanpa sebarang rungutan atau keluhan. Setiap tugas

dilakukan dengan penuh ikhlas demi kemanusiaan dalam memastikan barang bantuan yang dibawa dapat disampaikan kepada mangsa Tsunami dengan secepat mungkin.

Bagi Pegawai Memerintah kapal sendiri, beliau merasakan bahawa misi penghantaran yang diamanahkan ini merupakan satu penghormatan besar buat beliau dan warga kapal. Dalam pada itu, ini bukanlah kali pertama kapal diamanahkan untuk tugas-tugas seumpama ini. KD MAHAWANGSA pernah terlibat secara langsung dengan misi-misi bantuan kemanusiaan yang lain. Antaranya,

bagi pelarian Somalia pada tahun 1994 dan kepada pelarian Afghanistan di Pakistan pada tahun 2001. "Saya bersyukur kerana diberi tanggungjawab ini. Berkat doa rakyat Malaysia, setiap tugas dapat dilaksanakan dengan jayanya. Warga kapal sentiasa bersiap sedia dari segi mental dan fizikal. Kapal juga sentiasa dipastikan berada dalam siapsiaga yang tinggi demi tugas segera dalam masa yang singkat " katanya.

Pengagihan Bantuan

Konvoi PBKM terus bergegas ke Banda Aceh setelah kerja pemungghahan selesai pada lewat petang kerana menunggu ketibaan kren untuk mengangkut jentera-jentera berat dari kapal. Kesemua barangan dibawa ke 2 buah pusat pengumpulan dan gudang iaitu di Lhokseumawe dan Banda Aceh oleh PBKM dengan kerjasama Tentera Nasional Indonesia (TNI).

Konvoi ke Banda Aceh turut membawa wakil media untuk meninjau keadaan sebenar di tempat berlakunya kemusnahan. Konvoi PBKM ini yang diketuai oleh Pegawai Perhubungan Awam Markas Tentera Laut, Lt Rosdi bin Mohamad TLDM membawa bersama 6 buah lori 3 tan, 5 buah lori pengangkut jentera, sebuah lori 8 tan yang membawa minyak jentera, 2



Tentera dan awam... saling membantu



buah *land rover* dan 2 buah trak pengiring yang membawa seramai 11 anggota Pasukan Khas TNI. Barangan lebihan disimpan di gudang TNI-Angkatan Laut (AL), Lhokseumawe.

Konvoi turut dinasihati oleh TNI supaya tidak bergerak pada waktu malam ke Banda Aceh kerana bimbang ancaman Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang bersembunyi di kawasan pergunungan (jalan yang akan dilalui oleh konvoi bantuan Malaysia ke Banda Aceh). Sepanjang perjalanan ke Banda Aceh, terdapat lebih 50 penempatan sementara Pusat Mangsa Tsunami atau Pusat Komuniti (POSKO) sejauh 280km yang memakan masa selama 8 jam.

Setiap POSKO dianggarkan mempunyai seramai 400 hingga 500 mangsa yang berteduh untuk menunggu bantuan kemanusiaan.

Di Banda Aceh pula, pusat pengumpulan bantuan dari pelbagai negara terletak di *base camp* Pasukan Bantuan Kecemasan di Lapangan Terbang Sultan Iskandar Muda yang diketuai oleh Mej Jen Bambang Dharmono. Kerajaan Indonesia telah memberi tanggungjawab pengagihan kepada TNI untuk membuat agihan barang bantuan kepada mangsa di setiap POSKO.

Selain itu, misi bantuan Malaysia juga telah mengagihkan sendiri bantuan sebanyak 4 buah lori 3 tan berisi makanan dan minuman serta

sebuah lori 3 tan berisi ubat-ubatan untuk diserahkan kepada MERCY Malaysia yang diwakili oleh Nor Azam Abu Samah. Bantuan ini adalah untuk mangsa tsunami di bawah jagaan dan rawatan M E R C Y Malaysia di Banda Aceh. Mangsa Tsunami yang dirawat oleh MERCY setiap hari dianggarkan mencecah angka hingga 3,000 mangsa. Menurut wakil Mercy Malaysia, "Bantuan ubat-ubatan kali ini adalah penyelamat kerana bekalan ubat-ubatan MERCY telah semakin berkurangan dan berada pada tahap kritikal".

Tinjauan

Pemandangan sekitar Banda Aceh nampak sibuk dengan dengan kenderaan dan anggota-anggota penyelamat dari pelbagai negara. Kemusnahan dan keajaiban yang ketara dapat dilihat semasa tinjauan di sekitar Masjid Baitul Rahman yang berusia 190 tahun selepas dibakar semasa penjajahan Belanda dahulu. Bangunan yang bersebelahan kira-kira 50 meter dari masjid tersebut seperti pasaraya Geunta Plaza, Pasar Barata dan sebuah tempat letak kereta 4 tingkat runtuh sama sekali dan pelbagai kerosakan keretakan lain yang amat teruk. Namun demikian, masjid yang menjadi pusat penyebaran Islam di Asia suatu ketika dahulu langsung tidak terjejas struktur binaannya jika dibandingkan dengan bangunan di sekelilingnya.

Cuaca di Banda Aceh juga adalah tidak menentu. Ini diiringi dengan bau yang amat kurang menyenangkan terutamanya ketika tinjauan di tempat pengkebumian mayat apabila melihat puluhan mayat mangsa diangkut menggunakan lori. Mayat-mayat ini terpaksa ditinggalkan di tepi-tepi jalan



Pegawai Memerintah kapal ketika sesi temuramah oleh pihak media

untuk diangkut ke tempat pengkebumian berhampiran Lapangan Terbang Sultan Iskandar Muda.

Kemusnahan bencana Tsunami ini juga dapat dilihat di sepanjang perjalanan dari Banda Aceh ke Lhokseumawe. Kawasan ini yang dahulunya merupakan sebuah perkampungan nelayan kini hanya tinggal pokok-pokok yang telah tumbang dan jalan raya yang merekah di sana-sini.

Bantuan Berterusan

Kapal telah belayar pulang ke Malaysia untuk meneruskan misi yang seterusnya berikutan masih banyak lagi barang bantuan yang berada di pelabuhan dan Pusat Pengumpulan Bantuan di Dewan Serbaguna KEMANTAN, menanti untuk dihantar kepada mangsa Tsunami. Misi bantuan negara dengan kapal TLDM bagaikan feri pengangkut yang berulang-alik dari Malaysia ke Aceh. Bagi menjimatkan masa penghantaran memandangkan bantuan datang mencurah-curah, KD SRI INDERA SAKTI telah ditugaskan bersama KD MAHAWANGSA untuk tugas yang sama dan KDMUSYTARI pula bagi kapal pengiring (tugas keselamatan).

Bagi warga kapal yang telah menyaksikan sendiri bencana hebat Tsunami ini, kemusnahan yang terjadi adalah amat dahsyat dan tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Segalanya bagai tanda betapa Tuhan maha berkuasa ke atas setiap sesuatu di dunia ini. **S**



Pengangkutan salah satu keperluan utama...

"Make yourself invincible."

SUN TZU (*The Art of War*)

Combining forces to serve your needs

Naval defense capability depends on more than just combat ships and advanced tactical software. It also requires a profound understanding of the specific requirements of national navies, and sensitivity to their strategic planning.

Armaris is your reliable partner for naval procurement since we take into account your long-term needs from the very outset, and respond with a complete package including preliminary design, prime contracting, services, training and support.

BECAUSE THE SEA IS A GLOBAL ELEMENT...

ARMARIS TAKES A GLOBAL APPROACH TO YOUR NAVAL DEFENSE REQUIREMENTS.

Armaris provides fleets and navies with a new level of defense integration and combat capability by offering:

- Full prime contractorship for turnkey international naval programs
- A team approach in response to specific customer requirements
- A wide range of products and services adapted to strategic objectives
- Broad expertise in state-of-the-art technologies
- Foresight and planning for evolving performance requirements
- Support for training, infrastructure and shore facilities
- Maintenance, technology transfers and industrial offsets
- Sound advice for defense financing and project planning
- Promotion of international alliances and local cooperation

Armaris
STRENGTH AT SEA

Armaris 19-21, rue du Colonel Pierre-Avia - 75737 Paris Cedex 15 - France - Tel.: + 33 (0) 1 41 08 21 21 - Fax: + 33 (0) 1 41 08 23 23 - info@armarisgroup.com
www.armarisgroup.com

Armaris Regional Office Business Suite 19A-28-3, Level 28, UOA Centre, 19, Jalan Pinang, 50450 Kuala Lumpur Tel: 603-21 64 59 00 / 21 61 59 11 Fax: 603-21 64 59 22

TLDM FOKUS KEPADA PENGURUSAN KEWANGAN EFEKTIF

Oleh: Lt Dilagar Muthumani Chockalingam TLDM
Foto: LK PWP Fauzi bin Ramli



Penyerahan wahren peruntukan belanja mengurus oleh YBhg Ketua Setiausaha kepada Panglima Tentera Laut

Seminar Bajet pada tahun 2005 telah dilaksanakan pada 31 Jan 2005, dan bertemakan "Integriti dan Akauntabiliti ke Arah Pengukuhan Pengurusan Kewangan Kementerian Pertahanan". Tema ini adalah selaras dengan hasrat dan usaha Kementerian Pertahanan ke arah memantapkan dan memperkukuhkan lagi pengurusan kewangan Kementerian. Bajet Persekutuan 2005 telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri dengan empat strategi utama iaitu,

- ❑ Keberkesanan Pengurusan kewangan kerajaan
- ❑ Kecekapan sistem penyampaian
- ❑ Nilai tambah
- ❑ Pembangunan sumber manusia, kesejahteraan dan kualiti kehidupan.

YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan pula memberi penekanan kepada perkara berikut,

- ❑ Pengurusan kewangan yang professional
- ❑ Pematuhan kepada prosidur kewangan
- ❑ Value for money

- ❑ Pembangunan kompetensi
- ❑ Pembangunan modal manusia
- ❑ Kebajikan warga ATM

Sepanjang 2004 Kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memantapkan pengurusan kewangan. *Integrity* dan *accountability* amat ditekankan untuk mencapai *Zero Financial Mismanagement (ZFM)*. Langkah-langkah yang telah diambil

telah berjaya meningkatkan kefahaman dan integriti Pegawai Kewangan TLDM. Tahun 2004 juga melihatkan penggunaan sistem e-SPKB yang mana dapat memastikan pembayaran kepada pembekal atau pelanggan TLDM dengan lebih cekap, cepat dan teratur dan sistematik.

Sejajar dengan itu, pihak pengurusan TLDM pula sentiasa mengambil peranan yang aktif serta pendekatan *hands on* di dalam Program Kewangan Maritim. Antara nilai-nilai yang diberi fokus ialah,

- ❑ Pulangan maksima daripada pelaburan atau penggunaan sumber yang terhad, '*Return Of Investment*'.
- ❑ Mengelakkan pembaziran dan mengutamakan prinsip '*Value for money*' dalam setiap perolehan kerajaan.
- ❑ Pemeriksaan dan verifikasi ke atas prosidur perolehan.

Melalui langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian, TLDM yakin pengurusan kewangan Kementerian Pertahanan amnya dan TLDM khasnya telah dapat ditingkatkan melalui prinsip integriti dan akauntabiliti.



Perjanjian..... telah termeterai

BAKAT Markas Tentera Laut

Jasamu dikenang, dirimu ku hargai

Oleh: Lt Rabayah bt Rahmat TLDM
Foto: LK STN Zulnazri,
Cawangan Perhubungan Awam MTL

Pada 14 Disember 2004 yang lalu, Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT) Markas Tentera Laut telah meraikan balu-balu anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) serta anak-anak yatim dan kanak-kanak istimewa TLDM. Majlis ini yang turut meraikan persaraan ahli-ahli BAKAT (L) di sekitar Lembah Klang dalam satu majlis rumah terbuka telah diadakan bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di rumah BAKAT Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) di Kuala Lumpur.

Mereka yang diraikan terdiri daripada 6 orang balu-balu, 13 orang anak-anak yatim, seorang kanak-kanak istimewa dan 2 orang ahli BAKAT (L) yang bakal mengikuti suami masing-masing bersara dari perkhidmatan TLDM. Dalam majlis ini juga, turut diraikan ialah seorang bapa tunggal iaitu Bintara Kanan TLS Anuar bin Nordin bersama 6 orang anak-anaknya. Beliau telah dijemput khas oleh YBhg Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT (L) iaitu Datin Sri Siti Hapsah bt Omar berikutan kematian isterinya awal tahun lalu.

Aktiviti kebajikan seumpama ini merupakan sebahagian dari usaha berterusan BAKAT (L) dalam mewujudkan dan mengamalkan budaya masyarakat penyayang yang prihatin. Ianya bukan sahaja diamalkan di kalangan ahli BAKAT (L) sahaja tetapi turut dikongsi bersama dengan golongan yang kurang bernasib baik dan para isteri yang telah kematian suami terutamanya. Kehidupan yang dialami golongan ini tidak hanya dibiarkan begitu sahaja oleh badan kebajikan ini malah khabar berita dan amalan kunjung-mengunjungi sering dilakukan. Ini bagi mengelakkan mereka tidak berasa terpinggir malah sentiasa gembira dan selesa atas kehadiran rakan-rakan di sisi pada setiap masa.

Dalam majlis ini, sumbangan berupa hadiah dan duit raya daripada BAKAT (L) telah disampaikan oleh Pengerusinya sendiri iaitu Datin Sri Siti Hapsah bt Omar. Para tetamu yang diraikan turut dihiburkan dengan persembahan kebudayaan oleh ahli-ahli BAKAT (L) seperti tarian dan nyanyian termasuk koir. Pada akhir majlis, para tetamu juga tidak ketinggalan untuk menyampaikan persembahan nyanyian semasa sesi karaoke.

Majlis ini selain daripada meraikan para jemputan, juga turut diadakan untuk lebih mengeratkan hubungan silaturrahim sesama ahli BAKAT (L) di sekitar Lembah Klang yang telah sedia terjalin. Semoga usaha murni seumpama ini dapat terus diperjuangkan, insya-Allah. **S**



TAUBAT VS "TAV BVAT"

Oleh: Lt Abdul Jabbar Bin Yusof

Foto: Aduka KL

Dia tidak leka diulit dosa sepanjang hayat kehidupannya, kerana dia menyedari dosa tersebut akan dibalas dengan azab yang tidak terperi. Sebaliknya manusia yang tidak merasa bersalah dengan palitan dosa, akan sentiasa mengulangi dosa tersebut sehingga setiap perlakuan keji telah membaluti dirinya lalu jadilah dia manusia yang bakal menempah bencana di dunia dan di akhirat. Seorang mukmin perlu menyedari bahawa selagi dunia ini terbentang luas, selagi matahari masih muncul dari timur, selagi langit tidak bergulung, selagi bumi tidak memuntahkan khazanahnya menandakan kiamat belum menjelma, selagi itu peluang untuk bertaubat senantiasa terbuka di depan mata pada diri setiap insan.

Taubat merupakan proses ke arah penghapusan dosa terhadap Allah s.w.t melalui tindakan serta syarat-syarat tertentu. Sebagaimana pentingnya rukun sembahyang untuk mendapat kesempurnaan sembahyang, begitulah juga pentingnya An Nadam (Penyesalan) di dalam sesebuah taubat. Sabda Nabi s.a.w **"Penyesalan itu adalah taubat"** (Riwayat Al-Hakim dan Ibnu Majjah). Kenapa kita perlu mewartakan soal penyesalan ini? Jawapannya kerana ianya memang sangat perlu. Penyesalan merupakan tunggak utama sesuatu taubat kerana.

Ia menjadi modal utama bagi setiap hamba untuk melengkapkan kesempurnaan sesebuah taubat yang akan dipersembahkan kepada Allah. Imam Al-Qushairi menukilkan dari sebahagian ulama satu kenyataan **"penyesalan sudah memadai untuk terlaksananya taubat"**. Apa tidaknya dari penyesalan yang bersungguh-sungguh akan menumbuhkan 'keazaman' dan 'peninggalan', iaitu dua rukun lain yang bakal menyusul kemudian. Amat mustahil sekali sekiranya seseorang yang sudah benar-benar menyesal berazam tetap mahu melakukan semula perkara yang sudah disesalnya itu.

Penyesalan adalah perasaan atau pun emosi batiniah (rohaniyah) seseorang yang menggambarkan kekecewaan lantaran keterlanjurnya melakukan dosa terhadap Penciptanya, manusia lain dan dirinya sendiri. Marilah kita renung sejenak perjalanan taubat orang-orang yang soleh dan bertakwa kepada Allah s.w.t melalui ungkapan mereka "Kekecewaan itu adalah umpama api yang

Tiada siapa dapat menyangkal hakikat bahawa setiap insan pasti melakukan kesilapan. Kadang-kala kesilapan tersebut mengundang dosa terhadap Allah s.w.t. Manusia muslim yang beriman pantas sedar dari kesilapan yang dilakukan.

membakar hati. Hati akan rasa tersalai setiap kali mengenangkan dosa dan keterlanjuran diri serta balasan Allah yang bakal menanti".

Kisah taubat tiga sahabat Nabi s.a.w yang diabadikan dalam Al-Quran cukup mengharu dan meruntun hati kita. Kisah tiga sahabat yang tidak ikut serta bersama Rasulullah s.a.w dalam peperangan Tabuk (Peperangan pertama Rasulullah dengan kuasa besar ketika itu iaitu Rom). Ketiga-tiga sahabat ini tidak datang menemui Rasulullah untuk menyatakan keuzuran "palsu" seperti yang dilakukan sebahagian para munafikin.

Lalu Rasulullah s.a.w memerintahkan supaya mereka dipulaukan sehingga datang keputusan dari Allah. Penyesalan dan kekecewaan mereka akhirnya mencapai tahap yang amat tinggi. Kesengsaraan jiwa mereka diceritakan dalam Al-Quran: **"Dan, terhadap tiga orang yang ditangguhkan penerimaan taubat mereka, hingga apabila bumi telah menjadi sempit bagi mereka, padahal bumi itu luas dan jiwa mereka mula terasa sangat sempit serta mereka telah mengetahui bahawa tidak ada tempat lain dari seksaan Allah melainkan, kepadaNya. Kemudian Allah Taala menerima taubat mereka agar mereka tetap dalam taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha penerima taubat lagi Maha Penyayang.** (At-Taubah: 118)

Ahli Sufu terkenal, Zunnun Al-Misri berkata **"Hakikat Taubat ialah kamu merasakan bumi yang luas ini menjadi sempit sehinggakan kamu berasa tidak dapat berdiri"** Begitulah gambaran penyesalan yang sepatutnya berlaku di



dalam taubat kita. Barulah dosa kita benar-benar akan terampun di sisi Allah s.w.t. Sesal dulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Taubat terhadap Allah S.w.t hendaklah bersifat konsisten dan berterusan. Terdapat di kalangan kita mereka yang tidak berdaya untuk menahan godaan dan tuntunan nafsu. Di peringkat permulaan seolah-olah terdapat tanda penyesalan, tetapi lama kelamaan mereka kembali melakukan perbuatan terkutuk yang mengundang dosa terhadap Allah s.w.t. Ini bererti pakej taubat hamba tersebut masih belum lengkap sekaligus tidak diterima oleh Allah s.w.t. Lebih malang lagi perbuatan dosa masih dilakukan sehingga dia menghadapi kematian yang datang secara tidak disangka-sangka. Maka tiada lagi masa untuk dia bertaubat kepada Allah yang Maha Pengampun.

Justeru, ayuhlah sama-sama kita memohon keampunan kepada Allah s.w.t dan di masa yang sama kita menghentikan perbuatan dosa kepada Allah kerana sesungguhnya azab seksaanNya amat pedih.

Marilah melengkapkan pakej taubat kita dengan memohon supaya dikurniakan kekuatan dalam menghadapi keseronokan dunia dan berwaspada dengan kematian serta hari akhirat. Sesungguhnya Ya Allah kami menagih keampunanmu semoga taubat kami dikira sebagai taubat Nasuha (Taubat yang diterima oleh Allah). Allah s.w.t berfirman yang bermaksud. **"Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat Nasuha"** Surah At-Tahrim ayat 8. **S**

KERABU MANGGA SRI MUTIARA

Oleh: Lt Rosilawati bte Mamat TLDM
Foto: Cawangan Perhubungan Awam MWL II

Walaupun berasal dari sebuah perkampungan nelayan, personaliti "Galley Samudera" pada kali ini tidak sekali-kali pernah bermimpi untuk menjadi seorang anggota Tentera Laut Diraja Malaysia.

Sewaktu mula memasuki TLDM pada tahun 1986, beliau langsung tidak mengetahui apakah yang bakal beliau tempuhi dalam perkhidmatan ini. Namun, lama-kelamaan keseronokannya mula terasa tatkala menyedari beliau mempunyai bakat dalam bidang masakan.

814984 BM BDI Mohd Junaidi bin Abdullah tidak pernah menyangka, hanya dengan ajakan rakan-rakan, kerjaya TLDM telah membawa perubahan dalam hidupnya.

BM BDI Junaidi yang berasal dari Menumbok, Sabah dilahirkan pada 18 Feb 1967. Beliau telah berkahwin dan dikurniakan dengan 3 orang cahayamata. Hobi beliau di masa lapang adalah bersukan dan sukan pilihan ialah sepak takraw, bola tampar dan bowling. Sepanjang 19 tahun dalam perkhidmatan, BM BDI Junaidi telah berkhidmat di unit-unit seperti KD SRI INDERASAKTI, KD RENTAKA, KD PELANDOK dan KD MALAYA. Namun, kenangan paling manis ialah semasa beliau bertugas di Desa Tamu, KD MALAYA.

Di Desa Tamu, beliau pernah diamanahkan untuk mengkoordinasi sebuah majlis diraja yang dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, DYMM Sultan Selangor, DYMM Sultan Pahang dan kenamaan-kenamaan yang lain. Dalam majlis ini, beliau telah melaksanakan tugas dengan jayanya dengan mendapat pujian daripada setiap yang hadir. Beliau amat berbangga kerana dengan kejayaan ini, apatah lagi dengan kepercayaan penuh yang telah diberikan kepada beliau untuk mengkoordinasi setiap majlis yang diadakan.

Dalam ruangan ini, resepi yang diberikan merupakan ilham yang diperolehi semasa beliau menyediakan sajian dalam majlis diraja tersebut. Kelainan yang beliau tampilkan melalui resepi ini adalah dengan mencampurkan bahan-bahan seperti udang kering, kacang tanah dan kerisik. Resepi ini seterusnya telah menjadi menu utama yang dihidangkan jika terdapat majlis yang melibatkan VVIP/VIP. Bagi BM BDI Junaidi, antara perkara yang amat mengharukan beliau ialah semasa bertukar keluar ke KD



SRI LABUAN. Pegawai di Desa Tamu amat keberatan untuk melepaskan beliau. Ini menyebabkan beliau merasa amat terharu dan dihargai. Namun demikian, kehendak perkhidmatan haruslah dipenuhi. Dengan berat hati namun cukup berbangga dengan pengalaman yang diperolehi, beliau mengucapkan selamat tinggal kepada Desa Tamu yang banyak melakar kenangan kepada beliau. "Biar jauh di mata tetapi dekat di hati". **S**

BAHAN-BAHAN

- 3 biji mangga muda (dicincang)
- 4 batang serai
- 15 biji cili padi (dimayang)
- 5 biji bawang besar
- 2 biji cili besar
- 2 biji limau nipis (diperah)
- 4 sudu udang kering (dimesin)
- 4 sudu kacang tana
- 4 sudu kerisik
- 3 sudu gula
- Serbuk perisa
- Garam secukup rasa

CARA MEMBUATNYA

1. Gaulkan mangga dengan bahan-bahan yang dimayang. Gaul hingga sehati.
2. Masukkan perahan air limau, udang kering, kacang tanah dan kerisik. Gaulkan.
3. Masukkan garam, gula dan serbuk perisa secukup rasa.

* Resepi ini sesuai dihidangkan sewaktu makan tengahari.





Erti Sebuah Kehidupan

Oleh : Aduka KL

Di tebing sungai, terpaksa Haris menantikan kedatangan sebuah bot. Muka yang berkerut menampakkan kegelisahan diraut wajahnya. "Cepat lah Haris, aku dikejar Polis Marin tadi, mana motor engkau?", kedengaran suara takut Ahmad pemandu bot tersebut. Haris terus mengambil motor yang diletakkan di tebing sungai dan menghidupkannya. Beberapa kampil beras yang diseludup masuk diletakkan di bahagian depan motor. Sepantas kilat Haris memcut meninggalkan tebing Sungai Golok.

Pekan Pangkalan Kubor merupakan pekan yang riuh rendah dengan pengunjung yang datang dari segenap pelusuk negeri untuk membeli-belah. Kata mereka harga barangan di sini murah. "Macam mana tadi, engkau kena kejar dengan UPP ke?" tanya Kak Mah tauke beras yang terkenal di pekan itu. Haris hanya diam membisu, nak kata ya pun tidak nak kata tidak pun tidak. Dua keping kertas merah yang bernilai RM 10 dihulurkan, harga bayaran penghantaran beras ke kedai kak Mah.

Diletakkan motor di halaman rumahnya. Termenung Haris memikirkan perkara yang berlaku pagi tadi. "Ris, sampai bila engkau nak kerja macam ni?" teguran yang memeranjatkannya dari lamunan. "Oh ibu, tak tahu lah", jawab Haris selamba. "Ibu bukannya apa, kau tu umur dah makin meningkat, kalau masih kerja macam ni bila masa kau nak senang, lagipun kalau diikutkan kerja yang engkau buat ni salah di sisi undang-undang dan agama". Bagi Haris nasihat ibunya amat perit untuk diterimanya. Haris hanya mendiamkan diri, terus berlalu tanpa sepeatah kata.

Bunyi telefon di ruang tamu tiba-tiba mengganggu ketenangan Haris. Kedengaran pekikan suara memanggilnya. Selepas sembahyang Isyak, Haris berlalu keluar meninggalkan rumahnya. "Abang nak keluar jumpa Kak Zara ya", tegur adik perempuan Haris yang sedang menggosok baju sekolahnya.

"Kalau jadi perkara yang tak elok dengan si Zara tu, siap engkau?", amaran Pak Halim kurang senang dengan perangai anaknya berkawan dengan anak dara si Piah yang terkenal dengan mulut keponya. Perkenalan Haris dengan Zara

bukannya baru. Ianya bermula semenjak mereka di bangku sekolah lagi, dan kini Zara berkerja di sebuah pejabat kerajaan bandar KB.

Haris tiba tepat pada masa dan tempat yang dijanjikan, di pantai yang indah dan terkenal seketika dengan Festival Wau Antarabangsa. "Abang sampai bila kita harus begini", tanya Zara pada Haris. Haris hanya mendiamkan diri sambil meneguk jus oren yang baru dipesannya.

"Cubalah abang cari kerja yang baik sikit, kalau macam ni, macam mana kita nak kawin nanti", pertanyaan yang pedih dari Zara. Haris dapat merasakan kata-kata Zara seolah-olah mencabar kelakian dan hubungan yang telah lama terjalin. "Bagilah abang masa", jawapan ringkas dari Haris. Sejak pertemuan pada malam itu Haris dapat merasakan ada sesuatu yang akan berlaku antara mereka berdua.

"Oooiiiiiii Haris, engkau usahlah perasan, jangan harap aku akan kawinkan engkau dengan Zara", "Engkau tu bukannya ada kerja yang bagus". Sindiran yang amat pedih setelah menghantar Zara pulang. Dengan hati sedih Haris berlalu ke biliknya. Di tatapinya gambar Zara yang di letakkan di tepi katil. Terlelap Haris dengan perasaan yang penuh pedih dengan kata-kata Zara dan emaknya.

"Ris semalam abang Razak kau pulang bercuti dari Kuala Lumpur, katanya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) akan mengadakan pengambilan anggota baru". "Ayah harap engku pergilah ketika pemilihan tu nanti. Sambil menunggu bot yang membawa muatan beras dari sempadan tiba, termenung dia memikirkan kata-kata ayahnya pagi tadi. Ditambah pula dengan sindiran yang diterima dari emak Zahrah, membuatkan Haris dalam kebingungan. Seperti biasa setelah selesai pekerjaannya, Haris ke padang waktu petang untuk aktiviti riadah bersama rakan-rakan yang lain. Sewaktu dalam perjalanan pulang, dia terserempak

dengan abang Razak. "Ris apa khabar, macam mana keadaan kau sekarang?", Tanya Razak padanya. "Macam ni lah bang, abang bila pulang ke kampung?", tanya Haris sebagai tanda hormat pada Razak yang banyak membantu keluarganya. "Ris kau tak teringin ke masuk Navy", Tanya Razak pada Haris ketika mereka berdua membasahi tekak dengan air kelapa yang segar di restoren berdekatan. "Engkau kat rumah ni bukannya ada kerja yang bagus". "Ok macam ni, setahu abang esok ada pemilihan awal kat KB, kalau engkau rasa nak mencorakkan kehidupan engkau yang baru, abang ingat baik engkau cuba", Razak cuba memberikan keyakinan pada Haris.

Suasana kelam kabut kelihatan di perkarangan S.M.A.M. Haris termenung seketika melihat gelagat orang ramai yang hadir. Mereka semua berpusu-pusu masuk ke dewan utama untuk taklimat yang akan disampaikan oleh pegawai pengambilan anggota baru TLDM. Beberapa sesi ujian telah di jalankan untuk menentukan hanya anggota yang terpilih saja layak menyertai TLDM. "Eh Ris kau pun datang pohon jugak ke, aku ingat engkau tak nak berhenti lagi dengan kerja lama tu", sapa Zaman kawan Haris yang sama-sama menghadiri pemilihan tersebut. "Engkau macam mana dapat tak?" tanya Haris pada Zaman. Zaman hanya menganggukkan kepalanya menandakan beliau juga berjaya ke pemilihan akhir.

"Macam mana Ris, dapat kau masuk Navy?", tanya ibunya. "Tak tahu lagi cuma pemilihan awal ni dikira berjaya, tapi saya kena pergi pemilihan akhir nanti", jawapan yang diberikan oleh Haris begitu bermakna pada ibunya. Dari raut wajah kedua ibu-bapanya jelas menampakkan kegembiraan. Motor dihidupkan, Haris berlalu pergi tanpa meninggalkan apa-apa pesanan.

"Eh Ris, tu bukan Zara ke?", siapa

"Suasana kelam kabut kelihatan di perkarangan S.M.A.M. Haris termenung seketika melihat gelagat orang ramai yang hadir. Mereka semua berpusu-pusu masuk ke dewan utama untuk taklimat yang akan disampaikan oleh pegawai pengambilan anggota baru TLDM."



pulak lelaki yang bersama Zara tu?". Zaman seolah-olah tidak percaya dengan apa yang dilihatnya. Setahunnya hubungan intim Haris dan Zara kecoh diperkatakan oleh orang kampung. "Apa yang dah jadi engkau dengan Zara, Ris?", Tanya Zaman yang pada Haris. Haris hanya diam membisu seribu bahasa. Memang betul tekaan Haris. Zara yang dikenalnya dulu bukan Zara sekarang lagi. Hati perempuan cepat berubah. Daripada kata-kata Zara ketika pertemuan mereka dan dengan sindirin mak piah terhadapnya tempoh hari menjadi kenyataan. "Sabar lah Ris, dia bukan jodoh engkau. Kita harus bersedia terima kenyataan, apa yang penting sekarang tumpukan perhatian pada pemilihan akhir yang akan diadakan tidak lama lagi", Zaman menepuk bahu Haris untuk menenangkannya apabila raut wajah kawannya itu memperlihatkan kekecewaan.

Semua beg pakaian dan dokumen-dokumen yang di isi lengkap dimasukkan ke dalam beg pakaiannya. Sambil menunggu bas yang akan membawanya tiba, Haris terkenangkan kawan-kawan lama yang masih belum berganjak dengan kerjaya mereka di kampung. Seseekali bayangan Zara menjelma di fikirannya, tapi apakan daya dia sudah berubah hati dan kini kepunyaan orang lain. Suasana di terminal bas sayu. Kesedihan kedua-dua ibu-bapa Zaman dan Haris turut sama melanda. "Haris, Zaman, jaga diri baik-baik bila di tempat orang, jangan cari gaduh dengan orang. Kita orang merantau". Nasihat dari kedua-dua ibu-bapa Haris dan Zaman. Mereka cukup masak dengan perangai kedua-dua rakan karib yang "berkepala batu" itu. Kedua-dua tangan orang tua mereka dicium tanda kasih sayang yang tak terhingga. Haris dan Zaman telah di bawa ke Pangkalan TLDM dengan menaiki trak tentera bersama kawan-kawan yang datang dari berlainan negeri. Setibanya di sana, mereka bersama yang lain telah dibawa ke tempat untuk menjalani pemeriksaan keselamatan bagi memastikan tiada benda yang menyalahi undang-undang di bawa. Ke semua yang hadir telah di bahagikan mengikut beberapa kumpulan. Haris dan Zaman tidak bersama lagi dalam satu kumpulan. Haris di tempatkan dalam kumpulan A dan Zaman pula dalam kumpulan C. Hari pertama pemilihan banyak perkara menarik dapat disaksikan oleh mereka berdua. Tidak dapat di nafikan kepenatan jelas terpahat di raut wajah masing-masing. Pun begitu bagi semua yang hadir pada pemilihan akhir masing-masing bertekad untuk menempatkan diri memasuki perkhidmatan TLDM. "Alang-

"Setelah seminggu mengharungi pemilihan akhir, nasib tidak menyebelahi Zaman. Dia akur dengan keputusan yang di umumkan. Zaman telah gagal pada pemilihan akhir di sebabkan kesihatan yang kurang memuaskan tetapi dia bersyukur kerana kawan baiknya telah berjaya"

alang Menyeluk Perkasam Biar Sampai ke Pangkal Lengan". "Man macam mana dengan engkau, boleh tahan lagi ke?" tanya Haris pada Zaman setelah mengetahui yang kawannya telah beberapa kali gagal dalam ujian pada hari berikutnya. "Tak tahu lagi lah Ris, doktor cakap "medical chek up" aku tak berapa baik dan aku cepat penat". Sebenarnya Zaman menghidap asma dan cuba disembunyikan dari pengetahuan Haris.

Setelah seminggu mengharungi pemilihan akhir, nasib tidak menyebelahi Zaman. Dia akur dengan keputusan yang di umumkan. Zaman telah gagal pada pemilihan akhir di sebabkan kesihatan yang kurang memuaskan tetapi dia bersyukur kerana kawan baiknya telah berjaya. "Man nanti kalau engkau balik kampung sampaikan salam pada mak dan ayah aku, katakan pada mereka aku di sini baik". Haris bersalaman dengan Zaman sebelum kawannya itu dan anggota lain yang gagal di hantar pulang. Sedih dan hiba kelihatan di wajah Haris. "Engkau pun sama Ris, jaga diri engkau baik-baik.

"Semua calon rekrut ambil perhatian!!!!!!", Petang ini anda semua dikehendaki memakai pakaian yang paling "smart" dan cantik. Kedengaran satu arahan diumumkan. "Apasal pulak suruh pakai cantik-cantik ni?", "aku kan dah berjaya dalam pemilihan akhir, takkan mereka nak hantar aku pulang pulak?".

Fikir Haris yang masih dalam kebingungan. Haris bersama yang lain telah di bawa ke satu tempat yang agak lapang dan di penuh dengan bongolan tanah merah serta dinding-dinding konkrit. Perasaan gemuruh dan gementar mula mengusai diri Haris walau pun selama ini dialah yang di anggap "kepala batu". "Nombor engkau berapa rekrut?", pertanyaan yang kasar dari salah seorang Jurulatih.

"Argh.....arghk.....arghk..." belum sempat haris menjawab pertanyaan tu, satu penampar hinggap di pipinya. "Lambat..... nombor tentera sendiri pun kau tak ingat haaaaaaa....." tengking jurulatih tersebut. Dalam keadaan antara sedar dan tak sedar, Haris disuruh berlari merentasi beberapa batang kayu balak dan dinding konkrit. Terasa sakitnya bukan main kepalang lagi. Segala ingatan pada keluarga, kawan dan bekas kekasihnya

lenyap sementara waktu. Lenguh-lenguh di badan amat terasa setelah berjaya menghabiskan "orientasi" untuk memasuki alam ketenteraan. Segalanya lengkap diajar dengan peraturan dan disiplin untuk menjadikan seorang anggota tentera yang berwibawa.

Bulan pertama dalam latihan, kesakitan dan lenguh-lenguh seluruh badan amat terasa pada Haris. Tapi itu semua merupakan latihan fizikal yang diwajibkan dalam setiap latihan ketenteraan. Latihan seperti kawad kaki, persenjataan dan latihan fizikal akhirnya dapat mengubah kehidupan mereka. Haris sekarang menyedari yang kehidupan sebenarnya memerlukan perubahan dan ketabahan untuk berjaya. Latihan yang di jalankan selama tiga setengah bulan itu telah berjaya di tamatkan dengan jayanya. Hari ini seluruh pangkalan dihiasi dengan indah. Beberapa khemah di pasang sekitar padang kawad untuk tetamu yang hadir bagi menyaksikan perbarisan tamat latihan. Semua keluarga pelatih juga telah di jemput untuk menyaksikannya. Haris yang kemas berpakaian istiadat Tentera Laut bangga kerana dapat menamatkan latihan tersebut. Linangan air mata kegembiraan membasahi pipi kedua ibu bapanya setelah berjumpa dengan Haris.

"Ayah dan ibu bangga dengan engkau Ris", ungkapan dari mulut bapanya. "macam mana Zara kat kampung ibu?, dah kahwin ke dia tu?" tanya Haris sambil bergurau dengan adiknya. "Tak payahlah engkau fikir pasal dia, dia dah kahwin pun" jawab ibunya sambil ketawa.

"Eeeeeeeeeee..... mengapa dengan abang ni, lengan tangan putih tapi muka pula hitam, ada belang lagi kat dahi tu kan ibu" kata-kata guruan dari adik perempuan Haris yang terkejut melihat perubahan pada diri abangnya. Tergelak mereka dengan kata-kata guruan dari adik perempuan Haris. "Memang betul kata-kata ayah dan ibu pada Haris dulu," hidup ini kalau tiada perubahan, memang kita akan ketinggalan", "Haris bangga kerana sudah pun menunaikan impian ibu dan ayah". "Banyak lagi perkara-perkara yang perlu haris tempuhi kerana ini semua baru titik permulaan dalam perjalanan hidup Haris". S

Mesyuarat Jawatankuasa Laksamana ke-37 di Langkawi



Para laksamana sedang meneliti kertas kerja yang dibentangkan



Lawatan ke tapak projek Markas Wilayah Laut 3 di Langkawi

Majlis Sambutan Hari Raya Bersama (Aidil Adha dan Tahun Baru China)



Kunjungan Diraja DYMM Tengku Mahkota Pahang di Markas Wilayah Laut 1, Pangkalan TLDM Tg Gelang, Kuantan



Selamat menyambut tahun ayam.... Semoga tahun ini lebih ongg....

Pelancaran Pusat Kecemerlangan Sukan Markas Sistem Armada



Pengerusi Jawatan Eksekutif Sukan TLDM sedang menandatangani Plat Pelancaran sambil diperhatikan oleh Panglima Sistem Armada dan Ketua Staf.



Antara warga TLDM yang mengambil bahagian.

Penubuhan Koir Markas Tentera Laut



Para peserta giat menjalani latihan vokal



Pesembahan mantap dan bertenaga kumpulan koir sempena Hari Q MTL

Majlis Sambutan Hari Lahir 3 Laksamana



Acara memotong kek. Panglima dan Timbalan Panglima Tentera Laut bersama bekas Panglima Tentera Laut pertama



Cetusan idea.... antara pemimpin baru dan lama

Lawatan Panglima Tentera Laut Pakistan ke Pangkalan TLDM Lumut



Memeriksa Kawalan Kehormatan di Markas Armada.



Pertukaran cenderahati antara Admiral Shahid Karimullah dengan Kdr Aris Adi Tan bin Abdullah TLDM.

TLDM dan Tsunami di Pulau Pinang



Penglibatan Pasukan Penyelam TLDM dalam usaha mencari dan menyelamatkan mangsa Tsunami.



Lawatan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri ke atas mangsa Tsunami.

Sekitar Sambutan Hari Raya Aidil Fitri/Aidil Adha



Meriah... antara yang hadir di RKTLDM apartmen Mutiara, Kuala Lumpur.



Penyembelihan lembu korban oleh warga rumah keluarga TLDM.

Sambutan Hari Q TLDM



Bacaan ikrar sempena sambutan Hari Q peringkat Markas Wilayah Laut 2.



Perasmian Hari Q peringkat Markas Tentera Laut yang disempurnakan oleh YBhg Panglima Tentera Laut.

TLDM dan Bantuan Kemanusiaan Tsunami Aceh



Bersatu hati dan berkerjasama dalam usaha menghulur bantuan kepada mangsa.



Anak-anak kapal sedang giat memunggah bekalan makanan.

Latihan MAREX 2/04 Malaysia-Filipina



Kepten Raul P. Barcillo PN berjabat tangan dengan anggota PASKAL di ENS Majini Pier Naval Station.



Bergambar kenangan antara anggota PASKAL (TLDM) dan Navy Seal (Filipina).

Kelab Sukan Berkuda ATM



Penghormatan.... Kawalan Kuarter bagi YAB Menteri Pertahanan.



Anggota-anggota pelatih sedang mendengar taklimat keselamatan sebelum sesi latihan dimulakan.



HARI ITU

KEKASIHKU...

JIKA NANTI SUATU HARI
MEREKA BERBICARA TENTANG PILIHAN HATI
AKAN KU UCAPKAN
TELAH KU PILIH ENKAU KEKASIH
KERANA KELUHURAN DAN HATI BUDIMU
BUKAN CINTA BIASA

ENKAU MENYINAR BAGAI MENTARI
BERCAHAYA TERANG MENYULUH KECELAPAN
BERPAKSI KEIMANAN
MENEMANIKU DI SETIAP DETIK
MESKIPUN SEADANYA
KEBAHAGIAAN MENYONSONG JUA

KEKASIHKU...

JIKA NANTI SUATU HARI
MEREKA BERBICARA TENTANG PILIHAN HATI
AKAN KU UCAPKAN
TELAH KU PILIH ENKAU KEKASIH
YANG PALING TERBAIK
BUAT DIRIKU

Kerapu Bara - Sireh

AKU, RASHIDAH, NOSTALGIA DAN PERPISAHAN

Di sini aku..
masih setia menanti mu
warna-warna senja
pada garis waktu
yang entah bila penghujungnya

Di sini aku..
masih bisa mengerti
nostalgia semalam
ketika bersamamu
yang banyak mengilhamkan aku
akan erti kehadiran

Dan kini..
hanya tinggal memori indah
bersama nostalgia semalam
dan seandainya kita berpisah jua,
bersama sebaris puisi syahdu

Aku memohon maaf
di atas bicara semalam
yang mungkin menyakitkan
moga antara kita
yang bernama ENTAH ini
akan terus memancarkan sinar
untuk sekelumit kebahagiaan

Persona 93

TSUNAMI

Tsunami.....

Engkau datang tanpa berita....
Semua terpingga-pingga, tertanya-tanya....
Rupanya engkau datang meragut nyawa tua, dewasa, remaja
dan si anak kecil....

Tsunami.....

Sekali engkau datang bisa memisahkan nyawa dan
badan.....
Kediaman bertaburan bagai jagung tumpah.....
Manusia bergelimpangan bagai sampah....

Tsunami.....

Engkau datang membawa makna yang tiada tolak banding...
Engkau datang membawa pedoman abadi....


Tsunami....

Ikan pun mengerti apa yang terjadi...
Kepiluan tersirat bukannya tersurat


Tsunami.....

Engkau tetap gah meratah mangsamu
Namun engkau datang atas kehendak Ilahi
Tiada makhluk yang biasa mengubahnya

LK 1 TMK Zulkifli b Mohd Noor



Surpassing threats now and in the future



Bofors 40 and 57 Mk3 naval guns together with the technologically unparalleled 3P ammunition ensure tactical freedom on all levels of conflict.

www.boforsdefence.com

 **BOFORS**
DEFENCE

Partnership in Action



BAE SYSTEMS

www.baesystems.com